




# Laporan Tahunan UNIVERSITI MALAYA 2014



# Laporan Tahunan UNIVERSITI MALAYA 2014



## KONSEP KULIT BUKU

Artifak yang terdiri dari sebuah bekas dakwat beriringan sebatang pen yang diperbuat dari logam jenis gangsa menghiasi kulit buku Laporan Tahunan Universiti Malaya 2014. Bekas dakwat dituris corak beburing dan dedaun serta tulisan. Pada pen pula terdapat turisan corak bergalur yang berulang mengelilinginya. Kedua-dua artifak yang berukuran anggaran 25 cm panjang dipamerkan di Muzium Seni Asia, Universiti Malaya. (<http://www.museum.um.edu.my>)

“Mata pena jauh lebih tajam dari mata pedang.” Menjejak sejarah, manusia mencipta pena dan dakwat untuk menulis bagi merekod, menyampaikan mesej mahupun menghasilkan penulisan ilmiah. Seiring perkembangan teknologi, fungsi pena dan dakwat beransur diambilalih oleh komputer dan pencetak. Pena atau komputer, alat-alat ini membantu ahli akademia dalam menyumbang karya ilmiah untuk dimanfaatkan dalam pembangunan masyarakat dan negara.

# KANDUNGAN

VISI, MISI DAN NILAI-NILAI TERAS POLISI KUALITI PIAGAM PELANGGAN MATLAMAT PENDIDIKAN CANSELOR PRO-CANSELOR LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI PENGURUSAN UNIVERSITI PEGAWAI UTAMA AKADEMIK PEGAWAI UTAMA BUKAN AKADEMIK	01	
<b>SELYANG PANDANG</b>	11	
	15	<b>NAIB CANSELOR</b> Laporan Naib Canselor Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama
<b>PENDAFTAR</b> Laporan Pendaftar Pembangunan Sumber Manusia Pembangunan Akademik	35	
	47	<b>AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA</b> Laporan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Hubungan Luar Memorandum Persefahaman & Perjanjian Pertukaran Pelajar Peningkatan Institusi
<b>PENYELIDIKAN &amp; INOVASI</b> Laporan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Penyelidikan dan Pembangunan Penyelidikan Berimpak Tinggi Komuniti dan Kelestarian	85	
	129	<b>HAL EHWAL PELAJAR &amp; ALUMNI</b> Laporan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Kemudahan Pelajar Bantuan Pelajar Aktiviti Pelajar Pembangunan Pelajar Alumni
<b>PEMBANGUNAN</b> Laporan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Pengurusan Infrastruktur Pembangunan Infrastruktur	147	
	177	<b>PUSTAKAWAN</b> Laporan Ketua Pustakawan
<b>DIARI PERISTIWA</b>	187	
	197	<b>KEWANGAN</b> Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Universiti Malaya bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

# Visi

Untuk Menjadi Sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang Ternama di Peringkat Antarabangsa dalam Penyelidikan, Inovasi, Penerbitan dan Pengajaran.

# Misi

Untuk Memajukan Ilmu Pengetahuan dan Pembelajaran Melalui Penyelidikan dan Pendidikan Berkualiti Untuk Negara dan Kemanusiaan.

# Nilai-Nilai Teras

- Integriti
- Hormat
- Kebebasan Akademik
- Berfikiran Terbuka
- Kebertanggungjawapan
- Profesionalisme
- Meritokrasi
- Semangat Kerja Berpasukan
- Kreativiti
- Tanggungjawab Sosial

# Polisi Kualiti

Universiti Malaya beriltizam untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan dan perkhidmatan yang berkualiti, menjana ilmu pengetahuan dan meningkatkan keilmuan melalui usaha penambahbaikan berterusan untuk manfaat semua pelanggan, khususnya pelajar Universiti Malaya.

# Piagam Pelanggan

Kami komited untuk :

- Menghasilkan graduan berkualiti melalui pengalaman pembelajaran yang transformatif dan kondusif.
- Menerajui pengetahuan termaju melalui kerja-kerja penyelidikan dan perundingan.
- Menyediakan sumber tercanggih untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran dan penyelidikan.
- Memupuk dan mengurus bakat untuk keperluan negara.
- Terlibat secara aktif dalam usaha-usaha pembangunan negara dan masyarakat setempat.
- Menyediakan penyelesaian dan kapasiti pengetahuan kepada pihak industri dan organisasi.
- Mengantarabangsakan universiti untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

# Matlamat Pendidikan

Siswazah Universiti Malaya akan berkeupayaan untuk :

- Menunjukkan bahawa mereka berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pengajian mereka, penyelidikan dan amalan profesional serta proses pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah.
- Menggunakan kaedah yang berkesan termasuk teknologi semasa untuk mengurus maklumat, untuk mencapai kepelbagaian matlamat profesional selaras dengan piawai profesional serta membuat keputusan berdasarkan maklumat dan hasil penyelidikan.
- Melibatkan diri dalam pembangunan sendiri dan pembangunan profesional secara berterusan, menyokong pembangunan profesional orang lain dan menunjukkan sikap kepimpinan dan profesional yang positif serta berbudi pekerti bagi amalan yang berkesan.
- Berkomunikasi secara berkesan dengan ahli profesional yang lain, masyarakat dan mempamerkan wawasan jelas terhadap tanggungjawab sosial.
- Menghayati dan sentiasa berpandukan nilai-nilai teras Universiti Malaya iaitu integriti, hormat, kebebasan akademik, berfikiran terbuka, kebertanggungjawapan, profesionalisme, meritokrasi, semangat kerja berpasukan, kreativiti dan tanggungjawab sosial.



# Cancellor

DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN  
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM  
SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH



# Pro-Cancellor

YANG AMAT BERBAHAGIA TOH PUAN DATO' SERI  
HAJJAH DR. AISHAH ONG



# Pro-Cancellor

YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SERI  
SITI NORMA BINTI YAAKOB



# Pro-Canselor

YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SERI DIRAJA  
RAMLI NGAH TALIB



# Lembaga Pengarah Universiti



**PENGERUSI**  
YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama  
Arshad Ayub



**NAIB CANSOLOR**  
YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd  
Amin Jalaludin



YBhg. Dato' Wan Khazanah binti Ismail  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## DUA ORANG YANG MEWAKILI KERAJAAN



Encik Wan Mansor bin Wan Hitam  
Ketua Penolong Pengarah Belanjawan Negara  
Sektor Perkhidmatan Am (A)  
Kementerian Kewangan Malaysia



## SEORANG YANG MEWAKILI MASYARAKAT DI TEMPAT DI MANA UNIVERSITI ITU TERLETAK

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr.  
Muhammad Shafee Abdullah



## SEORANG PROFESOR UNIVERSITI YANG DIPILIH OLEH SENAT DARIPADA KALANGAN AHLI YANG DISEBUT DALAM PERENGGAN 17(d)

YBhg. Profesor Datin Dr. Zahurin Mohamed

## LIMA ORANG YANG TERDIRI DARIPADA TIGA ORANG DARIPADA SEKTOR SWASTA, SEORANG DARIPADA ALUMNI UNIVERSITI DAN SEORANG LAGI DARI DALAM ATAU LUAR UNIVERSITI YANG PADA PENDAPAT MENTERI, MEMPUNYAI PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN YANG BOLEH MEMBANTU LEMBAGA



YBhg. Datuk David Chua  
Kok Tee



Ar. Saifuddin bin Ahmad



YBhg. Profesor Emeritus Dato'  
Dr. Lian Chin Boon



YBhg. Datuk Seri Panglima  
Mohd Annuar Zaini



YBhg. Profesor Dato' Dr.  
R. Thillainathan



**SETIAUSAHA**  
Encik Yusoff bin Musa

# Pengurusan Universiti



YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd  
Amin Jalaludin  
Naib Canselor



Profesor Dr. Awang  
Bulgiba Awang Mahmud  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)



Profesor Dr. Mohd  
Hamdi Abd. Shukor  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik &  
Antarabangsa)



Profesor Dr. Faisal Rafiq  
Mahamd Adikan  
Timbalan Naib Canselor  
(Pembangunan)



YBhg. Profesor Datuk  
Dr. Rohana Yusof  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar &  
Alumni)



Encik Yusoff Musa  
Pendaftar



Puan Haliza Harun  
Bendahari



Dr. Nor Edzan  
Haji Che Nasir  
Ketua Pustakawan



YBhg. Profesor Dato' Dr.  
Ikram Shah Ismail  
Pengarah, Pusat  
Perubatan Universiti  
Malaya

# Pegawai Utama Akademik

## Dekan Fakulti / Institut

Profesor Madya Dr. Yahaya Ahmad  
Fakulti Alam Bina

Profesor Dr. Zuraidah Md Don  
Fakulti Bahasa dan Linguistik

Profesor Dr. Noor Azina Ismail  
Fakulti Ekonomi & Pentadbiran

Profesor Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman  
Fakulti Kejuruteraan

Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman  
Fakulti Perubatan

Profesor Dr. Mohd Nazari Ismail  
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan

Profesor Madya Dr. Mariani Md Nor  
Fakulti Pendidikan

Profesor Madya Dr. Abdullah Gani  
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Profesor Dr. Zanariah Abdullah  
Fakulti Sains

YBhg. Profesor Dato' Dr. Zainal Ariff Abdul  
Rahman  
Fakulti Pergigian

Profesor Dr. Md Sidin Ahmad Ishak  
Fakulti Sastera & Sains Sosial

Profesor Madya Dr. Johan Samsuddin  
Sabaruddin  
Fakulti Undang-Undang

YBhg. Profesor Datin Dr. Norhanom Abdul  
Wahab  
Institut Pengajian Siswazah

## Pengarah Akademi

YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli  
Mohd Yusoff  
Akademi Pengajian Islam

Profesor Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan  
Akademi Pengajian Melayu

## Pengarah Pusat

Profesor Madya Dr. Mohd Nasir Hashim  
Pusat Kebudayaan

Profesor Madya Dr. Mohd Salleh Aman  
Pusat Sukan

Profesor Madya Dr. Kamaluddin A. Rashid  
Pusat Asasi Sains

YBhg. Profesor Dato' Dr. Mansor Md. Isa  
Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya

## Pengarah Institut

Profesor Dr. Alma Harris  
Institut Kepimpinan Pendidikan

Profesor Dr. Noorsaadah Abdul Rahman  
Institut Pengurusan & Pemantauan Penyelidikan

Profesor Madya Dr. Md. Nasrudin Md. Akhir  
Institut Asia-Eropah

Profesor Madya Dr. Khadijah Md. Khalid  
Institut Antarabangsa Polisi Awam & Pengurusan

# Pegawai Utama Bukan Akademik

## Pengarah

Profesor Madya Dr. Kamila Ghazali  
Pejabat Hubungan Antarabangsa & Korporat  
(ICR)

Encik Yusof Harun  
Pejabat Keselamatan

Puan Zarina Zainol Abidin  
Pusat Pelajar Antarabangsa (ISC)

Profesor Dr. Fauza Abdul Ghaffar  
Pusat Pengurusan & Penambahbaikan Kualiti  
(QMEC)

Profesor Dr. Rofina Yasmin Othman  
Pusat Inovasi & Pengkomersilan Universiti  
Malaya (UMCIC)

Dr. David Asirvatham  
Pusat Teknologi Maklumat

Profesor Dr. Danny Wong Tze Ken  
Pusat Perancangan & Strategi Global (PPSG)

Encik Adam Wong Abdullah  
Penerbit Universiti Malaya (UMPress)

YBhg. Dato' Dr. Zaiton Osman  
Pusat Peningkatan Institusi (IAC)

YBhg. Profesor Dato' Dr. Azarae Haji Idris  
(Malaysia)

Encik Chen Zhong (China)  
Institut Kong Zi

Ir. Hashbullishman Hashim (Pemangku)  
Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan Harta  
Benda (JPPHB)

Profesor Madya Dr. Aida Idris  
Pusat Pembangunan Akademik (ADeC)  
Profesor Dr. Mohd Ali Hashim  
Penyelidikan Berimpak Tinggi (HIR)

## Ketua

Puan Salwati Mohd Aris (Pemangku)  
Unit Perundangan

Encik Jalani Hassan  
Seksyen Audit Dalaman & Integriti

Encik Puniamurthy Krishnasamy  
Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

Profesor Madya Dr. Siti Nurani Mohd Noor  
Seksyen Kokurikulum, Elektif Luar Fakulti &  
TITAS (SKET)

Puan Siti Salwa Md Padzil  
Bahagian Pentadbiran Pendaftar

Puan Rosmawati Mohd Ali  
Bahagian Latihan & Pembangunan Staf (STanD)

## Timbalan Pendaftar

Puan Robaayah Mohd Ghazali  
Bahagian Sumber Manusia

Puan Nor Zaherah Mohd Yusof  
Bahagian Akademik

Encik Yusof Harun  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni



# Selayang Pandang

**U**niversiti Malaya (UM) merupakan universiti pertama yang ditubuhkan di Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) pada 8 Oktober 1949. Ia lahir daripada gabungan dua institusi iaitu *King Edward VII College of Medicine* (ditubuhkan pada 1905) dan *Raffles College* (ditubuhkan pada 1928).

*Universiti Malaya disokong oleh hospital penyelidikan terbesar dan pertama di Malaysia iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), dua akademi, dua belas fakulti, lima institut dan empat pusat akademik yang bersifat menyeluruh merangkumi bidang perubatan, sains, teknologi serta sains sosial dan sains kemasyarakatan.*



Penubuhannya menjadi pemacu kepada kemajuan pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu sehingga tertubuhnya dua cawangan autonomi yang terletak di Singapura dan Kuala Lumpur pada tahun 1956. Dalam usaha memperkukuhkan pendidikan tinggi di kedua-dua negeri, status universiti cawangan perlu dinaik taraf kepada universiti kebangsaan. Oleh itu, Akta Parlimen 1961 telah diluluskan dan secara langsung mengiktiraf serta mengangkat martabat Universiti Malaya di Kuala Lumpur daripada status cawangan kepada universiti kebangsaan.

Universiti Malaya yang dikenali pada hari ini secara rasminya bertapak kukuh sebagai universiti kebangsaan untuk Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Januari 1962. Matlamat awal dalam menyediakan pendidikan tinggi kepada penduduk Tanah Melayu telah berjaya melahirkan pemimpin dan intelektual dalam pelbagai bidang. Ketika Malaysia melalui pelbagai proses transformasi dalam dunia pendidikan, Universiti Malaya terus melipat gandakan usahanya bagi menjayakan visi untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

Bagi menjayakan wawasan murni ini, Universiti Malaya disokong oleh hospital

penyelidikan terbesar dan pertama di Malaysia iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), dua akademi, dua belas fakulti, lima institut dan empat pusat akademik yang bersifat menyeluruh merangkumi bidang perubatan, sains, teknologi serta sains sosial dan sains kemasyarakatan. Selain daripada itu, dalam usaha menyumbang kepada perkembangan ilmu Universiti Malaya telah mewujudkan enam Kluster Penyelidikan. Penubuhan kluster ini menawarkan penyelesaian dan penemuan terbaru dalam pelbagai bidang. Penekanan terhadap bidang penyelidikan diperkukuhkan dengan tertubuhnya pusat kecemerlangan di pelbagai pusat pengajian. Pengajaran, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan komersialisasi menjadi tunjang usaha Universiti Malaya menyumbang kepada dunia akademik dan masyarakat.

Bersandarkan kepada slogan “Peneraju dalam penyelidikan dan inovasi”, Universiti Malaya telah berjaya melahirkan lebih daripada 266,000 modal insan di negara ini. Pada 26 Januari 2012, Universiti Malaya telah diberikan status autonomi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (kini dikenali Kementerian Pendidikan).

Dengan menjadikan aspirasi nasional sebagai pegangan, Universiti Malaya terus memperkukuhkan kedudukannya dalam dunia akademik di peringkat nasional



mahupun antarabangsa. UM berada pada kedudukan ke-151 di dunia bagi *QS World University Ranking 2014/15* dan di tangga ke-32 bagi *QS Asian University Rankings 2014*. UM juga merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang tersenarai dalam kalangan 400 universiti terbaik dunia (*Academic Ranking of World Universities*) oleh *Shanghai Jiao Tong, China* dan juga tersenarai dalam *US News Best Global Universities* yang turut menyenaraikan UM pada kedudukan ke-423. UM juga turut berbangga dengan

pencapaian pada kedudukan ke-72 dalam *UI Green Metric Ranking World University Ranking*. Pencapaian ini menobatkan Universiti Malaya sebagai universiti terbaik di Malaysia. Universiti Malaya juga telah diiktiraf sebagai universiti pilihan oleh *Reader's Digest Trusted Brand* selama 7 tahun berturut-turut sejak tahun 2007 hingga 2013. Dengan rekod tersebut, UM telah dianugerahkan Anugerah Platinum dalam Kategori "Universiti Awam" pada 27 Mei 2014.

# 151

QS World University  
Ranking 2014/15

# 32

QS Asian University  
Ranking 2014

# 423

US News Best Global  
Universities

# 72

UI Green Metric Ranking  
World University Ranking

---

**Universiti Malaya juga telah diiktiraf sebagai universiti pilihan oleh Reader's Digest Trusted Brand selama 7 tahun berturut-turut sejak tahun 2007 hingga 2013. Dengan rekod tersebut, UM telah dianugerahkan Anugerah Platinum dalam Kategori "Universiti Awam" pada 27 Mei 2014.**

---

Sebagai salah sebuah Universiti Penyelidikan, Geran *High Impact Research (HIR)* telah diwujudkan pada Februari 2010 yang mensasarkan jumlah penerbitan Jurnal ISI/WoS Tier 1. Pada peringkat awal penubuhannya, sejumlah RM10 juta dana dalaman telah diperuntukkan bagi menggalakkan lebih banyak penghasilan penerbitan berimpak tinggi. Menyedari kepentingan UM sebagai institusi penyelidikan terkemuka negara, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM590 juta kepada Program UM-MOHE HIR bagi tempoh 5 tahun bermula Ogos 2011 sehingga 2015.

Ahli Jawatankuasa HIR telah dibentuk bagi memastikan pelaksanaan HIR mencapai sasarannya pada tahun 2015 dan dibantu oleh beberapa saintis ulung yang dilantik bagi menganggotai Majlis Penasihat HIR. Ahli-ahli Majlis akan menasihati universiti dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang keutamaan penyelidikan berimpak tinggi termasuk menjalankan penyelidikan bersama antara UM dan institusi mereka sendiri. Sehingga kini, UM telah melantik tiga Felo Nobel dan dua Profesor Ulung sebagai ahli Majlis Penasihat HIR. Mereka ialah Felo Nobel Profesor Barry Marshall (Pemenang Hadiah Nobel dalam bidang Perubatan Psikologi), Felo Nobel Profesor Ryoji Noyori

(Pemenang Hadiah Nobel dalam bidang Kimia), Felo Nobel Profesor David Baltimore (Pemenang Hadiah Nobel dalam bidang Perubatan Psikologi), Profesor Ulung Rita Colwell (University of Maryland, USA) dan Profesor Ulung Wong Chi-Huey (Academia Sinica, Taiwan).

Bagi memastikan kurikulum yang disediakan menepati kehendak serta keperluan nasional dan antarabangsa, Universiti Malaya telah berjaya memperoleh akreditasi daripada pelbagai institusi dan badan profesional antarabangsa. Antaranya *Washington Accord, Institution of Chemical Engineers UK, Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS), Association of Building Engineers, Royal Institute of British Architects (RIBA), The Association of Chartered Certified Accountants, The Chartered Institute of Management Accountants, Institute of Chartered Accountants England and Wales, Certified Practising Accountants of Australia, SMBG-Eduniversal France, Royal College of Surgeons of England UK, Institute of Physics & Engineering in Medicine UK, Association of MBA, UK* dan banyak lagi. Ini menunjukkan program yang ditawarkan di Universiti Malaya bukan sahaja relevan tetapi juga diiktiraf di peringkat antarabangsa. Di atas kejayaan Universiti Malaya dalam pengurusan penyelidikan, proses audit Malaysian Research Assessment Instrument II (MyRA II), Kementerian Pendidikan ke atas Universiti Penyelidikan telah meletakkan Universiti Malaya sebagai '*the Best Research University in Malaysia with the Highest Marks*' pada 1 Disember 2013. Satu lagi pengiktirafan Universiti Malaya di peringkat antarabangsa terbukti apabila ia menjadi satu-satunya institusi pengajian tinggi di negara ini yang mendapat penarafan 5 bintang oleh QS Stars Ratings pada 8 Mei 2014. Sebagai universiti ulung di negara ini, Universiti Malaya berikrar untuk menerajui bidang penyelidikan dan inovasi dan mencapai kedudukan di antara 50 universiti terbaik dunia menjelang 2020.



Dewan Tunku Canselor



# Naib Canselor

- Laporan Naib Canselor
- Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama





# Laporan Naib Canselor

Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohd Amin Jalaludin

Pencapaian dan kejayaan yang dikecapi pada tahun 2014 adalah berkat usaha dan pengorbanan seluruh warga Universiti Malaya (UM). Setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga UM di atas komitmen berterusan dalam mencipta kejayaan dan memahat nama UM di persada pengajian tinggi negara dan antarabangsa. UM harus terus memandang ke hadapan dan menyokong usaha terutama dalam mencapai kedudukan 100 *ranking* universiti terbaik dunia pada tahun 2016 dan 50 pada tahun 2020.

# Penarafan dan Penyetaraan

Komitmen kita untuk mencapai sasaran dalam penarafan dan penyetaraan Universiti sangat penting, kerana kita mahu melihat prestasi Universiti Malaya di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Pada tahun 2014, kita berjaya meletakkan Universiti Malaya di kedudukan 151 dalam *ranking* dunia daripada kedudukan 167 pada tahun 2013. Manakala di peringkat Asia pula UM di tangga 32 daripada tangga 33 pada tahun sebelumnya. Universiti Malaya merupakan satu satunya IPTA yang memperoleh penarafan lima bintang daripada *QS Intelligence Unit* dan ini meletakkan UM di kelompok yang sama dengan universiti terkemuka dunia terutama daripada New York, Duke dan Columbia. Berdasarkan keputusan *Shanghai Jiao Tong World Ranking* 2014, UM juga kekal tersenarai dalam 400 Universiti terbaik dunia menjadikan kita Universiti tunggal di negara ini di dalam *ranking* berkenaan.


Pencapaian dan kejayaan ini membuktikan UM telah berada di landasan yang betul dan membawa Universiti ini ke satu tahap yang lebih baik dan cemerlang.

Di dalam usaha untuk mempertingkatkan kecemerlangan di peringkat antarabangsa, UM juga turut memberi perhatian kepada inisiatif dan proses penyetaraan di peringkat kebangsaan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) menunjukkan komitmen berterusan pihak kerajaan dalam memastikan agenda Pendidikan Tinggi Negara sentiasa diutamakan. Berdasarkan Pelan ini, pelbagai cabaran telah dikenalpasti untuk ditangani. Antaranya mempersiapkan graduan yang holistik serta menguasai pelbagai kemahiran, cabaran merapatkan hubungan Universiti dengan industri, cabaran *ranking*, dan yang paling penting adalah kelestarian kewangan dan autonomi.

---

*...kita berjaya meletakkan Universiti Malaya di kedudukan 151 dalam ranking dunia daripada kedudukan 167 pada tahun 2013. Manakala di peringkat Asia pula UM di tangga 32 daripada tangga 33 pada tahun sebelumnya. Universiti Malaya merupakan satu satunya IPTA yang memperoleh penarafan lima bintang daripada QS Intelligence Unit...*

---



# Memperkukuh Pengajaran dan Pembelajaran

**Polisi Induk Pengurusan Program Akademik sedang digubal yang merangkumi semua aspek pengurusan program termasuklah pembangunan program baru, pelaksanaan dan pemantauan program, pengiktirafan dan penutupan program. Ini bagi memastikan setiap program yang ditawarkan berkualiti, diiktiraf dan selari dengan keperluan negara.**

Proses memperkasakan pengajaran dan pembelajaran perlu menjadi usaha berterusan bagi memastikan UM mampu melahirkan modal insan, yang memenuhi pasaran pekerjaan dan meningkatkan jumlah bakat intelektual (*intellectual talent*) untuk keperluan negara. Bagi mempersiapkan dan memantapkan kualiti staf akademik pelbagai program telah dan akan dilaksanakan. Sebagai contoh, polisi SLAB/SLAI kini memberi fokus penempatan calon untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi yang tersenarai dalam ranking 100 terbaik dunia. Ia bagi memastikan bahawa staf akademik mendapat pendedahan terbaik supaya mereka dapat menyumbang semula kepada Universiti dengan standard yang tinggi dan berkualiti.

Usaha pihak Pengurusan Universiti bagi mewajibkan setiap staf akademik yang baru dilantik untuk mengikuti program sangkutan atau dikenali dengan program *Emerging Scholars Leadership Advancement* (EmeraLd). Program di bawah kelolaan Pusat Pembangunan Akademik (ADeC) ini memberi pendedahan kepada pensyarah baru mengenai aspek-aspek penting dalam pengurusan sesebuah Universiti yang meliputi elemen pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penyeliaan dan pentadbiran.

Program Sabatikal Khas yang diperkenalkan pada tahun 2014 merupakan insentif yang diberikan kepada staf akademik untuk menjalankan penyelidikan bagi tempoh 12 bulan di universiti terkemuka dunia. Dalam tempoh tersebut staf akan membuat penyelidikan seterusnya menghasilkan penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi. Program ini merupakan tambahan kepada kemudahan cuti sabatikal sedia ada. Selain itu, kemudahan staf akademik mengikuti Sabatikal Industri juga terbentang luas di mana mereka berpeluang menjalani sangkutan di pelbagai sektor swasta dan industri bagi menjalankan penyelidikan tertentu seterusnya berkongsi pengalaman yang mereka peroleh bersama pelajar.

Penubuhan Pusat Pembangunan Kurikulum (PPK) juga telah membantu usaha pihak Universiti dalam mengkoordinasi penggubalan dan semakan kurikulum. Melalui Pusat ini kita telah membuat semakan polisi pelantikan penilai luar program yang tidak lain tidak bukan adalah bagi memastikan perolehan input-input yang profesional, telus dan komprehensif bagi membantu kita membuat keputusan mengenai program akademik di Universiti. PPK juga sedang dalam usaha membangunkan program-program baru yang lebih bersifat multi-disiplin, inter-disiplin dan holistik bersesuaian dengan keperluan pasaran kini dan tuntutan masa hadapan tanpa mengeneppikan ciri-ciri keusahawanan dan kemahiran insaniah.

Polisi Induk Pengurusan Program Akademik sedang digubal yang merangkumi semua aspek pengurusan program termasuklah pembangunan program baru, pelaksanaan dan pemantauan program, pengiktirafan dan penutupan program. Ini bagi memastikan setiap program yang ditawarkan berkualiti, diiktiraf dan selari dengan keperluan negara. UM juga sedang membuat penambahbaikan terhadap Sistem Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran (CTES) dengan mengutamakan kaedah penilaian 360 darjah meliputi maklum balas pelajar, Ketua Jabatan, rakan sekerja dan penilaian sendiri bagi peningkatan berterusan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan Laporan Audit Ijazah Tinggi yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), UM telah mendapat pengiktirafan berdasarkan kemantapan sistem jaminan kualiti dalaman dan kualiti program Ijazah Tinggi yang ditawarkan. Daripada laporan tersebut program Ijazah Tinggi UM layak disenaraikan di dalam Daftar Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualification Register* (MQR) yang merupakan rujukan utama dalam penilaian kualiti dan pemilihan sesuatu program.



# Membangun Potensi dan Memperkasa Kualiti Pelajar

Proses pembentukan dan pembangunan sahsiah pelajar terus menjadi agenda utama Universiti seiring dengan hasrat negara melahirkan graduan berpotensi unggul serta seimbang dari segi akademik dan sahsiah. Peranan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) menjadi sandaran utama Universiti bagi memastikan usaha-usaha berkaitan pembangunan pelajar dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.

Pada tahun 2014 telah menyaksikan pelbagai aktiviti digerakkan bukan hanya di peringkat HEPA tetapi juga pihak lain dalam Universiti. Kerjasama pelbagai pihak untuk menjaga ekologi Universiti melalui aktiviti di bawah Pusat Komuniti dan Kelestarian

(UMCares) dan Sekretariat Sukarelawan UM cukup membanggakan. Projek *Revival* Tasik contohnya telah menjadi tumpuan warga kampus apabila inisiatif Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) dengan bantuan pelajar telah berjaya menghidupkan semula Tasik Varsity UM.

Di saat negara berdukacita atas bencana alam yang menimpa beberapa buah negeri, tiada apa yang lebih membanggakan apabila warga Universiti bersatu tenaga memberi sumbangan yang tidak berbelah bahagi. Sumbangan tenaga, kepakaran, harta benda dan wang yang tidak putus-putus bagi menyokong Misi Banjir membuktikan Universiti ini bukan

---

*Di saat negara berdukacita atas bencana alam yang menimpa beberapa buah negeri, tiada apa yang lebih membanggakan apabila warga Universiti bersatu tenaga memberi sumbangan yang tidak berbelah bahagi.*

---



**Penyertaan pelajar UM dalam pertandingan di peringkat dalam dan luar negara juga membanggakan apabila daripada 20 pertandingan dalam negara, pelajar UM telah berjaya memenangi 7 daripadanya. Manakala di peringkat antarabangsa pula daripada 11 pertandingan yang disertai 5 daripadanya mendapat kemenangan.**

setakat gedung ilmu tetapi juga sarat dengan manusia berjiwa prihatin.

Aktiviti kesukarelaan seperti ini dapat membina jati diri di kalangan pelajar untuk mempersiapkan mereka menjadi graduan yang holistik dan berkualiti apatah lagi mulai sesi 2014/2015 semua pelajar Ijazah Pertama diwajibkan mengikuti kursus Jalinan Masyarakat atau *Community Engagement* yang pastinya membantu memantapkan pelajar UM dalam kerja-kerja kemasyarakatan.

Penyertaan pelajar UM dalam pertandingan di peringkat dalam dan luar negara juga membanggakan apabila daripada 20 pertandingan dalam negara, pelajar UM telah berjaya memenangi 7 daripadanya. Manakala di peringkat antarabangsa pula daripada 11 pertandingan yang disertai 5 daripadanya mendapat kemenangan.

Mulai Sesi 2015/2016, UM telah diberi mandat untuk melaksanakan sendiri kemasukan pelajar bagi program ijazah pertama tanpa terikat dengan sistem UPU. Ini bermakna UM mempunyai kelebihan memilih calon-calon berkualiti untuk mengikuti pengajian di Universiti ini

seterusnya dibentuk menjadi graduan yang holistik di akhir pengajian.

Menyedari hakikat bahawa mahasiswa merupakan aset penting negara, UM telah mengorak langkah untuk menjadi Universiti pertama yang mempunyai Polisi Universiti Inklusif Siswa Orang Kurang Upaya. Ini bagi memastikan kebajikan siswa dengan kelainan upaya ini terus terpelihara. Hasil pelaksanaan polisi berkenaan Persidangan Varsiti Inklusif UM, telah diadakan buat kali pertama dan mendapat sambutan memberangsangkan daripada semua IPT. Bagi tahun 2015, UM merangka 4 strategi untuk menyelaraskan pengurusan siswa OKU iaitu, pengurusan pelajar OKU, kebolehcapaian bangunan dan persekitaran kampus, kemudahan pembelajaran dan khidmat sokongan serta kualiti hidup dan persediaan kerjaya.

Sebagai langkah untuk menyokong usaha di atas UM telahpun menghasilkan *Accessibility Map* yang memberi panduan kepada warga OKU dan pihak luar mengakses kemudahan-kemudahan yang disediakan di Universiti ini khusus bagi golongan tersebut. Ia secara tidak langsung menunjukkan kepada pihak luar bahawa kampus UM adalah *OKU Friendly*.

## Kebajikan Warga

Kebajikan warga kampus adalah agenda paling utama dalam memastikan pelajar mahupun staf dapat memberi sumbangan terbaik kepada Universiti kerana keselesaan mereka belajar mahupun bekerja sangat berkait dengan prestasi yang dihasilkan. Selaras dengan itu, Universiti sentiasa meningkatkan usaha memberikan yang terbaik buat warganya. Usaha mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif terus dilaksanakan demi memberi keselesaan kepada pelajar.

Pada tahun 2014, JPPHB telah berjaya merekabentuk dan menyiapkan 9 ruang interaktif dan pelbagai guna yang dinamakan "*The Cube*" di beberapa

PTJ. Usaha mewujudkan ruang sebegini merupakan satu langkah untuk merangsang minda pelajar supaya lebih kreatif dan mendorong mereka menjadikan kawasan kampus sebagai pilihan utama dalam menuntut ilmu. Selain "*The Cube*", UM juga telah merekabentuk dan menaik taraf beberapa kemudahan lain di sekitar kampus seperti makmal, bengkel pengajaran, tandas dan *Student Learning Centre*.

Universiti juga telah memulakan kerja-kerja menaiktaraf dan membaiki pulih beberapa Kolej Kediaman termasuk mengecat semula bangunan dan menukar perabot rosak. Selain daripada itu, UM juga sedang mengenalpasti dan menaik

taraf kemudahan lif sedia ada untuk lebih mesra pengguna serta melihat kesesuaian menyediakan kemudahan lif di bangunan-bangunan sedia ada. Ruang yang sesuai sedang dikenalpasti untuk didirikan premis yang dilengkapi dengan kemudahan berpusat yang menempatkan restoran, pasar mini dan ruang letak kereta.

Usaha menaik taraf infrastruktur *wireless* di seluruh kampus serta menaiktaraf kabel *fiber* dan *switch* berkapasiti rendah atau usang turut dilaksanakan di seluruh kampus. Ini bagi memastikan warga UM mendapat akses kepada internet dengan lebih berkualiti. Pusat Teknologi Maklumat (PTM) telah mendapat kelulusan peruntukan bagi menggantikan 3,000 buah komputer yang berusia melebihi 7 tahun. Dengan adanya komputer baharu ini, tugas harian staf akan menjadi lebih lancar dan meningkatkan produktiviti.

Menyedari kos sara hidup yang tinggi di kota besar seperti Kuala Lumpur, pihak Universiti telah membuat keputusan supaya urusan operasi TASKA Universiti Malaya atau TASKUM akan diambil alih

sepenuhnya oleh Bahagian Sumber Manusia mulai 1 Januari 2015. Ia bagi memastikan TASKUM dapat beroperasi menggunakan modul yang sesuai dengan yuran yang berpatutan. Selain TASKA, kemudahan transit juga disediakan bagi anak-anak staf yang bersekolah di sekitar kampus. Ini akan memberi penyelesaian kepada staf yang sebelum ini terpaksa menggunakan waktu pejabat bagi menguruskan hal persekolahan anak-anak.

Dengan kerjasama Fakulti Pendidikan, perancangan sedang dibuat supaya kedua-dua entiti iaitu TASKUM dan TADIKUM diletakkan di bawah "*Early Child Care Centre University Malaya*". Entiti ini boleh dijadikan model Pendidikan Awal Kanak-kanak yang pertama seumpamanya dalam kalangan IPTA yang mempunyai makmal pengajaran dan pembelajaran terkini. Dengan cara ini, diharap bukan sahaja ia dapat menyediakan program pendidikan awal yang berkualiti tetapi juga meringankan masalah pengurusan persekolahan dan penjagaan anak-anak staf.

- 1 *Early Child Care Centre University of Malaya*
- 2 *The Cube*



# Memperkasa Penyelidikan dan Inovasi

Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa penyelidikan dan inovasi harus terus diberi pemerksaan. Tahun 2014 menyaksikan pelbagai kejayaan warga Universiti di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita melihat pertambahan jumlah penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi yang dihasilkan oleh warga UM. Sehingga 31 Disember 2014, statistik yang dikeluarkan oleh Perpustakaan menunjukkan UM telah menerbitkan 2,556 artikel dalam kertas indeks ISI, 2,669 artikel pula diterbitkan dalam indeks Scopus, manakala 161 jumlah paten pula telah difaikan. Pada tahun lalu sahaja sebanyak 56 paten dihasilkan di mana jumlah tersebut bertambah 4 kali ganda dari tahun sebelumnya.

Sudah sampai masanya untuk UM berkongsi kejayaan penyelidikan kepada masyarakat. UM kini sedang berusaha menjadi hab inovasi di peringkat negara dan kemudiannya diperluaskan ke peringkat Asia. Adalah diharapkan dengan ini semakin banyak produk yang dihasilkan melalui aktiviti penyelidikan dapat dikomersilkan dan menjana pendapatan kepada Universiti dan negara.

UM amat berbangga kerana hasil penyelidikan yang memberi erti yang amat berharga kepada mangsa banjir baru-baru ini. *Ultrafiltration (UF)* telah dipasang bagi menapis dan merawat air banjir atau air sungai untuk dijadikan air bersih bagi kegunaan mangsa banjir. Untuk makluman, projek ini merupakan usahasama penyelidikan UM daripada *Center for Separation Science and Technology*, Fakulti Kejuruteraan dengan TechKem Sdn. Bhd.

1 Tube well



Selain itu, penyelidik dari Fakulti Sains telah dan sedang memasang *tube well* atau perigi tiub di lokasi yang telah terjejas akibat banjir. Sumbangan ini walaupun nampak kecil pasti memberi kesan jangka masa panjang kepada masyarakat. UM amat berbesar hati kerana beberapa pihak telah tampil memberi tajaan untuk pemasangan perigi tersebut antaranya Media Prima dan CIMB Bank. Kita juga menerima tajaan perseorangan dan beberapa PTJ di dalam Universiti ini sendiri.

Tidak dinafikan apabila memperkatakan tentang penyelidikan, yang terbayang adalah sains dan teknologi. Agak kurang kita melihat dengan serius bidang sains sosial dan kemanusiaan. Justeru itu, pada penghujung 2014 pelbagai strategi telah direncanakan bagi melihat semula isu-isu berkaitan penyelidikan dalam bidang sains sosial termasuklah melihat semula KPI tahunan serta *Standard Academic Performance Target* (SAPT). Ini bagi memastikan para penyelidik dari bidang berkenaan diberi penilaian yang lebih adil terutama yang melibatkan proses kenaikan pangkat dan sebagainya. Menjadi harapan Universiti untuk melihat lebih ramai penyelidik dalam sains sosial menyahut cabaran untuk memperbanyakkan aktiviti penyelidikan di peringkat Universiti, negara dan antarabangsa. Dan sekali lagi, kita juga mengharapkan hasil penyelidikan mereka diterjemahkan dalam bentuk sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Projek penyelidikan *Grand Challenge* merupakan inisiatif UM dalam

menguruskan penyelidikan dengan pendekatan baru yang belum pernah dilaksanakan oleh mana-mana universiti. Untuk memastikan inisiatif *Grand Challenge* ini mencapai matlamatnya, pihak Universiti telah menyediakan peruntukan sebanyak RM8 juta bagi tahun 2015. Melalui usaha ini lebih ramai tokoh terkemuka di peringkat antarabangsa dalam bidang tertentu akan dibawa masuk dengan harapan, para penyelidik UM dapat mengambil peluang untuk berkolaborasi dengan mereka.

UM juga akan terus menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak dalam dan luar bagi projek kolaborasi penyelidikan termasuklah dengan pihak industri. Pada tahun 2014, UM telah menjalin kolaborasi dengan University of California Santa Barbara untuk projek *Next Generation Gallium on Gallium LED*. UM juga meneruskan kerjasama dengan Nobel Laureate Profesor Shuji Nakamura bagi projek berkenaan dengan pembiayaan keseluruhannya oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM70 juta. Projek ini akan dimulakan dengan pembinaan fasiliti yang bernilai RM6 juta.

Bagi meneruskan inisiatif Universiti dalam Penyelidikan Berimpak Tinggi atau *High Impact Research*, UM sedang di peringkat akhir dalam mendapatkan peruntukan sebanyak RM 1 billion daripada pihak kerajaan khusus bagi HIR Fasa II yang akan bermula pada tahun 2016 sehingga 2020.

*Bagi meneruskan inisiatif Universiti dalam Penyelidikan Berimpak Tinggi atau High Impact Research, UM sedang di peringkat akhir dalam mendapatkan peruntukan sebanyak RM 1 billion daripada pihak kerajaan khusus bagi HIR Fasa II yang akan bermula pada tahun 2016 sehingga 2020.*

2 Ultrafiltration (UF)





Bagi program pertukaran yang melibatkan pemindahan kredit, dilihat peningkatan yang ketara di mana pada tahun 2014 seramai 264 pelajar telah menyertai program ini berbanding seramai 184 pelajar pada tahun 2013. Program sebegini dapat melahirkan pelajar yang lebih beridealisma, proaktif, kreatif dan meningkatkan keyakinan diri mereka di samping menaikkan nama baik dan reputasi Universiti di peringkat antarabangsa.

## Pengantarabangsaan

Dalam usaha bagi memperkukuhkan kedudukan di peringkat antarabangsa, beberapa aktiviti pengantarabangsaan telah dijalankan oleh UM. Program mobiliti pelajar merupakan salah satu strategi memastikan UM terus berada dalam *ranking* dunia. Pendedahan pelajar mengenai dunia luar diperkasakan dengan menambah jumlah pelajar terlibat dalam program pertukaran pelajar ke luar negara. Pada tahun 2014 seramai 2,015 orang pelajar telah mengikuti program pertukaran pelajar di universiti-universiti di Jepun, Korea, Indonesia, Thailand, Timur Tengah, Eropah, dan lain-lain. Manakala seramai 1,731 orang pelajar dari luar negara telah diterima di kampus UM di bawah program yang sama.

Bagi program pertukaran yang melibatkan pemindahan kredit, dilihat peningkatan yang ketara di mana pada tahun 2014 seramai 264 pelajar telah menyertai program ini berbanding seramai 184 pelajar pada tahun 2013. Program sebegini dapat melahirkan pelajar yang lebih beridealisma, proaktif, kreatif dan meningkatkan keyakinan diri mereka di samping menaikkan nama baik dan reputasi Universiti di peringkat antarabangsa.

Pada tahun 2014, UM berjaya menganjurkan buat julung kalinya

*“University of Malaya Summer Programme 2014”* yang telah disertai seramai 60 orang pelajar dari pelbagai negara seperti Jepun, Taiwan, Thailand, Indonesia dan Vietnam. Program selama 3 minggu ini telah dapat memberi pendedahan kepada para peserta dengan cara hidup masyarakat tempatan yang berbilang budaya, bangsa dan bahasa serta aspek-aspek sosial yang berkaitan. Harapan UM agar peserta yang terlibat dalam program ini akan membawa balik ke negara asal masing-masing pengalaman yang diterima di sepanjang program tersebut seterusnya membawa nama UM di persada dunia.

UM juga telah menjadi tuan rumah bagi *QS Summer School Summit 2014* yang kali pertama yang diadakan di Kuala Lumpur. Program ini merupakan satu forum antarabangsa yang menghimpunkan 123 peserta yang terdiri daripada pihak pengurusan daripada 74 institusi pengajian tinggi dari 32 buah negara. Forum yang membincangkan pengurusan dan amalan terbaik *“summer school”* juga menjadi pentas untuk menjalin hubungan kerjasama antara negara yang berkenaan. Pada tahun 2015, UM telah diberi kepercayaan sekali lagi untuk menjadi hos kepada *2<sup>nd</sup> QS Summer School Summit*.



# Perkhidmatan Kesihatan Terbaik

Dalam memperkatakan tentang pembangunan kampus, tidak dilupakan bahawa Pusat Perubatan UM (PPUM) adalah sebahagian daripada UM. Peranan dan sumbangan PPUM kepada UM tidak dinafikan sangat besar ertinya terutama dalam memperkukuh khidmat perubatan serta membangun program Fakulti Perubatan. Pelan Induk PPUM 2025 telah mula dibangunkan untuk memastikan kemaslahatan masyarakat terpelihara selaras dengan hasrat kerajaan memberi khidmat kesihatan terbaik kepada rakyat. Pelan Induk berkenaan merangkumi 12 strategi yang antaranya adalah proses menaiktaraf dan membina lebih banyak kemudahan perubatan serta membaikpulih laluan trafik di dalam dan kawasan sekitar PPUM.

Di bawah pelan induk ini juga, 12 Dewan Bedah sedia ada akan diubahsuai dan ditambah baik menjadikannya dewan bedah yang serba lengkap dengan teknologi terkini dan termaju. Projek ini telahpun bermula pada bulan November 2014 dan akan mengambil masa selama 2 tahun. Selain daripada itu, PPUM telah mengorak langkah mewujudkan era baru dalam dunia perubatan di Malaysia dengan pelaksanaan *Centre for Image*

*Guided & Minimally Invasive Therapy-UM (CIGMIT)*. CIGMIT merupakan satu kaedah rawatan yang baru menggunakan dewan bedah hybrid dimana pengimejan dan pembedahan boleh dijalankan secara serentak semasa prosedur pembedahan dijalankan ke atas pesakit dan telah memulakan operasi pada akhir 2014.

PPUM kini sedang dalam usaha meningkatkan sistem pengurusan pesakit secara menyeluruh. Projek yang dinamakan *Total Hospital Information System (THIS)* ini diharapkan dapat menyediakan sistem yang mempunyai integrasi berpusat dan mempunyai fungsi-fungsi proses pengurusan data hospital yang akan memberi kecekapan maksimum dalam memberi rawatan kepada pesakit. Adalah diharapkan usaha ini akhirnya membolehkan PPUM mendapatkan akreditasi *MALYSIAN SOCIETY FOR QUALITY IN HEALTH (MSQH)*.

PPUM juga telah menerima pembiayaan sebanyak RM 13 juta daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk membangunkan sebuah Pusat Islam bagi membolehkan pelbagai aktiviti dijalankan terutama yang melibatkan kebajikan pesakit beragama Islam.

---

*Projek yang dinamakan Total Hospital Information System (THIS) ini diharapkan dapat menyediakan sistem yang mempunyai integrasi berpusat dan mempunyai fungsi-fungsi proses pengurusan data hospital yang akan memberi kecekapan maksimum dalam memberi rawatan kepada pesakit.*

---



# Kelestarian Kewangan

Walaupun UM menerima status autonomi pada tahun 2012 yang bermaksud Universiti diberi kebebasan untuk mengurus dan menentukan hala tuju sendiri, tidak dinafikan kebergantungan Universiti kepada pihak kerajaan masih wujud.

Sejak suku tahun ketiga tahun 2014, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mula membuat sekatan sebanyak 5% daripada jumlah penyaluran geran yang berjumlah RM 7.9 juta. Meskipun ini berlaku, pihak pengurusan Universiti bersetuju untuk tidak memotong peruntukan Belanja Mengurus Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan kekurangan yang dialami ditanggung oleh pihak Universiti sepenuhnya. Ini bermakna PTJ tidak merasakan kesan akibat daripada pemotongan peruntukan berkenaan kerana kesannya dirasai di peringkat pusat.

Amalan Strategi Laut Biru (*Blue Ocean Strategy* atau *BOC*) perlulah diperluaskan supaya selain daripada mengamalkan perkongsian pintar, UM juga akan menyuburkan budaya penjimatan di kalangan warga. Sebagai contoh, penyewaan ruang makmal atau peralatan berteknologi tinggi kepada agensi lain termasuk IPTA dan pusat-pusat penyelidikan lain yang akan membolehkan UM menjana pendapatan melalui konsep *Blue Ocean Strategy* ini. Penggunaan kemudahan pusat-pusat penyelidikan di luar kampus UM seperti Pusat Penyelidikan Glami Lemi Jelebu dan Pusat Penyelidikan Luar Kampus Gombak sebagai lokasi bagi latihan dan kursus untuk staf telahpun dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 2014. Usaha ini adalah bagi membantu Universiti melaksanakan langkah penjimatan serta mempraktikkan amalan *BOC*.

# Penghargaan

Kerjasama dan sokongan oleh semua warga UM di setiap komponen adalah penting untuk bersama-sama berganding bahu bagi memastikan suatu hari nanti UM berjaya meletakkan namanya seiring dengan nama-nama besar dunia dalam pendidikan tinggi. Dengan semangat setiakawan dan muafakat seluruh warga UM akan menjadi satu kekuatan dalaman dan luaran untuk bersama-sama mengharungi cabaran yang mendatang.

# Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama

## Laporan Pencapaian Akhir Tahun 2014 bagi Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi Universiti Malaya

1. Pelaksanaan PSPTN 2014 telah diteruskan seperti tahun-tahun sebelumnya dengan 23 CAP (12 CAP yang dilaksanakan di peringkat IPTA). Jumlah KPI yang dilaksanakan di peringkat IPTA ialah sebanyak 33.
2. Pusat Perancangan & Strategi Global (PPSG) merupakan pusat yang bertanggungjawab menjadi *Institutional Program Management Office* (iPMO) bagi UM bermula daripada tahun 2009.
3. Tugas utama PPSG ialah sebagai perantara dan penyelaras bagi pihak UM dalam semua komunikasi dengan *Project Management Office* (PMO), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam rangkaian ePMO yang telah didirikan oleh PMO untuk memantau pelaksanaan PSPTN.
4. PPSG telah mengurus, memantau dan merekodkan pencapaian CAPs UM melalui sistem ePMO iaitu suatu *web-based tool* yang dibina oleh KPT untuk semua IPTA. Melalui sistem ini, IPTA dipohon untuk membuat 'update' ke atas pencapaian KPI setiap akhir bulan, atau apabila berlakunya perubahan kepada pencapaian KPI tersebut. Walau bagaimanapun, pihak PMO akan mengambil dan merekodkan pencapaian KPI PSPTN pada setiap penggal (*quarter*).
5. Mulai tahun 2014, KPI ini dinilai secara automatik berdasarkan *KPI Health Check University* yang telah di set terlebih dahulu oleh pihak PMO, KPM. *KPI Health Check University* dirujuk berdasarkan tiga petunjuk warna seperti berikut:
  - a. Hijau jika pencapaian bersamaan dengan 95% dan ke atas;
  - b. Kuning jika pencapaian bersamaan dengan 60% hingga 95%;
  - c. Merah jika pencapaian kurang daripada 60%

6. Terdapat 17 CAP yang dipertanggungjawabkan kepada IPTA namun, 12 CAP yang dilaksanakan di peringkat IPTA bersamaan dengan 33 KPI yang telah dinilai pencapaiannya sehingga 31 Disember 2014. Secara keseluruhan, sebanyak 26 (78.79%) KPI CAP telah mencapai status hijau iaitu pencapaian bersamaan 95 % atau lebih daripada sasaran yang ditetapkan pada tahun 2014, 5 (15.15%) CAPs lagi berada pada status kuning manakala 2 (6.06%) KPI lagi berada pada kedudukan merah iaitu masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan pada 2014.
7. Maklumat lengkap mengenai laporan pencapaian akhir tahun 2014 CAPs PSPTN UM bagi (Januari 2014 hingga Disember 2014) adalah seperti berikut:

## Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2014 Universiti Malaya

### KETUA CAP: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

CAP: Penyelidikan & Pembangunan							
PENGURUS: Institut Pengurusan & Pemantauan Penyelidikan (IPPP)							
BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 30 Jun 2014	PENCAPAIAN 31 Dis 2014	JURANG	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Meningkatkan khazanah intelek ( <i>knowledge repository</i> ) agar mampu bersaing di peringkat serantau ( <i>regional</i> )	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks	3,200	1,275	<b>3,823</b>	+623	<b>119.47%</b>
2.	Meningkatkan jumlah dana penyelidikan daripada pihak swasta dan antarabangsa	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa	4,500,000	3,449,182	<b>5,079,068</b>	+579,068	<b>113%</b>
3.	Meningkatkan jumlah dana penyelidikan daripada pihak swasta dan antarabangsa	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak swasta pada tahun semasa	3,250,000	7,396,689	<b>9,050,202</b>	+5,800,202	<b>278.46%</b>
4.	Meningkatkan khazanah intelek ( <i>knowledge repository</i> ) agar mampu bersaing di peringkat serantau ( <i>regional</i> )	Bilangan harta intelek (IP) yang difailkan	112	100	<b>325</b>	+213	<b>290.18%</b>
5.	Meningkatkan bilangan produk yang dikomersilkan oleh IPT	Bilangan produk R&D yang dikomersilkan pada tahun semasa	10	12	<b>9</b>	-1	<b>90%</b>
6.	Meningkatkan khazanah intelek ( <i>knowledge repository</i> ) agar mampu bersaing di peringkat serantau ( <i>regional</i> )	Jumlah kumulatif sitasi dalam tempoh 5 tahun ke belakang	2,881	16,306	<b>111,079</b>	+108,198	<b>384.55%</b>
7.	Meningkatkan penjana pendapatan hasil pengkomersilan produk-produk R&D IPT	Jumlah penjana pendapatan R&D&C daripada: i) Harta Intelek (IP) ii) Perundingan (konsultansi) iii) Khidmat <i>Knowledge Transfer</i>	6,000,000	4,837,138	<b>22,069,104</b>	+16,069,104	<b>367.82%</b>

CAP: Program Pemindahan Ilmu							
PENGURUS: Pusat Komuniti dan Kelestarian (UMCares)							
BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 30 Jun 2014	PENCAPAIAN 31 Dis 2014	JURANG	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Meningkat dan memperkayakan Pemindahan Pengetahuan dalam IPTA	Bilangan Projek Pemindahan Ilmu dan Akademik dengan kerjasama Industri/Komuniti	17	19	<b>19</b>	+2	<b>111.7%</b>
2.	KTP sebagai pemangkin untuk Industri dan/ atau pertumbuhan komuniti	Bilangan projek pemangkin/ 'Flagship' Pemindahan Ilmu dan Akademik yang dilaksanakan mengikut Bidang Tumpuan Utama (KRAs) Industri dan Komuniti	3	3	<b>3</b>	0	<b>100%</b>
3.	Ejen perubahan pemindahan Pengetahuan Lestari	Bilangan Amalan Terbaik dalam Pemindahan Ilmu yang diterima pakai oleh Komuniti dan inovasi yang diterima oleh Industri, masing-masing.	2	2	<b>2</b>	0	<b>100%</b>
CAP: Industri dan Akademia							
PENGURUS: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)							
BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 30 Jun 2014	PENCAPAIAN 31 Dis 2014	JURANG	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Untuk meningkatkan dan memastikan kerjasama yang berterusan antara industri dan university.	Peratus pendapatan yang dijana IPTA	20%	14.33	<b>33.67</b>	+13.67	<b>168.35%</b>

## KETUA CAP : Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

CAP: Keusahawanan							
PENGURUS: Pusat Pembangunan Usahawan Siswazah Malaysia (PUSMAL)							
BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 30 Jun 2014	PENCAPAIAN 31 Dis 2014	JURANG	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Melahirkan siswazah dan lepasan IPT yang menceburi bidang keusahawanan perniagaan.	Bilangan siswazah/lulusan IPT menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian	100	84	<b>113</b> (kumulatif) <b>35</b> (2014 sahaja)	+13	<b>&lt;100%</b>
2.	Menyediakan ekosistem yang kondusif merangkumi suasana, infrastruktur dan sistem sokongan pendidikan keusahawanan yang holistik.	Peratus pelajar Ijazah Pertama dan Diploma Sepenuh Masa (tidak termasuk pelajar Pasca Siswazah) yang mendapat pendedahan melalui program/aktiviti Keusahawanan Berstruktur (bilangan)	6,200	4,921	<b>7,221</b> (kumulatif) <b>3,797</b> (2014 sahaja)	+1021	<b>&lt;100%</b>

<b>CAP: Kebolehpasaran Graduan</b>							
<b>PENGURUS: Unit Pemerkasaan Pelajar dan Penyelidikan (SERU)</b>							
BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 30 Jun 2014	PENCAPAIAN 31 Dis 2014	JURANG	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Memastikan % Graduan mendapat opekerjaan semasa konvokesyen (3-6 bulan selepas tamat pengajian) bagi menyumbang kepada pembangunan negara.	Peratus Siswazah yang mendapat pekerjaan semasa konvokesyen	80%	80.5 <i>Bagi tahun 2014, tidak ada maklumat lagi sehingga Kajian Tracer dijalankan pada Konvo tahun ini.</i>	<b>80.1</b>	+0.1	<b>100.13%</b>
<b>CAP: Pembangunan Holistik Pelajar</b>							
<b>PENGURUS: Seksyen Kokurikulum, Elektif Luar Fakulti &amp; TITAS (SKET)</b>							
BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 30 Jun 2014	PENCAPAIAN 31 Dis 2014	JURANG	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Melahirkan pemimpin mahasiswa yang berketerampilan di kalangan MPP.	Bilangan pemimpin yang berketerampilan di kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA	10	10	<b>10</b>	0	<b>100%</b>
2.	Melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda IPTA dalam aktiviti kemasyarakatan	Bilangan program berteraskan <i>University Community Engagement (UCE)</i> yang dilaksanakan oleh IPTA di seluruh Malaysia	3	5	<b>4</b>	+1	<b>133.33%</b>

### **KETUA CAP: Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**

<b>CAP: E-Pembelajaran</b>							
<b>PENGURUS: Pusat Pembangunan Akademik (ADEC)</b>							
BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 30 Jun 2014	PENCAPAIAN 31 Dis 2014	JURANG	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Membangunkan e-kandungan bagi mengukuh proses pembelajaran dan pengajaran.	Peratusan kursus IPTA dalam <i>Mod Blended Learning</i> (bilangan)	1,200	264 (Pencapaian berdasarkan OD baru bermula Jun 2014)	<b>660</b>	-540 *perubahan OD pada pertengahan tahun	<b>55%</b>

**CAP: Pembelajaran Sepanjang Hayat****Pengurus:** Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCeD)

BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 30 Jun 2014	PENCAPAIAN 31 Dis 2014	JURANG	PERATUS PENCAPAIAN
1	Mempertingkatkan peluang dan akses kepada pembelajaran sepanjang hayat mengikut keperluan dan kehendak komuniti	Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH formal) - IPTA	1,200	156	<b>390</b>	-610 *hanya boleh melaporkan bilangan pelajar yang mengikuti program yang telah di akreditasi	<b>32.50%</b>
2	Pembelajaran untuk semua (fleksible)	Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH tidak Formal) – IPTA	1,350	470	<b>1,722</b>	+522	<b>127.55%</b>
3	Mempertingkatkan peluang dan akses kepada pembelajaran sepanjang hayat mengikut keperluan dan kehendak komuniti	Bilangan Program PSH di IPTA	60	46	<b>78</b>	+18	<b>130%</b>

**CAP: Akademia****Pengurus:** Bahagian Sumber Manusia

BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 30 Jun 2014	PENCAPAIAN 31 Dis 2014	JURANG	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Memperkuh Ahli Akademik Berteraskan Wibawa, Integriti dan Profesionalisma (WIP)	Bilangan Ahli Akademik Yang Mendapat Penganugerahan Di Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa	133	109	<b>252</b>	+119	<b>198.47%</b>
2.	Mengekalkan akademik berkualiti	Bilangan Ahli Akademik Yang Terlibat Sebagai Pakar Rujuk/Penasihat Di Peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa	162	251	<b>308</b>	+146	<b>190.12%</b>
3.	Mengekalkan akademik berkualiti	Bilangan Ahli Akademik Yang Dilantik Menjadi Profesor Adjung/ Profesor Pelawat	23	6	<b>15</b>	-8	<b>65.22%</b>
4.	Memantapkan Ekosistem Akademik	Bilangan Penerbitan Yang Dihasilkan Secara Perkongsian Dan Berpasukan	1,770	941	<b>2,380</b>	+610	<b>134.46%</b>



CAP: Pengajaran dan Pembelajaran							
PENGURUS: Bahagian Akademik							
BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 30 Jun 2014	PENCAPAIAN 31 Dis 2014	JURANG	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Meningkatkan Kualiti Pensyarah Dalam Pembelajaran & Pengajaran	Peratusan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya 5 amalan pembelajaran berimpak tinggi yang menyokong HSD. (Bilangan)	75% (79 program)	85% (88)	<b>85%</b> (88)	+10	<b>112.82%</b>
2.	Meningkatkan Kualiti Pensyarah Dalam Pembelajaran & Pengajaran	Peratusan bajet penyelidikan universiti yang diperuntukkan bagi penyelidikan dan inovasi dalam P&P (Bilangan)	1% (RM500,00)	0.9 (RM499,142.45)	<b>1.24%</b> (RM994,600 dpd RM80,000,000)	+0.24	<b>124%</b>

CAP: Mybrain15							
PENGURUS: Institut Pengajian Siswazah							
BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 30 Jun 2014	PENCAPAIAN 31 Dis 2014	JURANG	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Mensasarkan seramai 60,000 pemegang PhD dan setaraf di kalangan penduduk Malaysia menjelang tahun 2023 di mana 54,000 orang daripada IPT di Malaysia dengan 48,000 orang daripada IPT Awam (IPTA)	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara dan bukan warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang bergraduat dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	157	184	<b>327</b>	+170	<b>208.28%</b>
2.	Mensasarkan seramai 60,000 pemegang PhD dan setaraf di kalangan penduduk Malaysia menjelang tahun 2023 di mana 54,000 orang daripada IPT di Malaysia dengan 48,000 orang daripada IPT Awam (IPTA)	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang digraduatkan oleh IPTA	274	212	<b>404</b>	+130	<b>147.45%</b>
3.	Mensasarkan seramai 60,000 pemegang PhD dan setaraf di kalangan penduduk Malaysia menjelang tahun 2023 di mana 54,000 orang daripada IPT di Malaysia dengan 48,000 orang daripada IPT Awam (IPTA)	Bilangan Staf Akademik berkeelayakan PhD dan setaraf (warganegara dan bukan warganegara) di IPTA	1,830	1,759	<b>1,863</b>	+33	<b>101.80%</b>
4.	Mensasarkan seramai 60,000 pemegang PhD dan setaraf di kalangan penduduk Malaysia menjelang tahun 2023 di mana 54,000 orang daripada IPT di Malaysia dengan 48,000 orang daripada IPT Awam (IPTA)	Enrolmen mahasiswa PhD dan setaraf di IPTA (warganegara)	3,300	2,844	<b>3,299</b>	-1	<b>99.97%</b>

## KETUA CAP: Pendaftar

CAP: Pengantarabangsaan							
Pengurus: Pusat Pelajar Antarabangsa (ISC)							
BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	KPI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 30 Jun 2014	PENCAPAIAN 31 Dis 2014	JURANG	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Mempelbagaikan kepakaran tenaga akademik di IPTA untuk meningkatkan daya saing IPTA	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	481	373	<b>384</b>	-97	<b>79.83%</b>
2.	Meningkatkan 'visibility' sektor pengajian tinggi Malaysia di luar negara	Bilangan enrolmen mahasiswa antarabangsa di IPT (IPTA/ IPTS)	4,100	2,925	<b>3,291</b>	-809	<b>80.27%</b>
3.	Meningkatkan kualiti pendidikan tinggi negara untuk menjadi "hab pengetahuan" bagi meneraju penjana ilmu pengetahuan dan inovasi di peringkat global.	Bilangan enrolmen mahasiswa pasca siswazah antarabangsa di IPT (IPTA/ IPTS)	3,690	2,343	<b>2,859</b>	-831	<b>77.48%</b>


## UM KPI *Health Check*

CAP	< 60%	60% - 95%	> 95%
Akademia	0	1	3
E-Pembelajaran	1	0	0
Keusahawanan	0	0	2
Kebolehpasaran Graduan	0	0	1
Pembangunan Holistik Pelajar	0	0	2
Industri dan Akademia	0	0	1
Pengantarabangsaan	0	3	0
Program Pemindahan Ilmu	0	0	3
Pengajaran dan Pembelajaran	0	0	2
Pembelajaran Sepanjang Hayat	1	0	2
MyBrain15	0	0	4
Penyelidikan dan Pembangunan	0	1	6
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>2</b>	<b>5</b>	<b>26</b>

## Ringkasan perbandingan Status Pencapaian CAPs bagi tahun 2013 dan 2014

STATUS PENCAPAIAN	BILANGAN CAP		PERATUS PENCAPAIAN	
	2013	2014	2013	2014
HIJAU = 95% dan ke atas	67	26	78.8%	78.79%
KUNING = 60% hingga 95%	8	5	9.4%	15.15%
MERAH = kurang 60%	4	2	4.7%	6.06%
Tiada kaitan dengan UM	6	-	7.1%	-
JUMLAH KPI	85	33	100%	100%

### Laporan Pencapaian Akhir Tahun 2014 Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi Universiti Malaya Januari 2014 hingga Disember 2014





# Pendaftar

- Laporan Pendaftar
- Pembangunan Sumber Manusia
  - Statistik Kakitangan Akademik
  - Statistik Kakitangan Bukan Akademik
  - Statistik Penamatan Perkhidmatan Kakitangan
  - Latihan, Kursus dan Kemajuan Kerjaya
  - Pembangunan Kerjaya
- Pembangunan Akademik
  - Pengambilan Pelajar
  - Enrolmen Pelajar
  - Enrolmen Pelajar Antarabangsa
  - Istiadat Konvokesyen

# Laporan Pendaftar

Encik Yusoff bin Musa



**S**istem penyampaian perkhidmatan perlu sentiasa dinamik dan strategik dalam menghadapi gelombang perubahan alaf baru. Cabaran Universiti di dalam membentuk masyarakat berintelektual dan beretika selaras dengan matlamat pendidikan negara harus disokong melalui transformasi perkhidmatan bertaraf tinggi. Ini memerlukan Jabatan Pendaftar mengekalkan kecemerlangan operasinya yang semakin mencabar sepanjang tahun 2014.

Dalam meningkatkan kualiti prestasi dan operasi yang lebih baik, pelbagai usaha dilakukan untuk memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan oleh Jabatan Pendaftar. Dua unit kecil baharu telah ditubuhkan bagi memfokuskan kompetensi dan pembangunan tenaga manusia di Universiti Malaya. Pewujudan Bahagian Latihan dan Pembangunan Staf atau di dalam Bahasa Inggerisnya "Staff Training & Development Division" (STanD) adalah salah satu komitmen berterusan Jabatan

Pendaftar untuk meningkatkan tahap kemahiran staf agar sentiasa dinamis dan mampu membantu Universiti memenuhi tuntutan dan cabaran yang lebih kompleks dan pelbagai. STanD bertanggungjawab untuk menguruskan latihan-latihan dan kursus-kursus kepada staf Universiti Malaya di mana sebanyak 193 kursus dalaman telah dianjurkan sepanjang tahun 2014. Manakala Unit Pelan Penggantian (UPP) ditubuhkan untuk merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan pembangunan pelan penggantian bagi staf Pengurusan dan Profesional (akademik dan bukan akademik). Buat masa ini agenda pelan penggantian telah dilaksanakan bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48 dan ke atas. Pelan penggantian bagi para pentadbir akademik dan juga Pengurusan dan Profesional Gred 41 sehingga 44 akan dilaksanakan pada tahun 2015. Adalah menjadi kepentingan Universiti untuk memastikan kesinambungan kepimpinan dan aspirasi Universiti Malaya dapat terus digilap dan berada di landasan yang betul bagi memacu Universiti ke tahap yang telah ditetapkan oleh negara.

Penyampaian perkhidmatan sentiasa bekembang dan berubah sejajar dengan perkembangan global dan teknologi yang menuntut banyak pembaikan dan kecekapan pengurusan Jabatan Pendaftar. Pejabat Keselamatan telah memantapkan proses kerja dengan lebih baik melalui pelaksanaan permohonan papan tanda dan pas pekerja untuk kontraktor secara atas talian. Pujian juga diberikan di atas perancangan, penyelarasan dan kawalan keselamatan yang dilakukan semasa Program *US Embassy Town Hall* pada 27 April 2014 yang telah berjalan dengan sukses. Ruang pembaikan ICT diperkasakan lagi dengan pembangunan sistem *e-inbound* oleh Pusat Pelajar Antarabangsa bagi memudahkan proses permohonan pelajar luar negara ke Universiti Malaya. Malahan, Bahagian Sumber Manusia juga telah membangunkan satu sistem baharu di mana staf dan tanggungan menggunakan sistem *e-medic* bagi mendapatkan rawatan di klinik panel. Pengambilalihan sepenuhnya pengurusan TADIKUM dan TASKUM oleh Bahagian Sumber

Manusia adalah salah satu komitmen yang telah dipertanggungjawabkan oleh Universiti yang telah dilaksanakan dengan cemerlang. Bahagian Akademik telah menjalankan beberapa siri program "*outreach*" bagi memastikan guru dan pelajar mendapat maklumat dan pilihan yang tepat mengenai program dan prosedur kemasukan ke Universiti. Di antaranya adalah Program Jalinan Kerjasama, Program Aspirasi Pendidikan Tinggi Universiti Malaya yang menasarkan kumpulan pelajar matrikulasi dan sekolah menengah serta guru kaunseling di seluruh pelusuk tanah air.

Sebagai salah satu teras governan, agenda pelaksanaan tanggungjawab khidmat sosial (CSR) oleh Jabatan Pendaftar adalah melalui Jawatankuasa Perhubungan dan Jaringan Staf atau *Staff Engagement and Social Event (SENSE)*. Jawatankuasa ini ditubuhkan dengan tujuan melaksanakan program kebajikan, kesukarelawanan dan kemasyarakatan di bawah Jabatan Pendaftar. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan seperti bergotong-royong memasak bubur lambuk, mengadakan sambutan hari kemerdekaan dan Hari Malaysia Jabatan Pendaftar serta bekerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni dalam menggembeleng tenaga sukarelawan Universiti Malaya ke Misi Bantuan Banjir Malaysia di Kelantan.

Seiring dengan kemajuan pembangunan teknologi dan perkembangan pendidikan era kini, penambahbaikan sistem sentiasa diutamakan dengan mewujudkan sinergi antara kakitangan dan bersilang fungsian di antara Bahagian/ Unit dalam pelaksanaan idea-idea dan peningkatan kualiti dan operasi Jabatan Pendaftar. Setiap Bahagian dan Unit di bawah Jabatan Pendaftar komited untuk melaksanakan agenda kecemerlangan Universiti dengan sentiasa mengkaji dan menambah baik sistem dan operasi supaya seiring dengan kemajuan negara. Adalah diharapkan pengurusan Jabatan Pendaftar akan lebih fokus terhadap anjakan ke arah kecemerlangan dengan peningkatan kecekapan operasi melebihi penanda aras yang telah ditetapkan dengan lebih gemilang pada tahun 2015.

# Pembangunan Sumber Manusia

Pada tahun 2014, statistik keseluruhan kakitangan Universiti Malaya menurun kepada 5,911 orang kakitangan berbanding 6,176 orang kakitangan pada tahun 2013. Bilangan ini meliputi 2,165 orang kakitangan bagi kategori penjawatan akademik dan 3,746 orang kakitangan bagi kategori bukan akademik. Bagi pecahan kategori bukan akademik merangkumi 770 orang kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 2,976 orang kakitangan bagi Kumpulan Sokongan. Statistik jumlah kakitangan Akademik, Pengurusan dan Sokongan (Bukan Akademik) dan kakitangan yang berhenti atau bersara bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

## Statistik Kakitangan Akademik

JAWATAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
Profesor Ulung	-	1	1
Profesor	192	104	296
Profesor Madya	329	43	372
Pensyarah Farmasi Gred DUF 45/51/52/53/54	10	2	12
Pensyarah Pergigian Gred DUG 51/52/3/54	35	10	45
Pensyarah Perubatan Gred DU 51/52/53/54	183	17	45
Pensyarah Universiti Gred SD 45/51/52/53/54	602	337	939
Pensyarah Pelatih	32	-	32
Felo Penyelidik	-	59	59
Felo Penyelidik Kanan	-	62	62
Pakar Perunding	-	24	24
Guru Subjek	-	22	22
Guru Bahasa	39	62	101
<b>JUMLAH</b>	<b>1,422</b>	<b>743</b>	<b>2,165</b>

Catatan:

1. Sumber data: iHRIS, Bahagian Sumber Manusia, UM sehingga 31.12.2014.
2. Kontrak termasuk Kontrak Selepas Bersara, Sementara dan Pelawat

# Statistik Kakitangan bukan Akademik

KUMPULAN JAWATAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
PENGURUSAN & PROFESIONAL	367	403	770
PELAKSANA	2,559	417	2,976
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,926</b>	<b>820</b>	<b>3,746</b>

Catatan:

1. Sumber data: iHRIS, Bahagian Sumber Manusia, UM sehingga 31.12.2014.
2. Kontrak termasuk Kontrak Selepas Bersara, Sementara dan Pelawat

# Statistik Penamatan Perkhidmatan Kakitangan

STATUS PENAMATAN	BILANGAN
BERSARA	83
PELETAKAN JAWATAN	148
PELEPASAN DENGAN IZIN	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>232</b>

Catatan:

1. Sumber data: iHRIS, Bahagian Sumber Manusia, UM sehingga 31.12.2014.

# Latihan, Kursus dan Kemajuan Kerjaya

Universiti Malaya terus memberi peluang dan kemudahan kepada kakitangan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan menyediakan beberapa skim. Antara skim-skim yang disediakan ialah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan Hadiah Latihan Cuti Belajar. Pada tahun 2014, sejumlah 364 kakitangan telah menyertai skim-skim ini.





# Statistik Calon HLCB / SLAB / SLAI sedang dalam Pengajian

BIL.	JENIS HADIAH LATIHAN	JUMLAH
1	Hadiah Latihan Cuti Belajar (HLCB)	10
2	Hadiah Latihan Cuti Belajar/SLAI	28
3	Hadiah Latihan Cuti Belajar/Sub-Kepakaran	14
4	Hadiah Latihan Cuti Belajar/Pasca Kedoktoran	7
5	Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa/Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)	8
6	Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa	33
7	Cuti Belajar Separuh Gaji	1
8	Cuti Belajar Tanpa Gaji	2
9	Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) / Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI)	257
10	<i>Fellowship UM</i>	4
<b>JUMLAH</b>		<b>364</b>

## Pembangunan Kerjaya

Bahagian Latihan dan Pembangunan Staf (StanD) ditubuhkan pada bulan April 2014, hasil daripada penjenamaan semula Unit Latihan, Bahagian Sumber Manusia. Penubuhan StanD adalah selaras dengan hasrat untuk memperkasa pengurusan dan pembangunan latihan supaya lebih cekap dan berkesan. Antara fungsi StanD adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti perancangan keperluan dan pembangunan latihan tahunan berdasarkan analisis keperluan latihan.
2. Menjalankan penilaian pelbagai penyedia latihan dan program kendalian mereka.
3. Mengurus proses pencalonan bagi permohonan kursus dalaman dan luaran.
4. Menyelaras dengan pihak dalaman dan luaran dalam pembangunan dan pelaksanaan latihan.
5. Bekerjasama rapat dengan Unit Pelan Penggantian (UPP) dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Individu (IDP) di bawah kerangka inisiatif himpunan bakat.
6. Mengumpul dan menyimpan rekod maklumbalas dan penilaian latihan.
7. Meningkatkan keperibadian dan pengekal (*retention*) staf melalui pelbagai inisiatif seperti kursus, bengkel, taklimat, aktiviti kumpulan dan sebagainya.

Bagi tahun 2014, sejumlah 116 kursus dalaman telah dijalankan bagi kakitangan Pengurusan dan Profesional serta Pelaksana. Selain kursus dalaman, STanD juga mengadakan beberapa kursus *adhoc* seperti berikut:

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT
1.	Pra Persaraan Siri 1	17-19 September	Awana Genting Highland Country Resort
2.	Pra Persaraan Siri 1	8-10 Oktober	Awana Genting Highland Country Resort
3.	Strategic Thinking, Planning & Implementation	30 Oktober - 1 November	Awana Genting Highland Country Resort
4.	Strategic Thinking, Planning & Implementation	6-8 November	Awana Genting Highland Country Resort
5.	Program <i>Power</i> Pengurusan Wang Ringgit Anda	27 November	Akademi Pengajian Islam
6.	Motivasi Kecemerlang Diri : Saya Pekerja Terhebat	10 Disember	Fakulti Alam Bina

Selain bertujuan untuk memenuhi KPI latihan kakitangan iaitu tujuh (7) hari berkursus setahun, kursus-kursus yang dianjurkan adalah bagi meningkatkan kompetensi kakitangan dalam kerjaya. Berikut adalah senarai kursus dalaman yang dijalankan oleh STanD sepanjang tahun 2014:-

BIL.	NAMA KURSUS	KEKERAPAN
1.	Adobe Indesign	2
2.	Adobe Flash CS4	2
3.	Adobe Illustrator CS4	2
4.	Adobe Photoshop CS4	3
5.	Akauntabiliti dan Integriti dalam Organisasi	2
6.	Amalan Persekitaran Kerja Berkualiti yang Efektif	2
7.	Asas CPR	3
8.	Asas Fotografi dan Suntingan	2
9.	Asas Keluarga Bahagia	2
10.	Asas Kemahiran ICT (Emel, Microsoft Office, Internet)	2
11.	Asas Pembersihan Kawasan	1
12.	Asas Rangkaian dan Konfigurasi <i>Wireless</i>	2
13.	Asas Videografi dan Suntingan	2
14.	Asas Window 8	1
15.	Aspirasi Setiausaha	1
16.	Assertive Not Aggressive	1
17.	Bahasa Inggeris	1



BIL.	NAMA KURSUS	KEKERAPAN
18.	Bengkel Penambahbaikan dan Pemantapan Bahagian Latihan & Pembangunan Staf	1
19.	Bridging and Managing Different Generation At Workplace	1
20.	Budaya Kerja Cemerlang	1
21.	Change Management	1
22.	Conflict Management	1
23.	Dealing With Difficult People At Workplace	1
24.	Decision Making & Problem Solving	2
25.	Drafting Rules & Procedure	1
26.	<i>Emotional Intelligence</i> : Pengaruh Terhadap Budaya Kerja	3
27.	Ergonomik di Pejabat	2
28..	Gangguan Seksual di Pejabat	1
29.	Gen Y: The New Workforce and Challenges	1
30.	Good Practice of Librarianship	1
31.	Influential Business Communication Skills	1
32.	Integriti Dalam Pengurusan	4
33.	Joy Of Work	1
34.	Kecemerlangan Pembantu Tadbir	1
35.	Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan	2
36.	Kemahiran Penulisan Teks dan Ucapan Awam	1
37.	Kenali Diri dan Potensi Anda	2
38.	Kepimpinan Efektif	1
39.	Kepimpinan Transformasi dan Pengurusan Organisasi	1
40.	Kerja Sebagai Satu Ibadah	2
41.	Kesedaran Mengenai Keselamatan ICT	2
42.	Keselamatan Penggunaan Bahan Cucian	1
43.	Keseronokan Bekerja	3
44.	Khidmat Pelanggan Berkesan	1
45.	Kickout : Self Defence	1
46.	Kickout: Practical Self Defense	1
47.	Know Your Boss	2

BIL.	NAMA KURSUS	KEKERAPAN
48.	Komunikasi dan Perhubungan Interpersonal	1
49.	Komunikasi Korporat	3
50.	Membina Tenaga Kerja Berprestasi Tinggi	2
51.	Membina Warga Universiti Malaya Cemerlang	1
52.	Microsoft Excel 2013 (Asas & Pertengahan)	2
53.	Microsoft Excel 2013 (Lanjutan)	2
54.	Microsoft Powerpoint 2013 (Asas & Pertengahan)	3
55.	Microsoft Powerpoint 2013 (Lanjutan)	2
56.	Microsoft Project 2013 (Asas & Pertengahan)	2
57.	Microsoft Visio 2013 (Asas)	2
58.	Microsoft Word 2013 (Asas & Pertengahan)	2
59.	Microsoft Word 2013 (Lanjutan)	2
60.	Motivasi Kecemerlangan Diri : Saya Pekerja Terhebat	1
61.	Motivasi Pencetus Kepuasan Diri dan Kejayaan Organisasi	2
62.	Ms Publisher 2013 (Asas & Pertengahan)	2
63.	Ms Publisher 2013 (Lanjutan)	2
64.	Orientasi Staf Kumpulan Pelaksana Universiti Malaya Siri 1/2014	2
65.	Pemanduan Berkualiti	1
66.	Pemantapan Pengkeranian	2
67.	Pemantapan Setiausaha	1
68.	Pembangunan Kerjaya Kakitangan Pelaksana	2
69.	Pembentukan Kendiri Pengawal Keselamatan (Asas)	1
70.	Pembinaan Laman Web	3
71.	Pembudayaan Pemikiran Luar Kotak	4
73.	Penerapan Budaya 8S dalam Organisasi	2
74.	Pengacaraan Majlis	3
75.	Pengendalian Majlis Rasmi	1
76.	Pengendalian Mesyuarat Efektif	1

BIL.	NAMA KURSUS	KEKERAPAN
77.	Penggunaan Telefon Pintar: <i>Be Smart With Smart Phone</i>	2
78.	Penggunaan UMmail Versi Gmail	1
79.	Penggunaan UMmail Versi Gmail	1
80.	Pengukuhan Kerja Berpasukan	1
81.	Pengurusan Asrama	1
83.	Pengurusan Fail Dan Rekod	1
84.	Pengurusan Kewangan	1
85.	Pengurusan Landskap	1
86.	Pengurusan Majlis Rasmi	1
87.	Pengurusan Masa Berkesan	1
88.	Pengurusan Pelanggan Berbilang Bangsa	2
89.	Pengurusan Pentadbiran Pejabat Efektif	1
90.	Pengurusan Protokol Majlis Universiti	2
91.	Pengurusan Rekod dan Sistem Fail	1
92.	Pengurusan Stres	1
93.	Peningkatan Imej Profesional	2
94.	Penulisan Artikel	1
95.	Penulisan Surat Rasmi, Minit Mesyuarat dan Laporan	3
96.	Penyelenggaraan Bangunan	3
97.	Penyelenggaraan dan Pengukuhan Keselamatan Komputer	2

BIL.	NAMA KURSUS	KEKERAPAN
98.	Penyelenggaraan Komputer ( <i>Troubleshooting</i> )	2
99.	Perancangan Kerjaya	1
100.	Pra Persaraan Siri 1/2014	2
101.	Program Gaya Hidup Sihat	4
103.	Program <i>Power</i> : Pengurusan Kewangan Anda (AKPK)	1
104.	Program Transformasi Minda Siri 1/2014	2
105.	Protokol Pemanduan Berkesan & Asas Penyelenggaraan Kenderaan Pejabat	2
106.	Psikologi dan Anda: <i>Seft Terapi</i>	5
107.	Sistem Pengoperasian Window 7	1
108.	Sistem Pengoperasian Window 8	2
109.	Tatacara Perolehan, Penilaian dan Pelupusan	1
110.	Teknik Membuat Keputusan & Penyelesaian Masalah yang Berkesan	2
111.	Teknik Penemuduga Berkesan	1
112.	Transformasi Pengawal Keselamatan (Pertengahan)	1
113.	Transformasi Personaliti, Transformasi Prestasi	2
114.	Ukur Bahan	1
115.	Video Editing	2
116.	<i>You Are What You Wear</i> : Imej & Etika Berpakaian	3

# Pembangunan Akademik

## Pengambilan Pelajar

Seramai 6,179 orang pelajar telah mendaftar dalam pelbagai bidang pengajian pada tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,902 orang pelajar mengikuti kursus di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan 3,277 orang pelajar di peringkat Pascaijazah.



# Enrolmen Pelajar

Enrolmen pelajar antarabangsa bagi pelajar peringkat pasca siswazah pada tahun 2014 adalah seramai 2,859 orang. Manakala bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda pula adalah seramai 438 orang. Jumlah keseluruhan pelajar enrolmen pelajar Universiti Malaya bagi tahun 2014 adalah seramai 24,325 orang.

# Istiadat Konvokesyen

Dalam Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya pada tahun 2014 mencatat titik bersejarah apabila Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah telah dimashyurkan sebagai Canselor UM yang ke-4. Baginda menggantikan Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah yang mangkat pada 29 Mei 2014. Manakala Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib telah dilantik sebagai Pro-Canselor bagi menggantikan kekosongan yang ditinggalkan oleh DYMM Sultan Nazrin Shah.

Seramai 403 graduan Ijazah Kedoktoran, 1,689 graduan Ijazah Sarjana dan 3,083 graduan Ijazah Sarjana Muda telah di anugerahkan ijazah masing-masing dalam Istiadat Konvokesyen yang telah berlangsung dari 13 hingga 17 Oktober 2014 di Dewan Tunku Canselor (DTC).

Pada tahun ini, dalam Bahagian Pertama, Universiti Malaya telah menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada dua (2) orang tokoh ternama dalam pelbagai bidang. Antara Ijazah Kehormat yang disampaikan adalah **Ijazah Kehormat Doktor Hubungan Antarabangsa kepada Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar dan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan kepada Yang Berbahagia Datuk Rasammah Naomi Bhupalan Rajendram Nee Navarednam.**

Pada Bahagian Pertama juga, Universiti Malaya telah menganugerahkan Anugerah Pelajaran DiRaja kepada dua orang pelajar cemerlang Program Sarjana Muda iaitu Saudara Izhar Mustaqin bin Madisa daripada Fakulti Alam Bina dan Saudari Lim Dwei Wen daripada Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran.



# Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya 2014

BAHAGIAN	TARIKH DAN MASA	PENGERUSI	IJAZAH KEHORMAT	DOKTOR FALSAFAH/ DOKTOR PERUBATAN	IJAZAH SARJANA	IJAZAH SARJANA MUDA
Pertama	Isnin, 13 Oktober 2014 9.00 Pagi	DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah <b>Canselor</b>	2	401 Doktor Falsafah 2 Doktor Kesihatan Awam	209	-
Kedua	Selasa, 14 Oktober 2014 9.00 pagi	YABhg. Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong <b>Pro-Canselor</b>	-	-	843	-
Ketiga	Selasa, 14 Oktober 2014 3.00 petang		-	-	637	246
Empat	Rabu, 15 Oktober 2014 9.00 pagi	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Siti Norma binti Yaakob <b>Pro-Canselor</b>	-	-	-	653
Lima	Rabu, 15 Oktober 2014 3.00 petang		-	-	-	784
Enam	Khamis, 16 Oktober 2014 9.00 pagi	YBhg. Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib <b>Pro-Canselor</b>	-	-	-	712
Tujuh	Jumaat, 17 Oktober 2014 9.00 pagi		-	-	-	688
<b>JUMLAH</b>			<b>2</b>	<b>403</b>	<b>1,689</b>	<b>2,377</b>





# Akademik & Antarabangsa

- Laporan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Hubungan Luar
  - Lawatan Antarabangsa
  - Lawatan Tempatan
- Memorandum Persefahaman & Perjanjian
  - Antarabangsa
  - Tempatan
  - Pelbagai Pihak
- Pertukaran Pelajar
- Peningkatan Institusi





# Laporan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Profesor Dr. Mohd Hamdi Abd. Shukor**

**P**ejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) bertanggungjawab dalam tiga aspek utama yang meliputi keperluan akademik, keperluan staf akademik (kemasukan, pembangunan, kenaikan pangkat dan pengajaran dan pembelajaran) serta aktiviti pengantarabangsaan di Universiti Malaya. Peranan utama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dalam

melaksanakan tanggungjawab tersebut ialah dengan menyediakan halatuju dan kepimpinan dalam mencapai matlamat strategik universiti, terutamanya yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran, penyediaan ruang dan pengalaman terbaik untuk pembelajaran mahasiswa dan pembangunan profesional untuk staf akademik universiti.

Mobilisasi Jawatankuasa *Transforming Academia for Creating Knowledge & Learning Environment* (TACKLE) serta Jawatankuasa Induk Pengajaran & Pembelajaran yang mula dilaksanakan pada tahun 2013 telah diteruskan dan ditambah baik pada 2014. Beberapa aspek utama yang diberi perhatian iaitu *Academic input (Quality Students & Staff)*, *Academic Performance (Curriculum Design, Delivery, Assessment & Monitoring)*, *General Education* dan *Co-Curricular Courses*.

## Kualiti Pelajar

Elemen temuduga untuk semua calon yang disenarai pendek bagi kemasukan ke program Asasi Universiti Malaya dan semua program Ijazah Sarjana Muda yang diperkenalkan pada 2013 telah diteruskan. Pengenalan elemen temuduga ini telah memberikan peluang kepada pihak Fakulti dan Pusat Pengajian untuk mengenalpasti potensi, kebolehan komunikasi dan minat sebenar calon terhadap program pengajian yang dipohon. Tahun 2014 juga mencatatkan peningkatan 30% berbanding tahun 2013 dalam bilangan kemasukan pelajar Ijazah Sarjana Muda iaitu sebanyak 2,875 orang.

Bagi menerapkan nilai-nilai positif dalam diri pelajar, kursus GXEX 1417 Jalinan Masyarakat diperkenalkan sebagai kursus wajib Universiti bermula semester 1 sesi 2013/2014. Kursus ini mula ditawarkan kepada pelajar pada semester 2 sesi 2013/2014. Seramai 1,759 pelajar daripada 87 program pengajian telah

mendaftar kursus ini sepanjang 2014. Kursus ini dapat membantu universiti dalam melahirkan pelajar yang bukan sahaja hebat dalam bidang akademik tetapi juga mempunyai keprihatinan yang tinggi terhadap masyarakat.

UM juga telah mencatatkan sejarah pada tahun 2014 kerana telah memperolehi kebenaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mewujudkan sistem permohonan dan kemasukan ijazah dasar sendiri. Ini bermakna, calon-calon yang berminat untuk melanjutkan pengajian ijazah dasar di UM tidak perlu lagi memohon melalui Sistem UPU mulai tahun 2015. Perkara ini dilihat memberi kelebihan kepada UM dari pelbagai segi termasuk mempunyai lebih kebebasan dalam memilih calon pelajar yang berkualiti. Memandangkan sistem permohonan UM ini tidak terikat dengan sistem UPU, pemohon boleh memohon melalui kedua-dua sistem tanpa perlu khuatir jika permohonan mereka ditolak oleh UM yang akan mengakibatkan peluang mereka masuk ke universiti lain terjejas. Justeru itu, bilangan permohonan kemasukan ke UM dijangka meningkat dan memberikan lebih banyak pilihan calon yang berkualiti.

## Kualiti Staf Akademik

Program *Emerging Scholars Leadership Advancement* (EmeraLd) telah diperkenalkan oleh Pusat Pembangunan Akademik (ADeC) bertujuan untuk membimbing tenaga akademik SLAB/SLAI yang kembali berkhidmat di UM. Program 2 bulan ini dibahagikan kepada



5 fasa iaitu kursus orientasi, penyelidikan, penyeliaan, pengajaran dan pembelajaran serta latihan pengurusan. Selain dari memberikan latihan tambahan kepada para pensyarah baru sebelum memulakan tugas di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing, program ini juga akan mencungkil bakat kepimpinan, pengurusan dan pentadbiran di kalangan mereka ketika melakukan latihan pengurusan di beberapa PTJ yang berfokuskan perkhidmatan dan pentadbiran. Program ini juga sekaligus membantu dalam usaha merangka pelan penggantian dan pengurusan bakat di masa hadapan.

Tahun 2014 juga menyaksikan semakan semula polisi SLAB/SLAI dengan penempatan berfokus kepada 100 universiti terbaik dunia dan pengenalan sistem ganjaran bagi menggalakkan calon menyelesaikan pengajian secepat mungkin. Usaha ini mampu membantu universiti memperoleh tenaga akademik yang berkualiti serta bertaraf dunia.

Selain itu, program “Sabatikal Khas” selama satu tahun juga diperkenalkan bagi memberi peluang kepada Staf Akademik untuk menjalankan penyelidikan ilmiah dalam bidang kepakaran masing-masing di universiti terkemuka luar negara dengan memberi tumpuan kepada penghasilan kajian atau penulisan penerbitan dalam jurnal yang berimpak tinggi.

## Kualiti Pengajaran & Pembelajaran

Penubuhan Pusat Pembangunan Kurikulum (CDC) pada bulan Mei 2014 merupakan antara inisiatif bagi memantapkan kualiti program dan kurikulum. Tujuan utama pusat ini adalah untuk menguruskan dan mengkoordinasi proses penggubalan dan semakan kurikulum. Pusat ini membantu membangunkan program-program multidisiplin baru bersesuaian dengan keperluan pasaran dan masa hadapan. Tahun 2015 bakal menjadi tahun yang amat penting kepada pusat ini kerana perlu membantu dalam semakan semula kurikulum untuk lebih 300 program ijazah dasar dan ijazah tinggi.

## Kecemerlangan Berterusan

Beberapa inisiatif lain juga telah dimulakan sepanjang 2014 untuk memastikan kecemerlangan berterusan UM terutamanya dalam portfolio akademik. Antara inisiatif utama adalah penubuhan jawatankuasa yang mengkaji semula trek akademik, sistem penilaian prestasi dan Piawai sasaran prestasi akademik (SAPT). Jawatankuasa ini dijangka akan mencadangkan satu polisi baru yang meliputi semua perkara di atas bagi mewujudkan tenaga akademik yang bersesuaian dengan keperluan dan halatuju universiti.

Sebuah jawatankuasa juga telah ditubuhkan bagi mencadangkan polisi pengurusan program akademik yang merangkumi kesemua aspek termasuk penawaran program baru, semakan semula kurikulum, penutupan program dan sebagainya. Polisi ini dijangka akan membantu universiti dalam memastikan pengurusan program akademik adalah teratur dan kemas sekaligus memastikan program yang ditawarkan adalah relevan dengan keperluan semasa.

Cadangan memperkenalkan program pengkayaan bagi penerima biasiswa UM juga sedang diteliti oleh sebuah jawatankuasa. Program ini akan memberi peluang kepada penerima biasiswa untuk menyumbang kembali kepada universiti dengan berkhidmat di jabatan-jabatan yang akan dikenalpasti bagi suatu tempoh tertentu seperti yang telah dilaksanakan oleh universiti-universiti terkemuka dunia.

Secara keseluruhannya, tahun 2014 telah dimanfaatkan sepenuhnya untuk menjayakan aspirasi universiti menjadi 100 universiti terbaik di dunia. Beberapa inisiatif yang telah dan bakal dijalankan dijangka memberi impak positif kepada universiti menjelang tahun hadapan. Walaupun tahun 2015 bakal dipenuhi pelbagai cabaran dan rintangan, Universiti Malaya mampu mengharungi kesemuanya dan bergerak pantas di persada dunia hasil sokongan jitu serta usaha cecal kesemua warganya.

# Hubungan Luar

## Lawatan Antarabangsa

TARIKH	INSTITUSI	NEGARA
JANUARI		
3	Tongwon University	Korea
8	Kookmin University	Korea
9	Marmara University	Turki
10	Aarhus University	Denmark
13	University of Zurich	Switzerland
13	Anna University	India
23	University of East Anglia	United Kingdom
23	Sharif University of Tehran	Iran
24	University of Nottingham	United Kingdom
24	Universitas Andalas	Indonesia
24	Kongju National University	Korea
27	Waseda University	Jepun
27	Institute of Business Administration	Pakistan
FEBRUARI		
5	PA Company - Biodiesel	Indonesia
10	Ural Federal University	Rusia
11	University of Notre Dame	Amerika Syarikat
12	National Institute of Natural Sciences	Nepal
12	Dezhou University	China
13	Chiba University	Jepun
13	Universitas Simalungun	Indonesia
14	Kobe University & Japanese Entrepreneurs	Jepun
17	Prince of Songkla University	Thailand

TARIKH	INSTITUSI	NEGARA
25	Universitas Muhammadiyah Pare-Pare	Indonesia
26	Indian Statistical Institute	India
26	Association of Pacific Rim Universities - APRU	Lain-lain
27	Universitas Serang Raya	Indonesia
27	High Commission of India in Malaysia	India
28	Embassy of Ukraine in Malaysia	Ukraine
28	Gunma University	Jepun
MAC		
3	Patuakhali Science and Technology University	Bangladesh
3	Epigeum Limited	United Kingdom
3	Vellore Institute of Technology	India
3	Nagoya University	Jepun
5	Kanazawa University	Jepun
5	Madras Christian College, Tambaram, Chennai	India
5	Institute of Chartered Accountants in England & Wales	United Kingdom
6	Tehran University of Medical Sciences	Iran
10	University of Strathclyde	United Kingdom
10	University of East Anglia	United Kingdom
10	Macquarie University	Australia
11	Swansea University	United Kingdom
11	National Chung Cheng University	Taiwan
12	Shinshu University	Jepun
14	Chongqing Medical University	China
17	University François Rabelais, Tours	Perancis
19	Plymouth University	United Kingdom
19	Queen's University Belfast	United Kingdom
19	Universitas Sriwijaya	Indonesia
19	Nakhon Pathom Rajabhat University	Thailand
20	University of Glasgow	United Kingdom
21	University of Lincoln	United Kingdom



TARIKH	INSTITUSI	NEGARA
21	Technological University of the Philippines	Filipina
26	University of Geneva	Switzerland
APRIL		
7	Xiamen University	China
8	Bunditpatanasilpa Institute	Thailand
8	Nottingham Trent University	United Kingdom
9	BASF East Asia Regional Headquarters Ltd.	Hong Kong, China
15	Universitas Kuala Syiah	Indonesia
15	Guangxi Medical University	China
15	University of Surrey	United Kingdom
15	Abubakar Tawafa Balewa University	Nigeria
16	Harbin Institute of Technology Shenzhen	China
17	Chiba University	Jepun
21	Chief Justice of Hong Kong	Hong Kong, China
23	Busan Foundation for International Activities	Korea
23	The University of Hong Kong	Hong Kong, China
23	H.E. Dr. Raisa Atambaeva, First Lady of the Kyrgyz Republic	Kyrgyz Republic
24	Universitas Negeri Semarang	Indonesia
25	Universitas Negeri Yogyakarta	Indonesia
28	Zhejiang University	China
28	Chulalongkorn University	Thailand
28	Flinders University	Australia
29	World Bank (East Asia & Pacific)	Amerika Syarikat
30	University of Southern Mindanao	Filipina
30	Royal Engineering and Architecture	Mauritius
30	Australian High Commission in Malaysia	Australia
MEI		
2	Embassy of Sudan in Malaysia	Sudan
5	Universitas Sriwijaya	Indonesia
5	BRAC University	Bangladesh



TARIKH	INSTITUSI	NEGARA
6	Pranakhon Rajabhat University	Thailand
6	London School of Economics and Political Science	United Kingdom
8	Dhurakij Pundit University	Thailand
9	Harbin Institute of Technology Shenzhen	China
9	University of Tsukuba	Jepun
20	Culture & Art High Education Institute	Iran
21	Embassy of Sudan in Malaysia	Sudan
23	Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara	Indonesia
23	Eastern Polytechnic	Sierra Leone
27	Swansea University	United Kingdom
28	Zhejiang University	China
JUN		
2	Association of Commonwealth Universities (ACU)	United Kingdom
4	Naresuan University	Thailand
5	University of South Brittany	Perancis
9	Massachusetts Institute of Technology	Amerika Syarikat
10	University of Aberdeen	United Kingdom
16	ETH Zurich	Switzerland
17	Universitas Galuh	Indonesia
18	The University of Queensland	Australia
23	Aceh Institute for Human Resources Development	Indonesia
24	Lahore University of Management Sciences	Pakistan
24	Nahda University	Mesir
24	The University of Sydney	Australia
24	Chulalongkorn University	Thailand
25	University of Philippines	Filipina
25	Government of Nepal	Nepal
27	Flinders University	Australia
27	Nusantara Trust Funds	Indonesia
27	Longwood Medical International Foundation	Amerika Syarikat



TARIKH	INSTITUSI	NEGARA
JULAI		
2	Queen Mary, University of London	United Kingdom
2	Trinity College Dublin, the University of Dublin	Ireland
7	National Chung Cheng University	Taiwan
7	University of South Australia	Australia
7	Taiwan Ministry of Education & Universities	Taiwan
10	Prince of Songkla, Phuket Campus	Thailand
14	Embassy of the Republic of Peru	Peru
18	Universitas Islam Bandung	Indonesia
21	Ministry of Health & Family Welfare	Bangladesh
22	Prince of Songkla University	Thailand
22	South African High Commission	South Africa
23	Busan Foundation for International Activities (BFIA) & Universities in Busan	Korea
25	Zurich University of Applied Sciences	Switzerland
OGOS		
5	University of Social Science and Humanities	Vietnam
7	Flinders University	Australia
12	Mahidol University	Thailand
13	University of Liverpool	United Kingdom
14	University of Calgary	Kanada
14	Beijing Foreign Studies University	China
18	Wakayama University	Jepun
18	The Sumitomo Foundation	Jepun
18	Vel Tech Dr. RR & Dr. SR Technical University	India
19	Hochschule Konstanz University of Applied Sciences	Jerman
21	Graz University of Technology & Vienna University of Business and Economics (via ASEA-Uninet)	Austria
22	Foundation University Islamabad	Pakistan
25	Nakhon Pathom Rajabhat University	Thailand
26	Asia University	Jepun
27	Tokyo Metropolitan University	Jepun
28	Keio University	Jepun
28	University of Santo Tomas	Filipina





TARIKH	INSTITUSI	NEGARA
28	Ubon Ratchathani Rajabhat University	Thailand
29	National University of Kaohsiung	Taiwan
29	Embassy of Tanzania in Malaysia	Tanzania
SEPTEMBER		
3	Embassy of Switzerland in Malaysia	Switzerland
9	Korea Institute of Science & Technology Evaluation and Planning (KISTEP)	Korea
11	Niederrhein University of Applied Sciences	Jerman
18	Universitas Jabal Ghafur	Indonesia
22	The Hong Kong University of Science & Technology (HKUST)	Hong Kong, China
23	Ministry of Education, Thailand	Thailand
24	Embassy of Thailand	Thailand
25	University of Haripur	India
25	Kyungsung University	Korea
30	Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati	Indonesia
OKTOBER		
3	Flinders University	Australia
3	Embassy of Georgia	Georgia
7	UIN Sunan Kalijaga	Indonesia
8	Universitas Sawerigading Makassar	Indonesia
8	Universitas Andalas	Indonesia
21	Fontys International Business School	Netherlands
23	University of International Business and Economics	China
27	S. Rajaratnam School of International Studies	Singapura
29	University of Tsukuba	Jepun
NOVEMBER		
3	University of California, San Diego	Amerika Syarikat
4	Hong Kong Economic and Trade Office	Hong Kong, China
6	University of Southampton	United Kingdom
10	Tokyo Institute of Technology	Jepun



TARIKH	INSTITUSI	NEGARA
10	Aberystwyth University	United Kingdom
12	Uttara University	Bangladesh
12	University of Science and Culture, Tehran	Iran
13	Ubon Ratchathani Rajabhat University	Thailand
17	Seinan Gakuin University	Jepun
19	Mataram University	Indonesia
20	Ministry of Higher Education Sri Lanka	Sri Lanka
20	Kansas State University	Amerika Syarikat
21	De La Salle University	Filipina
21	Institut Polytechnique LaSalle Beauvais	Perancis
24	Guizhou University	China
27	Rhein Main University of Applied Sciences	Jerman
27	Kyonggi University	Korea
DISEMBER		
1	Tokyo Metropolitan University	Jepun
1	Sophia University	Jepun
1	Hosei University	Jepun
1	Tehran University of Medical Sciences	Iran
2	University of Geneva	Switzerland
2	Comsats Institute of Information Technology	Pakistan
4	Harbin Engineering University	China
9	Al-Maktoum College of Higher Education	United Kingdom
10	National Chung Cheng University	Taiwan
17	University of Santo Tomas	Filipina
19	Ambassadors of Latin American Countries to Malaysia	Lain-Lain
23	El-Bayadh University Center	Algeria
24	Ataturk University	Turki



# Lawatan Tempatan

TARIKH	INSTITUSI
<b>FEBRUARI</b>	
20	Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
<b>MAC</b>	
5	Sunway_TES Sdn Bhd
18	Persatuan Peguam Syarie Malaysia
<b>APRIL</b>	
16	Oleon Sdn. Bhd.
<b>JUN</b>	
6	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu
12	Sensata Technologies Malaysia Sdn. Bhd.
16	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
<b>SEPTEMBER</b>	
24	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) MARA Aerospace & Technologies Aerospace Malaysia Innovation Centre
<b>OKTOBER</b>	
27	Dato' Mah Pooi Soo Benevolent Fund
<b>NOVEMBER</b>	
26	Hartalega Sdn Bhd Anak Alami Enterprise Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional (JPNIN) Association Chinese Chambers of Commerce & Industry of Malaysia (ACCCIM) Malaysia Retail Chain Association (MRCA) Universiti Teknologi MARA (UITM)
<b>DISEMBER</b>	
24	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
26	Samsung Group (Malaysia)



# Memorandum Persefahaman & Perjanjian

## Memorandum Persefahaman & Perjanjian Antarabangsa

INSTITUSI	TARIKH KUATKUASA	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj)	OBJEKTIF
<b>ALGERIA</b>			
University of Bordj Bou Arreridj	21.4.2014 – 20.4.2019 (MoU)	Fakulti Kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"><li>• MoU umum</li></ul>
Ecole Nationale Polytechnique	28.5.2014 – 27.5.2019 (MoA)	Fakulti Kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"><li>• MoU umum</li></ul>
<b>AUSTRALIA</b>			
Monash University	18.6.2014 – 17.6.2019 (MoU)	Fakulti Perubatan Fakulti Sains Fakulti Undang-Undang	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Research collaboration in the areas of mutual interest;</i></li><li>• <i>Exchange of academic materials which are made available by both parties;</i></li><li>• <i>Exchange of scholars;</i></li><li>• <i>Exchange of students;</i></li><li>• <i>Cooperative seminars, workshops and other academic activities</i></li></ul>
	4.3.2014 – 3.3.2017 (MoA)	Fakulti Undang-Undang	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perjanjian bagi <i>Monash Law Malaysia programme</i></li></ul>

INSTITUSI	TARIKH KUATKUASA	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj)	OBJEKTIF
The University of New South Wales	17.2.2014 – 16.2.2019 (MoA)	Institut Pengajian Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Joint PhD Agreement</li> </ul>
	30.4.2014 – sehingga calon bergraduat pada Mac 2017 (MoA)	Institut Pengajian Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Joint PhD Candidate Agreement (JCA) for Mr. Leong Chin Neng (Faculty of Engineering).</li> </ul>
	24.9.2014 – 23.9.2017 (MoU)	Institut Pengajian Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> <li>MoU to promote academic and educational exchange between their universities through:               <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Research collaboration</li> <li>(b) Scholarship support for PhD Program at UNSW</li> </ul> </li> <li>- UM Masters Graduates, Staff and Faculty Members are eligible for this scholarship.</li> </ul>
CPA Australia	14.7.2014 – 31.3.2015 (MoA)	Institut Pengurusan & Pemantauan Penyelidikan (IPPP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjanjian Geran Penyelidikan Projek: <i>The impact of IFRS adoption on Malaysian mutual fund industry.</i></li> </ul>
Swinburne University of Technology	24.2.2014 – 23.2.2019 (MoU)	Fakulti Sains Fakulti Kejuruteraan Kluster Penyelidikan <i>Innovative Technology</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>MoU umum.</li> </ul>
Flinders University	7.8.2014 – 6.8.2019 (MoU)	Fakulti Kejuruteraan Pusat Penyelidikan Nanoteknologi dan Catalysis (NANOCAT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>MoU umum.</li> </ul>
<b>BELGIUM</b>			
University of Antwerp (Universiteit Antwerpen)	1.1.2014 – 1.1.2018 (MoA)	Institut Pengajian Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Partnership Agreement Governing the Joint Supervision and Awarding of a Doctorate Diploma between University of Antwerp and University of Malaya.</li> </ul>
<b>CAMBODIA</b>			
Zaman University	8.10.2014 – 23.4.2019 (MoA)	Fakulti Sastera & Sains Sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjanjian program pertukaran pelajar.</li> </ul>
<b>KANADA</b>			



INSTITUSI	TARIKH KUATKUASA	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj)	OBJEKTIF
University of Ottawa	8.10.2014 – 7.10.2019 (MoA)	Fakulti Undang-Undang Fakulti Kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjanjian bagi mobiliti pelajar.</li> </ul>
Concordia University	11.3.2014 – 10.3.2017 (MoA)	Pusat Kebudayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjanjian bagi kerjasama akademik:               <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mempromosikan kerjasama dan pertukaran dalam penyelidikan;</li> <li>(b) Program pertukaran pelajar.</li> </ul> </li> </ul>
<b>CHINA</b>			
Shaoxing University	17.10.2014 – 6.10.2019 (MoA)	Fakulti Pendidikan Pusat Pelajar Antarabangsa (ISC)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjanjian bagi Program Pertukaran Pelajar.</li> </ul>
National Astronomical Observatories, Chinese Academy of Sciences (NAOC)	15.3.2014 – 14.3.2019 (MoU)	Fakulti Sains	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memorandum persefahaman bagi kerjasama saintifik bagi pembangunan penyelidikan <i>Radio Astronomical</i>.</li> </ul>
Dezhou University	10.4.2014 – 9.4.2019 (MoU)	Fakulti Sains Fakulti Sastera & Sains Sosial Pusat Kebudayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>MoU umum.</li> </ul>
UMCares juga memantau Projek *Green Office* yang merupakan projek utama UM. *Standard Operational Procedure (SOP)* juga turut disediakan supaya amalan hijau di dalam pejabat dapat dilaksanakan oleh kakitangan PTJ serta dapat diikuti oleh PTJ lain dalam UM/ luar UM selain menjadi perunding bagi pelaksanaan *Green Office* di dalam dan luar UM.

Antara program-program yang dijalankan dalam skop Jalinan Kelestarian sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Pelancaran Program “ <i>Bee Club</i> ”	1 Mac
2.	Pembentang Kertas Persidangan dalam 1 <sup>st</sup> <i>Regional Conference on Campus Sustainability 2014</i> , Universiti Malaysia Sabah	7 – 9 April
3.	<i>Earth Day Celebration</i> dengan Syarikat Timberland Malaysia	22 April
4.	<i>Technical Talk – River of Life</i>	20 April
5.	Sambutan Hari Bumi, Universiti Putra Malaysia	22 April
6.	Minggu Haluan Siswa Pusat Asasi Sains – Slot Kelestarian dan Komuniti	26 Mei
7.	Majlis Pelancaran Rakan Alam Sekitar (RAS) sebagai Nadi Penggerak Komuniti Lestari, Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia di Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan	5 Jun
8.	Perbincangan Kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar dengan rakan MoU sempena penganjuran Minggu Alam Sekitar Malaysia 2014, Putrajaya	16 Julai
9.	Minggu Haluan Siswa Pelajar dan Pelancaran Pertandingan UMCares 2014, Universiti Malaya	6 September
10.	Bengkel Pewujudan Indikator Sebagai Kayu Ukur Program Pendidikan Kesedaran Alam Sekitar, Hotel Taiping Perdana, Perak	8 – 10 September
11.	<i>Asian Students Environment Platform (ASEP) 2014 Tree Planting</i> , Bidor, Perak	14 September
12.	<i>Eco Explorace Event run</i> oleh SPAS Club	27 September
13.	FESKUM <i>Environmental Audit</i> dan Gerai Pameran UMCares di FESKUM 2014	13 – 17 Oktober
14.	Bengkel Pewujudan Indikator Sebagai Kayu Ukur Program Pendidikan Kesedaran Alam Sekitar, De Rhu hotel, Kuantan Pahang	15 – 18 Oktober
15.	<i>UM Biodiversity Week 2014</i> oleh RIMBA Team, Universiti Malaya	27 – 31 Oktober
16.	Minggu Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan, Penglibatan Skuad UMCares dalam acara tersebut di Tasik Darul Aman, Kedah	30 Oktober – 2 November
17.	Program Penanaman Pokok Bakau di Taman Negara Tanjung Piai Menerusi Program Jelajah Jejak Mesra Rakan Alam Sekitar Zon Selatan, Tanjung Piai, Johor	26 – 28 November
18.	Eco Endeavor : Lawatan ke Paya Bakau Larut Matang, Perak	29 – 30 November
19.	Projek Gotong Royong Kolej Kediaman Ke-12, Universiti Malaya	8 – 14 Disember
20.	KUAZCares: Explorace, Cube Contest & Gotong Royong Mega, Universiti Malaya	29 November – 21 Disember
21.	Bengkel Engagement Bersama <i>Stakeholders</i> mengenai Pembangunan Indikator Kesedaran Alam Sekitar Peringkat Zon Tengah, Hotel Swiss Garden, Kuala Lumpur	15 Disember
22.	Simposium Sungaiku Nyawaku oleh Persatuan Geografi, Universiti Malaya	18 Disember





# Tanggungjawab Sosial Korporat (*Corporate Social Responsibility*)

UMCares juga bertanggungjawab terhadap geran penyelidikan daripada Kementerian Pendidikan dan juga Universiti untuk diagihkan kepada penyelidik serta mendapat dana daripada syarikat swasta yang ingin menjalankan tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility*) mereka kepada masyarakat. UMCares juga menjadi sumber rujukan dan perundingan kepada pihak universiti dan syarikat luar bagi mengenalpasti keperluan masyarakat dan disalurkan dengan betul supaya masyarakat mendapat faedah daripadanya. UMCares juga bertanggungjawab menjadi koordinator dan pihak tengah dalam rundingan dan juga perbincangan yang melibatkan perkara berkaitan CSR di UM khususnya yang melibatkan hal-hal jalinan masyarakat dan inisiatif kelestarian.

Antara program-program yang dijalankan dalam skop Tanggungjawab Sosial sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Lawatan AEON Jepun ke Universiti Malaya	21 Januari
2.	Pelantikan Dr. Fathiah dan Dr. Zul Ilham sebagai penasihat untuk program ASEP ( <i>Asian Student Environmental Platform</i> ) AEON	Januari
3.	Program "Toyota's Micro-Electric vehicles ( <i>electric cars</i> ) Test Drive"	26 Februari
4.	Keahlian UMCares dalam ISCN ( <i>International Sustainable Campus Network</i> )	April
5.	Lawatan Sekolah Okayama Joto, Jepun	27 Jun
6.	<i>Community Investment Forum Singapore</i> (CSR)	3 – 6 Jun
7.	Program <i>Asian Student Environmental Platform</i> anjuran AEON <i>Environmental Foundation</i> di Beijing, China	3 – 12 Ogos
8.	Majlis Sumbangan Anak Yatim sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri	26 Ogos
9.	<i>International Green Exhibitors Malaysia –UMCares Exhibition 2014</i>	16 – 19 Oktober
10.	<i>Memorandum of Intent (MoI) Signing</i> diantara Hartalega-UMCares-Alami Enterprise	26 November





# Hal Ehwal Pelajar & Alumni

- Laporan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Kemudahan Pelajar
  - Penginapan
  - Pengurusan Pelajar Luar Kampus
- Bantuan Pelajar
  - Kewangan Pelajar
  - Insurans Pelajar
  - Hal Ehwal Perundangan Pelajar
- Aktiviti Pelajar
  - Sekretariat Sukarelawan Universiti Malaya
  - Badan-Badan dan Persatuan Pelajar
- Pembangunan Pelajar
  - Pengurusan Latihan Pelajar
  - Kaunseling, Kerjaya dan OKU
  - Unit Pemerkasaan Pelajar dan Penyelidikan (SERU)
  - Pusat Keusahawanan Siswa Universiti Malaya (UMEC)
- Alumni



Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Rohana Yusof

# Laporan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

**B**ahagian Hal Ehwal Pelajar atau singkatannya HEP diwujudkan pada tahun 1975 berikutan pengenalan dan penguatkuasaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Bahagian ini diketuai oleh seorang Timbalan Naib Canselor dan dibantu oleh seorang Timbalan Pendaftar serta beberapa orang pegawai kanan (bertanggungjawab sebagai ketua seksyen) dan pegawai

pentadbir. Di universiti, Bahagian ini berfungsi menguatkuasakan statut Universiti Malaya (Badan-badan Pelajar) 1979 dan kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 di samping beberapa peruntukan lain di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang berkaitan dengan pelajar. Pada Ogos 2014, HEP telah diberikan semula tanggungjawab menguruskan Alumni. Selaras dengan itu, HEP dikenali semula sebagai Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA).

Pada tahun 2014, HEPA melaksanakan penyusunan semula fungsi dan peranannya sejajar dengan keperluan. Beberapa fungsi utama HEPA telah diperkukuhkan meliputi penggunaan teknologi dalam mengesan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Sistem merit kegiatan pelajar telah dimantapkan. Pelajar yang bergiat dalam kokurikulum seperti menjadi pemimpin badan pelajar, bergiat dalam aktiviti persatuan dan kolej kediaman serta lain-lain aktiviti yang didaftarkan, akan menerima mata merit serta direkodkan dalam sistem. Pada akhir pengajian pelajar, satu laporan merit tentang penglibatan pelajar akan diberikan dan laporan ini dikenali sebagai MyAct.

Selain daripada itu, HEPA juga giat membangunkan pelajar melalui aktiviti terancang yang dijalankan melalui Seksyen Pembangunan Pelajar, Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU serta Unit Pemerksaan Pelajar dan Penyelidikan (SERU). Pelajar akan didedahkan dengan kemahiran insaniah meliputi kepimpinan, kemahiran komunikasi, Pembimbing Rakan Sebaya, dan kemahiran lain yang membantu kecemerlangan pelajar.

Pelajar juga terus diberikan perkhidmatan yang senantiasa dipertingkatkan meliputi kemudahan penginapan, perkhidmatan bas ulangalik dalam kampus serta perkhidmatan bantuan kewangan bagi memudahkan mereka

menjalani pengajian di UM. Kemudahan kepada pelajar dalam aspek penyediaan ruang santai untuk pelajar bersosial dan mentelaah pelajaran serta menjalankan mesyuarat, juga disediakan di Bangunan Kompleks Perdanasiswa.

Pegawai-pegawai HEPA kekal cekal memberi bimbingan dan latihan kepada pelajar dengan harapan prestasi individu dapat ditingkatkan secara menyeluruh dan bersepadu kearah melahirkan mahasiswa yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani.



# Kemudahan Pelajar

## Penginapan

Universiti Malaya (UM) mempunyai 12 buah kolej kediaman di dalam kawasan kampus Universiti Malaya, sebuah di kampus Universiti Malaya Nilam Puri, Kelantan dan Rumah Antarabangsa yang terletak di Seksyen 17, Petaling Jaya, Selangor yang boleh menampung hampir 13,000 orang pelajar. Jumlah pelajar ini merangkumi 55% pelajar ijazah pertama. Ini adalah kerana kesemua pelajar Tahun 1 diwajibkan menginap di kolej kediaman yang terletak di dalam kawasan kampus.

Manakala Rumah Antarabangsa pula menyediakan penginapan bagi pelajar-pelajar antarabangsa yang berkeluarga dengan bayaran RM1,500.00 sebulan. Pelajar Pasca Siswazah juga diberi peluang untuk menginap di kolej-kolej kediaman dengan kadar RM15.00 sehari bagi setiap pelajar. Walau bagaimanapun, penempatan pelajar-pelajar Pasca Siswazah di kolej kediaman adalah tertakluk kepada kekosongan tempat.

SENARAI KOLEJ KEDIAMAN	KAPASITI PELAJAR
Kolej Kediaman Pertama (Tunku Abdul Rahman)	818
Kolej Kediaman Kedua (Tuanku Bahiyah)	745
Kolej Kediaman Ketiga (Tunku Kurshiah)	753
Kolej Kediaman Keempat (Bestari)	687
Kolej Kediaman Kelima (Dayasari)	847
Kolej Kediaman Keenam (Ibnu Sina)	740
Kolej Kediaman Ketujuh (Za'ba)	838



SENARAI KOLEJ KEDIAMAN	KAPASITI PELAJAR
Kolej Kediaman Kelapan (Kinabalu)	882
Kolej Kediaman Kesembilan (Tun Syed Zahiruddin)	963
Kolej Kediaman Kesepuluh (Tun Ahmad Zaidi)	564
Kolej Kediaman Kesebelas (Ungku Aziz)	1,000
Kolej Kediaman Keduabelas (Raja Dr. Nazrin Shah)	2,990
Rumah Antarabangsa, Seksyen 17, Petaling Jaya, Selangor	564
Kolej Kediaman Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan	783

# Pengurusan Pelajar Luar Kampus

Dengan penempatan pelajar di dalam kampus yang terhad, kebanyakan pelajar-pelajar Universiti Malaya (UM) memilih untuk tinggal di luar kampus iaitu di lokasi perumahan yang berdekatan. Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus (UPPLK) ditubuhkan bertujuan untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan pelajar UM yang tinggal di luar kampus dan menggalakkan program pembangunan sahsiah mereka.

Sehingga Disember 2014, seramai 4,379 orang (pelajar Ijazah Dasar) tinggal di luar UM. Sistem ISIS digunakan bagi memudahkan capaian data pelajar luar kampus. Pembahagian penginapan pelajar dibahagikan kepada dua belas (12) zon utama merangkumi kawasan Pantai Dalam, Kerinchi, Bangsar, Seksyen 12, 14, 16 dan 17 Petaling Jaya dan Kawasan SS2 Petaling Jaya serta lain-lain kawasan.

Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pelajar Luar Kampus. Pelbagai kegiatan pelajar luar kampus aktif melalui penganjuran pelbagai aktiviti dan penglibatan dalam aktiviti Universiti samaada dalam waktu pejabat mahu pun di luar waktu pejabat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH
1.	Iklan JPLK dan Temuduga JPLK Baru	2 Februari
2.	FESENI Luar Kampus	21 Mac – 3 April
3.	Lawatan ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	12 Mac
4.	Pusat Bimbingan Komuniti JPLK	1 April
5.	Road Show Off-Campus	15 – 16 Mac
6.	Kursus Pengurusan Jenazah & Penyembelihan	29 Mac
7.	Bengkel Pelan Strategik JPLK	21 – 23 Mac
8.	Program <i>Survival</i> Luar Kampus Siri 7	25 – 27 April
9.	Lawatan Sukarelawan Antarabangsa & Pertukaran Budaya (SUKADAYA 2014), Jokjakarta, Indonesia	6 – 12 April
10.	Bengkel Pelan Strategik JPLK 2	25 -27 Jun
11.	<i>Road Show Off Campus</i> – Fakulti	17 – 22 September
12.	Booth Luar Kampus sempena Minggu Promosi Badan Pelajar	9 – 10 Oktober
13.	Program <i>Surviva</i> / Luar Kampus Siri 8	17 – 19 Oktober
14.	Malam Anugerah Pelajar Luar Kampus	24 Mei
15.	Pasukan SUKMUM Luar Kampus	8 November – 14 Disember
16.	Majlis Kesyukuran dan <i>BBQ</i> Atlet SUKMUM 2014	25 Disember

# Bantuan Pelajar

## Kewangan Pelajar

Pada tahun 2014, sebanyak 87 penaja dari pihak kerajaan dan pelbagai agensi kerajaan, swasta serta orang perseorangan telah menawarkan biasiswa, pinjaman dan dermasiswa kepada 11,927 orang pelajar Universiti Malaya. Antara penyumbang utama bantuan kewangan kepada pelajar Universiti Malaya adalah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

### Senarai penaja bagi Biasiswa dan Dermasiswa untuk tahun 2014

SENARAI PENAJA	BILANGAN PELAJAR
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	2,845
Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	1,469
Yayasan KUOK	43
Majlis Agama Islam Selangor	29
Tun Tan Cheng Lock	96
Kerajaan Negeri Sabah	68
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	23
Yayasan Telekom	5
Yayasan Sabah	30
Tan Sri Lee Loy Seng	13
Kementerian Belia & Sukan	8
Bank Negara Malaysia	4
Overseas Chinese Banking Corporation	13
Yayasan Tenaga Nasional (TNB)	10
Sime Darby Berhad	22
Bantuan Pelajaran Tunku Abdul Rahman	67
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)	24
Lain-lain	232

## Senarai Penaja bagi Pinjaman untuk Tahun 2014

SENARAI PEMINJAM	BILANGAN PELAJAR
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	4,745
Kerajaan Negeri	77
Yayasan	62
Tabung Pinjaman Pelajar Universiti Malaya (Pinjaman Penuntut)	48
Lain-Lain	11

## Insurans Pelajar

Dengan bayaran serendah RM12.00 setahun, pelajar-pelajar Universiti Malaya (warganegara Malaysia) yang berdaftar (Ijazah Pertama, Ijazah Tinggi dan pelajar Asasi [Asasi Sains, Asasi Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam, Asasi Pengajian Islam & RPKJ]) adalah dilindungi di bawah Pelan Takaful Keluarga Berkelompok.

## Skop & Amaun Perlindungan

BIL	SKOP PERLINDUNGAN	AMAUN PERLINDUNGAN (RM)
1.	Kematian (Sakit)*	8,000
2.	Kematian (Akibat Kemalangan)	20,000
3.	Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan (Sakit)	8,000
4.	Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan (Akibat Kemalangan)	20,000





BIL	SKOP PERLINDUNGAN	AMAUN PERLINDUNGAN (RM)
5.	Keilatan Separa Kekal (Akibat Kemalangan)	20,000
6.	Perbelanjaan Perubatan (Akibat Kemalangan)	2,000
7.	Perbelanjaan Pengkebumian	1,000
8.	Manfaat Wad Hospital (Akibat Kemalangan)	35 sehari (maksimum 45 hari)
9.	Kos Penghantaran Pulang (Akibat Kemalangan)	1,000

\*tidak termasuk kematian yang disebabkan oleh penyakit AIDS dan bunuh diri

## Hal Ehwal Perundangan Pelajar

Pada tahun 2014, Hal Ehwal Perundangan Pelajar telah menguruskan beberapa kes pembicaraan tatatertib pelajar dan rayuan tatatertib pelajar menurut peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Antara kes yang diuruskan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	KES	LAPORAN KES	BERSALAH	TIDAK BERSALAH	RAYUAN KES
1.	Larangan am	3	3	-	3
2.	Kelakuan semasa peperiksaan	17	16	1	12
3.	Menyertai/ menganjurkan perhimpunan	8	7	1	7
4.	Memasuki bilik asrama	3	3		-



# Aktiviti Pelajar

## Sekretariat Sukarelawan Universiti Malaya

Sekretariat Sukarelawan Universiti Malaya (SERUM) adalah sekretariat yang ditubuhkan untuk menggalakkan program sukarelawan di kalangan pelajar Universiti Malaya. Pelbagai program kesukarelaan dijalankan oleh SERUM sepanjang tahun 2014, antaranya adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Selangkah Ke Universiti	25 Januari	Kompleks Perdana Siswa, UM
2.	Sehari Bersama Komuniti	15 Mac	Kg Api-Api, Kuala Selangor
3.	Bengkel Sukarelawan Universiti Malaya	1 -2 Mac	Bagan Lalang Beach Resort, Morib
4.	Kursus Asas Sukarelawan 3	28 – 30 Mac	Golden Strits Villas, Port Dickson
5.	We Care For All	19 April – 31 Mei	Pusat Perubatan Universiti Malaya
6.	'Clean Cages, Save The Nature'	9 Jun	Zoo Negara
7.	Kursus Asas Sukarelawan 4	7 – 9 November	Puteri Resort Hotel, Melaka



# Badan-Badan dan Persatuan Pelajar

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 319 aktiviti pelajar yang dianjurkan oleh lebih 70 Badan dan persatuan pelajar berdaftar yang aktif termasuk sekretariat dan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya (MPPUM) telah diluluskan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Aktiviti tersebut meliputi aspek sosial, akademik, kemasyarakatan/kebajikan, sukan/rekreasi, keagamaan/kerohanian, latihan, kebudayaan/kesenian, keusahawanan dan hobi/rekreasi.

Kecenderungan badan pelajar mengadakan aktiviti bercorak akademik, keagamaan/kerohanian dan sosial adalah lebih tinggi berbanding aktiviti lain. Selain daripada itu, aktiviti seperti seminar, konvensyen, lawatan sambil belajar dan kelas-kelas akademik menjadi program kebanyakan badan pelajar. Aktiviti bercorak sosial pula adalah seperti majlis pertemuan, interaksi, lawatan sosial dan makan malam turut menjadi program tahunan bagi setiap badan pelajar.

Ringkasan pecahan kategori aktiviti yang dijalankan oleh badan pelajar adalah seperti berikut:-

BIL.	KATEGORI	BILANGAN PROGRAM
1.	Akademik	65
2.	Keagamaan / Kerohanian	60
3.	Sosial	50
4.	Kemasyarakatan / Kebajikan	42
5.	Sukan	31
6.	Kebudayaan / Kesenian	30
7.	Hobi / Rekreasi	20
8.	Latihan	14
9.	Keusahawanan	7
<b>JUMLAH</b>		<b>319</b>

Pada tahun 2014, pihak HEPA masih meneruskan tradisi dengan penganjuran Minggu Promosi Badan Pelajar kali Kedua Belas sejak dari tahun 2003. Program tersebut telah diadakan pada 8 – 10 Oktober 2014 di Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya. Program ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan pelajar menyertai dalam badan pelajar berdaftar sebagai ahli, seterusnya bergiat aktif dalam aktiviti berpersatuan. Program ini juga memberi peluang kepada badan pelajar mempromosi dan memperkenalkan persatuan masing-masing serta memaklumkan aktiviti-aktiviti yang bakal dan telah dijalankan kepada warga kampus.

Kursus Kemahiran Pengurusan Organisasi Badan Pelajar Berdaftar Universiti Malaya telah diadakan dua kali pada tahun 2014. Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pemimpin badan pelajar terhadap peruntukan Statut Universiti Malaya (Badan-badan Pelajar 1979) yang harus dipatuhi dalam sebarang urusan yang berkaitan dengan badan pelajar. Di samping itu, pemimpin pelajar juga diberi pendedahan tentang prosedur-prosedur berurusan dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni berkaitan dengan aktiviti badan pelajar.



# Pembangunan Pelajar

## Pengurusan Latihan Pelajar

Pengurusan Latihan Pelajar, HEPA diwujudkan bagi menyediakan dan memantapkan tahap latihan pelajar UM. Latihan yang disediakan adalah sebagai program sokongan kepada pembelajaran yang diperolehi di fakulti. Berdasarkan kepada keperluan latihan pembangunan, perkembangan, pengurusan dan pengiktirafan diri pelajar, urusan latihan pelajar telah merangka beberapa program untuk keperluan pelajar UM. Pada tahun 2014, Urusan Latihan Pelajar telah melaksanakan beberapa program untuk pelajar-pelajar UM bagi sesi 2013/2014 dan sesi 2014/2015. Maklumat kursus adalah seperti berikut:-

BIL.	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	Program <i>Translead</i> MAKLUM 2014: Lead 2 – Pembangunan dan Pemantapan Diri	Teratak Malaya, Janda Baik, Pahang	10 – 16 Februari
2.	Kembara Inspirasi Mahasiswa Tahun Pertama UM Sesi 2013/2014 – Fasa 1	Kg. Gusai, Taman Negara, Pahang	21 - 23 Februari
3.	Program Jati Diri Mahasiswa Tahun Pertama UM Sesi 2013/2014 - Fasa 3	Seri Menanti Resort, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	28 Februari – 1 Mac
4.	Program Jati Diri Mahasiswa Tahun Pertama UM Sesi 2013/2014 - Fasa 4	Seri Menanti Resort, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	14 – 16 Mac
5.	Kembara Inspirasi Mahasiswa Tahun Pertama UM Sesi 2013/2014 – Fasa 2	Kg. Gusai, Taman Negara, Pahang	21 – 23 Mac
6.	Kem Kepimpinan Nilai, Minda dan Fizikal Bakal Calon Pemudahcara Mahasiswa Sesi 2014/2015 Anjuran HEPA dengan Kerjasama Biroatanegara, Jabatan Perdana Menteri Fasa 1	Kem Biroatanegara Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak	7 – 9 April
7.	Kem Kepimpinan Nilai, Minda dan Fizikal Bakal Calon Pemudahcara Mahasiswa Sesi 2014/2015 Anjuran HEPA dengan Kerjasama Biroatanegara, Jabatan Perdana Menteri Fasa 2	Kem Biroatanegara Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak	10 - 12 April
8.	Kursus TOT Felo dan Pembantu Felo Kolej Kediaman bagi Kursus Pemudahcara Mahasiswa Fasa II sempena Minggu Haluansiswa UM	Teluk Dalam Resort, Pulau Pangkor, Perak	3 – 6 Mei

BIL.	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
9.	Kem Kepimpinan Nilai, Minda dan Fizikal Bakal Calon Pemudahcara Mahasiswa Sesi 2014/2015 Anjuran HEPA dengan Kerjasama Biroataneegara, Jabatan Perdana Menteri Fasa 3	Kem Biroataneegara Meru, Klang, Selangor	16 – 18 Mei
10.	Program Latihan Fasilitator Pelajar PASUM 2014	Kolej Kediaman Ke-12, UM	18 – 19 Mei
11.	Kursus Pemudahcara Mahasiswa UM Sesi 2014/2015 - Fasa 1	Kompleks Perdanasiswa, UM	27 – 29 Jun
12.	Kursus Pemudahcara Mahasiswa Sentral UM Sesi 2014/2015 – Fasa 2	Kompleks Perdanasiswa, UM	8 – 9 Julai
13.	Kursus Pemudahcara Mahasiswa UM Sesi 2014/2015 – Fasa 3	Panggung Eksperimen, UM	25 – 26 Ogos
14.	Program Jati Diri Mahasiswa Tahun Pertama UM Sesi 2014/2015 - Fasa 1	Eagle Ranch Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan	26 – 28 September
15.	Kembara Inspirasi Mahasiswa Tahun Pertama UM Sesi 2014/2015 – Fasa 1	Kg. Gusai, Taman Negara, Pahang	10 - 12 Oktober
16.	Program Jati Diri Mahasiswa Tahun Pertama UM Sesi 2014/2015 - Fasa 2	Eagle Ranch Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan	17 – 19 Oktober
17.	Seminar Kepemimpinan dan Pemantapan Organisasi Jawatankuasa Tindakan Kolej (JTK), Kolej Kediaman UM Sesi 2014/2015.	The Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur	25 – 26 Oktober
18.	Kembara Inspirasi Mahasiswa Tahun Pertama UM Sesi 2014/2015 – Fasa 2	Kg. Gusai, Taman Negara, Pahang	30 Oktober – 2 November
19.	Program Jati Diri Mahasiswa Tahun Pertama UM Sesi 2014/2015 - Fasa 3	Seri Menanti Resort, Negeri Sembilan	7 – 9 November



# Kaunseling, Kerjaya Dan OKU

Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU, HEPA telah menjalankan berberapa aktiviti sepanjang tahun 2014. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	Program PRS: Slot Kenali Personaliti PRS	28 Februari
2.	Program Kaunseling Kelompok	19 Mac
3.	Program PRS: Perjumpaan PRS & Aktiviti PRS	21 Mac
4.	Pesta Kerjaya 2014	26 – 27 Mac
5.	On Campus Interview	1 – 9 April
6.	Bengkel Kemahiran Belajar, Penumpuan & Ingatan	3 April
7.	Teach For Malaysia	3 April
8.	Program PRS: Hari Interaksi	18 April
9.	Pemeriksaan Mahasiswa OKU	2 Mei
10.	Program PRS: Etika dan Prinsip PRS	9 Mei
11.	Program Kaunseling Kelompok	2, 16, 23 Mei
12.	Program Kecemerlangan Diri & Akademik	6 Mei
13.	Pengendalian Ujian-ujian Psikologi	8 Mei
14.	Intensive Career Camp 2014	16 – 18 Mei
15.	Ceramah Kaunseling kepada Pelajar-Pelajar Pusat Asasi UM	27 Mei
16.	Kursus <i>Disability Liason Officer (DLO)</i> melalui “ <i>Disability Equality</i> ”	11 – 12 Jun
17.	Perbincangan Meja Bulat bagi Kebolehpasaran Graduan	19 Jun
18.	Laughter Yoga Workshop	18 Jun
19.	Sesi Semakan Terakhir Polisi Universiti Inklusif, UM	20 Jun
20.	Kursus Kaunseling kepada Pemandu-pemandu HEP	2 Julai
21.	Campus Tour IDPP fellowship	12 Ogos



BIL.	PROGRAM	TARIKH
22.	Tribehired Bootcamp Program	26 – 28 Ogos
23.	Jom Jelajah Bersama Kaunselor	9 – 29 September
24.	Job Skills & Placement For Students With Disability	13 September
25.	Make Our Class Inclusive – Training for DLO & Academician	17 September
26.	How To Help Yourself	19 September
27.	Program <i>Counselor Care</i>	19 September
28.	Adjusting To Campus Life	22 September
29.	Career Path Working Committee	27 Oktober
30.	Sehari Bersama Seksyen Kaunseling, Kerjaya & OKU	5 November
31.	Persidangan Varsity Inklusif Universiti Malaya 2014	11 – 12 November
32.	Majlis Menandatangani MoU Program Latihan Industri Perpaduan	26 November
33.	Kaunseling Kelompok	5 – 7 Disember
34.	Jelajah Psikososial ke UM, Nilam Puri, Kelantan	18 Disember

Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU, HEPA juga terlibat dalam beberapa aktiviti yang dianjurkan oleh pihak luar samaada menjadi ahli mahupun sebagai jemputan. Antara aktiviti yang terlibat sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	UM3G – <i>How to market myself</i>	20 Februari
2.	UM3G – <i>What is out there for me</i>	5 Mac
3.	<i>P &amp; G Career Talk</i>	11 Mac
4.	<i>Maybank Engagement Session</i>	20 Mac
5.	Ceramah Kerjaya Finisar (M'sia) Sdn. Bhd	3 April
6..	<i>Talk on GRP 1000 by Securities Commission</i>	8 Mei
7.	Talk on The Oasis Series	14 Mei
8.	Wu Han Fibrehome <i>Career Talk &amp; Interview</i>	20 Mei
9.	Schneider <i>Career Talk</i>	21 Mei
10.	<i>Career Talk Commerz Trade Services</i>	22 Mei
11.	<i>Get Ready For Career by PIAM (Persatuan Insurans Am M'sia)</i>	23 Mei
12.	Shell <i>Career Talk</i>	18 September
13.	Mobile Money <i>Career Talk</i>	15 Oktober
14.	IT <i>Career Talk by Hawlert Packard (HP)</i>	28 Oktober
15.	Toshiba <i>Career Talk</i>	28 Oktober
16.	<i>Career with Cotton On</i>	4 November
17.	<i>Get To Know Robert Bosch</i>	6 November
18.	Surbana Chartered <i>Career Talk</i>	15 Disember
19.	IBM CBD <i>Program Talk</i>	18 Disember

# Unit Pemerkasaan Pelajar dan Penyelidikan (SERU)

Unit Pemerkasaan Pelajar dan Penyelidikan (SERU) adalah sebuah Unit di bawah tadbir urus Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) yang ditubuhkan untuk membantu mengasah kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar-pelajar ijazah dasar Universiti Malaya untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan di pasaran kerja kelak. Program-program yang dianjurkan SERU adalah direka bentuk berdasarkan keperluan kemahiran insaniah yang masih dilihat kurang oleh majikan di kalangan graduan pada amnya.

Ditubuhkan pada Disember 2010, SERU berperanan sebagai *one-stop centre* untuk latihan pembelajaran kemahiran insaniah terbuka kepada pelajar tahun 1 sehingga 6 bulan selepas tamat pengajian, direka bentuk secara sistematik dan berperingkat. Berikut merupakan perincian program-program SERU serta pencapaian untuk tahun 2014:

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	<i>Discover Your Soft Skills (iCONS)</i>	1-2, 15, 22 Mac 3 - 4 Mei 5 April
2.	<i>Peer Mentoring &amp; Coaching</i>	11 Oktober 8, 15 - 16, 29 November 13, 20 Disember
3.	<i>SERU Create A Book (I)</i>	28 - 29 Mac 10 - 11 Mei
4.	<i>Get Started &amp; Be Different (I)</i>	22 Mac 5, 19 April
5.	<i>NLP-based Workshops</i> <i>Confidence Booster to Success</i> <i>Congratulations You Got The Job!</i>	22 - 23 Mac 3 - 4, 10 - 11, 24 - 25 Mei 19 - 20 April
6.	<i>Let's Be Critical</i>	19 - 20 April





BIL.	PROGRAM	TARIKH
7.	<i>Essential Study Skills &amp; Techniques Workshop</i> <i>Studying is Cool</i> <i>Eureka!</i>	29 - 30 Mac 19 - 20 April 9 - 10, 24 - 25 Mei 11 Oktober 1, 29 November
8.	<i>Work Readiness Programme</i> (Kerjasama dengan Fakulti Perniagaan & Perakaunan, UM) : <i>Work-Readiness &amp; Career Info Day</i> <i>AXP Audit Certification</i>	9, 17 - 18 Mei
9.	<i>Create Your Future Today</i> (Kerjasama dengan Fakulti Sastera & Sains Sosial, UM)	23 - 24 Mei
10.	Program "Dah Kerja Nak Kerja" (Kerjasama dengan Fakulti Sains, UM)	25 Mei
11.	<i>Global Gateway: The Real World Programme</i>	10 - 11, 17 - 18 Mei 27 - 28 September 8 - 9, 22 November
12.	BLISS 2014: <i>Busy But Healthy!</i>	19 September
13.	<i>Discover SERU 2014</i>	20 September
14.	<i>Get Started &amp; Be Different (II)</i>	20 September 11, 14 Oktober
15.	SERU <i>Create A Book (II)</i>	10, 11 Oktober 1 - 2, 15 - 16 November
16.	SERU <i>Career Enhancement Package</i> <i>Strategic Thinking</i> <i>Community Leadership</i>	18 Oktober 7 - 9 November
17.	<i>Personal Branding (II)</i>	29 - 30 November

## Pusat Keusahawanan Siswa Universiti Malaya (UMEC)

Bagi menyokong usaha dan aspirasi kerajaan untuk melahirkan keusahawanan dalam masyarakat Malaysia, budaya keusahawanan di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) hendaklah diterapkan. Bagi memenuhi matlamat ini, berberapa program dan latihan telah disediakan untuk pelajar-pelajar Universiti Malaya bagi memupuk minat mereka bagi menceburi dunia keusahawanan. Antara aktiviti yang telah disertai dan dianjurkan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	<i>Business Processes Enterprise Training (BPET)</i>	Universiti Putra Malaysia	13 - 20 Januari
2.	Pertandingan Simulasi Perniagaan Kebangsaan	Universiti Utara Malaysia	13- 31 Januari
3.	<i>Global Start-up Youth 2014</i>	Silicon Valley, Amerika Syarikat	30 Januari - 15 Februari
4.	<i>Hult Prize International Competition</i>	Dubai	3 -10 Mac
5.	<i>Wise Online Business Workshop</i>	Kompleks Perdanasiswa, UM	7 - 8 Mac

BIL.	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
6.	IM4U <i>Entrepreneurs Initiatives</i>	Kompleks Perdanasiswa, UM	15 - 17 Mac
7.	Majlis Penutup Kongres Usahawan Muda Bumiputera	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	29 Mac
8.	SME <i>University Internship</i> 2014	Universiti Malaya	April – September
9.	<i>Malaysian Institution Of Higher Learning (IHL) - MSC Challenge Startup</i> 2014	Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC)	24 April
10.	<i>Grand Entrepreneurship Week Challenge (GEWC) Sem 2 Session</i> 2013/2014	Kompleks Perdanasiswa, UM	19 Mei
11.	<i>National Cup ENACTUS Competition</i> 2014	Pusat Persidangan Shah Alam (SACC)	25 – 26 Mei
12.	<i>Capacity Building Programme In Innovation Technology Transfer &amp; Start Ups For Young Entrepreneur Inventors</i>	Universiti Malaysia Perlis	30 Jun – 4 Julai
13.	<i>Transfer of Industry Knowledge into Academia</i>	Universiti Putra Malaysia	1 – 21 Julai
14.	<i>Massachusetts Institute of Technology's Global Startup Labs</i> 2014 (MIT GSL)	Universiti Kebangsaan Malaysia	1 - 21 Julai
15.	<i>UREKA UR BUSINESS Challenge</i>		15 Ogos
16.	Karnival Kerjaya dan Keusahawanan (K3G)	Universiti Malaya	26 - 28 September
17.	<i>ENACTUS World Cup</i>	Beijing, China	22 - 24 Oktober
18.	<i>Selling Your Talent Creating Your future</i>	Universiti Malaya	1 November
19.	Program Projek <i>Effective Microorganisme</i>	Sepang	
20.	GEWC Sem. 1 sesi 2014/2015	Pulau Pangkor, Perak	1 - 18 Disember
21.	' <i>Bottom Billion Entrepreneurship</i> ' IPTA	Universiti Malaya	12 - 14 Disember



# Alumni

Pada bulan Mei 2014, Mesyuarat Pengurusan UM telah memutuskan agar Unit Alumni yang sebelumnya di bawah tadbir urus Pusat Peningkatan Institusi (IAC) telah diserahkan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP). Unit ini masih mengekalkan fungsi bagi pelaksanaan aktiviti alumni (majlis, pemasaran dan komunikasi) dan "engagement" dengan para alumni. Aktiviti yang telah dilaksanakan daripada bulan Mei hingga Disember 2014 adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	Edaran cenderamata kepada Graduan 2014	Bangunan Peperiksaan, UM	7 – 10 Oktober
2.	Program Malaysia <i>Global Outreach</i> (MGO), projek MyAlumni: PSPTN 2 Jangkauan Global Malaysia: Dimensi Baharu	Hotel Shangri La, Jakarta, Indonesia	24 – 26 Oktober
3.	Kunjungan hormat ke Kedutaan Malaysia di Myanmar	Kedutaan Malaysia, Yangon, Myanmar	14 – 15 November
4.	Program Malaysia <i>Global Outreach</i> (MGO), projek MyAlumni: PSPTN 2 Jangkauan Global Malaysia: Dimensi Baharu	Hotel Sule Shangri La, Yangon, Myanmar	21 – 23 November





# Pembangunan

- Laporan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengurusan Infrastruktur
  - Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan Harta Benda
  - Pusat Teknologi Maklumat
- Pembangunan Infrastruktur



Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan

# Laporan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

**B**agi Tahun 2014, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) bersama dua agensi yang terlibat iaitu Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta Benda (JPPHB) dan Pusat Teknologi Maklumat (PTM), telah menumpukan perhatian kepada tiga teras utama.

Teras yang pertama adalah mengendalikan beberapa projek penambahbaikan yang menelan belanja besar tetapi penting. Ini termasuk penurapan jalan, menyelesaikan permasalahan banjir, penjimatan penggunaan elektrik susulan kenaikan tarif, serta masalah kebocoran bumbung. Selain daripada itu, Tasik Varsiti yang sebelum ini dicemari sisa kimia dan bahan buangan, juga telah dipulihkan ke tahap yang baik. Pada tahun 2014 juga, PTM telah memulakan projek menaiktaraf sistem *wifi* dengan memberikan penumpuan kepada kolej kediaman. Projek ini akan tamat pada awal tahun 2015.

Teras kedua melibatkan pemerksaan staf di pusat-pusat tanggungjawab (PTJ) dan kolej kediaman. Ini adalah untuk memberi kepercayaan kepada staf teknikal di PTJ dan kolej untuk mengendalikan kerja-kerja segera dan sama-sama memikul tanggungjawab dalam pengurusan alat pamadam api, penghawa dingin, pam air domestik, dan perkhidmatan kontraktor pembersihan. Dengan pemerksaan ini, JPPHB mampu menjimatkan perbelanjaan penambahbaikan (OCAR) sebanyak RM7juta, dan dana ini sebaliknya, dimanfaatkan untuk projek-projek seperti dalam teras pertama di atas, dan juga projek dalam teras ketiga.

Teras ketiga pula merupakan strategi penjenamaan semula Universiti Malaya. Di bawah teras ketiga, projek-projek bersifat termaju serta bersifat *strategic*, telah dibangunkan. Ini termasuklah pembinaan bilik pelbagai guna (*multi-function*) yang digelar *The Cube*, penaiktarafan tandas dan rumah-rumah kediaman, sistem pemantauan banjir secara talian, pembangunan sistem e-perolehan (*e-procurement*) sepusat, laman sesawang rasmi UM yang lebih mesra pelanggan dan mesra peranti bergerak (*mobile devices*), sistem undian atas talian (*online voting*), *e-scroll*, kereta elektrik mikro, sistem penurasan wetland untuk Tasek Varsiti, penggunaan meter elektrik dan air di semua PTJ bagi tujuan pengenalpastian kadar penggunaan, lampu berkuasa solar dan angin, penambahbaikan Taman Asuhan UM (TASKUM) dengan menggunakan kontena terpakai, dan penggunaan lampu jalan LED.

UM juga menjadi platform untuk para akademik mengeksperimen hasil penyelidikan mereka ke dalam projek-projek pembangunan yang berimpak tinggi di UM. Contohnya, pengesan optik hasil penyelidikan di Fakulti Kejuruteraan telah dipasang di dalam Bangunan Tan Sri Azman Hashim bagi mengukur ketebatan lantai simen yang dibina.

Kesemua ini diusahakan tanpa mengabaikan perkhidmatan teras seperti proses pelupusan, sistem-sistem *online* yang digunakan oleh PTJ pusat, khidmat lanskap dan pemungutan sampah, penganjuran acara yang kecil mahupun yang besar seperti Istiadat Konvokesyen, dan sebagainya. Selain daripada itu, penambahbaikan dari segi penanaman pokok bunga seperti orkid, melepaskan itik dan angsa serta ikan tempatan di Tasik Varsiti dan penaiktarafan kolam ikan di Dewan Tunku Canselor (DTC) juga telah menceriakan suasana sekitar kampus.





# Pengurusan Infrastruktur

## Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB)

Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) merupakan salah satu jabatan yang menyumbang fungsi terbesar kepada Universiti Malaya. JPPHB mempunyai lapan (8) bahagian dimana fungsi projek Pembangunan yang diuruskan oleh Bahagian Pembangunan telah digabungkan fungsinya dengan Bahagian Kejuruteraan Awam. Bahagian ini telah dinamakan Bahagian Kejuruteraan Awam dan Pembangunan. Bahagian-bahagian di JPPHB adalah seperti berikut:-

- Bahagian Pentadbiran
- Bahagian Kejuruteraan Awam dan Pembangunan
- Bahagian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- Bahagian Kejuruteraan Mekanikal
- Bahagian Pembangunan
- Bahagian Pengurusan Harta
- Bahagian Kontrak & Ukur Bahan
- Bahagian Perancangan & Seni Bina
- Bahagian Kewangan

Kesemua bahagian ini saling bekerjasama antara satu sama lain dalam memastikan perkhidmatan terhadap pengurusan infrastruktur kampus lebih efisien dan berkesan. JPPHB mempunyai bilangan kakitangan seramai 304 orang dalam pelbagai jawatan.

## Bahagian Pentadbiran

Bahagian Pentadbiran menjalankan fungsi-fungsi selain daripada tugas-tugas teknikal seperti menguruskan hal ehwal berkaitan staf dan pentadbiran daripada pelbagai jawatan seperti teknikal, pentadbiran dan pekerja separuh mahir. Bahagian ini juga menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pencucian disamping menyediakan perkhidmatan pembersihan dan pencucian bangunan seluruh kampus yang dilaksanakan oleh Pekerja Awam dan syarikat-syarikat pembersihan dan pencucian yang dilantik melalui tender tahunan. Bahagian Pentadbiran juga berperanan dalam menguruskan Rumah Kediaman Universiti (RKU) untuk staf Universiti yang berkelayakan serta menyediakan rumah-rumah untuk para pelawat yang datang membuat penyelidikan di Universiti Malaya. Kemudahan rumah pelawat disediakan di Amcorp Mall dan Apartmen Jepun, Seksyen 16, Petaling Jaya, Selangor.

Bahagian Pentadbiran juga bertanggungjawab dalam penghijauan kampus dengan penanaman pokok-pokok besar dan pokok renek. Sebanyak 3,000 spesies pokok-pokok renek dan pokok besar telah ditanam di seluruh kampus pada tahun 2014 disamping memperkenalkan penanaman pokok-pokok buah-buahan di sekitar kampus seperti durian, mangga, rambutan, pulasan, sukun, asam jawa dan lain-lain. Bahagian Pentadbiran JPPHB juga dipertanggungjawabkan dalam kerja-kerja pengurusan majlis-majlis rasmi universiti dari segi membekalkan peralatan kerusi meja, permaidani, pentas dan segala kelengkapan majlis seperti Istiadat Konvokesyen, Haluansiswa, Lawatan-lawatan rasmi, majlis-majlis perasmian dan lain-lain. Sesungguhnya bahagian

ini mempunyai peranan besar dalam membantu menjayakan majlis-majlis berprestij di Universiti Malaya. Pada tahun 2014, sebanyak 439 tempahan telah berjaya diuruskan dan mendapat pulangan berjumlah RM 12,793.00 hasil pendapatan sewaan peralatan. Bagi tugas hiasan bunga-bunga untuk majlis-majlis rasmi juga di bawah tadbir urus Bahagian Pentadbiran JPPHB. Projek mengindahkan kampus dengan mempamerkan pokok-pokok bunga orkid di sekeliling kampus. Projek pembiakan anak-anak orkid juga dilaksanakan dan sebanyak 50 anak pokok orkid jenis *Mocara* telah dibiakkan di Nurseri JPPHB.

Bahagian ini juga bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja pembasmian makhluk perosak di seluruh kampus seperti tikus, ular, monyet, anjing liar, anai-anai dan sebagainya. Mulai Mei 2014, JPPHB telah menyelaraskan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Kolej-kolej untuk turut sama bertanggungjawab dalam memantau dan mencegah haiwan perosak disemua PTJ dan Kolej masing-masing. Bahagian Pentadbiran juga menyelenggarakan alat kelengkapan pejabat, perabut dan lengkapan di PTJ. Selain daripada itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam mengendalikan tempahan kenderaan untuk kegunaan pelawat universiti. Pada tahun 2014, bahagian ini telah menguruskan sebanyak 663 tempahan kenderaan untuk kegunaan rasmi dan pelawat universiti.

Pada tahun 2014, Bahagian Pentadbiran telah membelanjakan sebanyak **RM 7,158,611.90** bagi membiayai kos kerja-kerja seperti mencuci bangunan, selenggaraan kawasan/tanaman, pelupusan sisa toksik, selenggara alat kelengkapan pejabat, perabot dan kelengkapan dan haiwan perosak mengikut pecahan seperti berikut:-.



BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	Mencuci Bangunan	4,891,225.38
2.	Selenggaraan Kawasan/Tanaman	1,686,800.00
3.	Pelupusan Sisa Toksik	103,514.32
4.	Selenggaraan alat kelengkapan pejabat, perabot & lengkapan	456,522.20
5.	<i>Pest Control</i>	20,550.00
<b>JUMLAH</b>		<b>7,158,611.90</b>

## Bahagian Pengurusan Harta

Bahagian Pengurusan Harta bertanggungjawab bagi menguruskan penyewaan portfolio harta tanah serta *landbank* milik Universiti, mengurus dan menyelenggarakan data maklumat harta tanah, serta mengurus dan menyelenggara data maklumat harta tanah, mewujudkan serta menguruskan inventori ruang dan aset milik Universiti serta bertanggungjawab menguruskan pelupusan aset/harta dan penggantian aset/harta lupus bagi keseluruhan kampus Universiti Malaya.

Untuk tujuan tersebut, Bahagian Pengurusan Harta telah diberi Peruntukan 'One-Off' sejumlah **RM1,000,000.00** pada tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, sejumlah **RM867,400.00** telah dibelanjakan.

Dari segi pengurusan pelupusan aset/harta Universiti Malaya, nilai harta Universiti yang telah dilupuskan pada tahun 2014 adalah sejumlah **RM7,829,009.79** dengan perincian seperti berikut:

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	Pelupusan harta Universiti lebih daripada RM5,000.00 seunit	5,574,628.99
2.	Pelupusan harta Universiti kurang daripada RM5,000.00 seunit	2,254,380.80
<b>JUMLAH</b>		<b>7,829,009.79</b>

Manakala jualan aset /inventori lupus pada tahun 2014 adalah seperti berikut;

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	Peralatan ICT ( <i>as where is basis</i> )	20,380.10
2.	Lain-lain peralatan secara sisa besi	10,032.00
3.	Lain-lain peralatan secara sebutharga (perabot)	11,420.00
<b>JUMLAH</b>		<b>41,832.10</b>

Bahagian Pengurusan Harta turut menjana pendapatan Universiti Malaya melalui penyewaan tapak/ruang kepada pihak dalam mahu pun pihak luar Universiti. Jumlah anggaran pendapatan yang dijana bagi tahun 2014 adalah seperti berikut :

BIL.	BUTIRAN	PENYEWA TAPAK / RUANG	JUMLAH SEWA SETAHUN (RM)
1.	Telekomunikasi : Maxis	Fakulti Perubatan	1,025,404.00
		Fakulti Pergigian	
		Pejabat Bendahari	
		PALAPES UM	
		Kolej Kediaman Kinabalu	
		Bangunan IPS	
		Blok A Kampus Kota	
	Telekomunikasi : DiGi	Fakulti Perniagaan & Perakaunan	
		Bangunan IPS	
		Kolej Kediaman Kinabalu	
	Telekomunikasi : Celcom	Kolej Kediaman Ungku Aziz	
		Perpustakaan Za'ba	
		Kolej Kediaman Kinabalu	
		Perpustakaan Za'ba	
		Bangunan IPS	
		PALAPES UM	
		Wisma TM	
	Telekomunikasi : UMobile	Fakulti Kejuruteraan	
		Kolej Kediaman Ke 11	
	Telekomunikasi : Packet One	Fakulti Kejuruteraan	
Kolej Kediaman Ke 11			
YTL	Kampus Kota		
	Kampus Utama		
2.	Bank/Komersial/ Pejabat	Bank Simpanan Nasional	1,957,264.00
		Bank Islam Malaysia	
		Pejabat Pos	
		Bank CIMB	
		Kedai/ruang niaga	
		Kantin/kafe	
		Bid Directs Sdn. Bhd.	
		Kafeteria RU	
		Rumah U	
		Bangunan UMSC	
		RKU	
		RAQ Resources	
		3.	
Bank Islam			
4.	Papan Iklan	Mediaone Sdn. Bhd.	105,300.00
		Warisan Outdoor	

BIL.	BUTIRAN	PENYEWA TAPAK / RUANG	JUMLAH SEWA SETAHUN (RM)
5.	Mesin Vending	Sanow Enterprise	79,730.00
		Permanis Sdn. Bhd.	
		Du It Vending	
		MFS Ikhlas	
		IR Trading Sdn. Bhd.	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>3,185,306.00</b>

Bagi tahun 2014, Bahagian Pengurusan Harta telah memulakan kerja-kerja menginventori blok bangunan di dalam kampus utama bertujuan untuk mewujudkan sistem penomoran bangunan yang seragam dan teratur supaya dapat dikawal selia secara berpusat serta menjamin integriti data sesuatu aset; membolehkan data-data yang direkodkan di dalam pangkalan data adalah sentiasa berhubung kait dengan setiap bangunan yang terdapat di tapak/fizikal; mengelakkan berlakunya pertindihan dan kekeliruan kerana setiap ruang mempunyai kod yang berbeza; dan memudahkan pencarian dan pengemaskinian maklumat bangunan, ruang serta inventori/aset. Berikut adalah antara kod blok bangunan yang telah dilaksanakan :

#### (a) Pusat Asasi Sains



#### (b) Ambang Asuhan Jepun



# Bahagian Kejuruteraan Awam dan Pembangunan

## (a) Unit Kejuruteraan Awam

Unit Kejuruteraan Awam menyediakan sokongan infrastruktur dan kejuruteraan, sokongan alam sekitar, perumahan, penyelenggaraan aset dan kakitangan mahir untuk mereka bentuk kerja-kerja pengubahsuaian/peningkatan kemudahan, membina dan menyenggara kemudahan untuk Universiti Malaya dan memastikan semua infrastruktur utiliti berada dalam keadaan operasi yang baik dan selamat. Antara fungsi Kejuruteraan Awam adalah seperti berikut:

- Struktur utama bangunan dan struktur jalan
- Sistem bekalan air sejuk
- Sanitary/pembentungan dan sistem rawatan kumbahan
- Penyelenggaraan infrastruktur
- Perabot, kemasan dan kelengkapan
- Kerja-kerja pengubahsuaian

Penyelenggaraan Kejuruteraan Awam dibahagikan kepada tiga iaitu senggaraan pemulihan, senggaraan pencegahan dan senggaraan kecemasan.

Senggaraan pemulihan bermaksud sesuatu senggaraan yang dilakukan untuk membaiki kerosakan biasa yang terjadi supaya bangunan kembali kepada keadaan asalnya untuk memenuhi fungsi yang dikehendaki. Ia juga merangkumi senggaraan pencegahan iaitu bermaksud sesuatu senggaraan yang dibuat adalah mengikut perancangan, pemerhatian atau menggunakan kriteria yang ada bersesuaian dengan tujuan untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya kegagalan/kerosakan dalam sesuatu sistem.

Senggaraan kecemasan bermaksud sesuatu senggaraan di luar jangkaan perlu dilaksanakan dengan segera bagi mengelak dan mengurangkan berlakunya risiko keselamatan nyawa dan harta benda, kerosakan terhadap kajian akademik staf, pembaziran, upacara rasmi (keraian) dan supaya keselesaan pelajar serta staf tidak terganggu. Bagi tahun 2014 berikut adalah kerja-kerja penyelenggaraan dan projek yang dilakukan oleh Unit Kejuruteraan Awam:

Projek revival Tasik Varsiti



Sebelum



Selepas



1



2



3



4

- 1 Projek naiktaraf jalanraya sekitar kampus
- 2 Projek naiktaraf bumbung bocor seluruh kampus
- 3 Projek mitigasi banjir
- 4 Projek naiktaraf tanki dan sistem paip di rumah

Pada tahun 2014, peruntukan bagi Unit Kejuruteraan Awam adalah berdasarkan jumlah keseluruhan yang diterima oleh JPPHB. Justeru itu, perbelanjaan bagi setiap bahagian ditolak dengan jumlah keseluruhan peruntukan JPPHB dan Unit Kejuruteraan Awam telah mencatat perbelanjaan pada tahun 2014 seperti berikut:-

BIL	BUTIRAN	PERBELANJAAN (RM)
1.	Selenggara Bangunan	12,314,124.58
2.	Selenggara Jalan	2,325,479.30
3.	Selenggara Pembaikan Kecil	131,551.00
4.	Selenggara Perabot	7,415.00
5.	Asrama	1,469,957.16
<b>JUMLAH</b>		<b>16,248,527.04</b>

Pada keseluruhannya, Unit Kejuruteraan Awam telah berjaya mencapai objektifnya untuk menyediakan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti sekaligus memberi perkhidmatan dan khidmat sokongan yang diperlukan. Unit ini telah bekerja keras untuk membelanjakan peruntukan yang diberi bagi menyelenggara serta membaikpulih prasarana demi keselamatan para pelajar dan orang awam. Usaha-usaha pemuliharaan kualiti fizikal sedikit sebanyak telah berjaya meningkatkan imej kampus dan menampakkan persekitaran yang lebih mencerikan.

## (b) Unit Pembangunan

Berdasarkan Laporan Bulanan Prestasi Perbelanjaan mengikut projek sehingga 31 Disember 2014, siling yang telah diluluskan bagi membiayai projek RMK-10 adalah sebanyak RM 334.47 Juta. Jumlah perbelanjaan RMK-10 sehingga tempoh tersebut adalah sebanyak RM 268.58 Juta bersamaan 80.3% dari keseluruhan peruntukan yang diberikan kepada Universiti Malaya. Antara Fungsi Unit Pembangunan adalah seperti berikut:

- Merancang Projek
- Kajian Kesesuaian Projek
- Pengurusan Peruntukan dan Perancangan Kewangan Projek
- Pengurusan dan Pemantauan projek
- Pembangunan Infrastruktur dan Bangunan
- Penilaian semula projek (*Outcome* IPTA)

Untuk memastikan projek pembangunan di dalam Universiti Malaya dilaksanakan dalam keadaan yang terkawal dan dipantau dengan baik, status setiap projek akan dibentangkan kepada pihak pengurusan tertinggi Universiti secara berkala dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pembangunan Universiti Malaya (JPPUM) dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.

Keseluruhan projek-projek di bawah peruntukan RMK-10 (Sambungan RMK-9) telah pun siap dibina dan diduduki sepenuhnya pada 2012 di mana tahun 2013 adalah merupakan tempoh kecacatan bagi setiap projek tersebut. Kerja-kerja pembaikan dibuat secara berterusan oleh pihak Kontraktor sehingga tamat Tempoh Membaiki Kecacatan (*Defect Liability Period*). Projek-projek yang masih dalam fasa perancangan dan pembinaan sehingga Disember 2014 adalah merupakan projek-projek di bawah biayaan Kumpulan Wang Universiti dan dana-dana universiti dari PTJ-PTJ yang berkenaan. Projek-Projek yang dalam Pembinaan adalah seperti berikut:

- Bangunan Azman Hashim, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (Yayasan Azman Hashim – Fulcrum Capital Sdn. Bhd.)

- Bangunan Kompleks Inkubator Inovasi Universiti - I<sup>2</sup>U (Jabatan Kerja Raya)
- Bangunan Pusat Teknologi Maklumat (PTM) - (UM Holding)
- Bangunan Makmal Hub Penyelidikan Pascasiswazah, Fakulti Pendidikan – (UM Holding)
- Pembinaan Makmal & Bengkel 1 Blok 7 Tingkat di Fakulti Kejuruteraan
- Bangunan Stesen Penyelidikan Marin Fasa 2, Bachok, Kelantan

## Bahagian Kejuruteraan Mekanikal

Fungsi bahagian ini adalah bertanggungjawab bagi menguruskan penyelenggaraan sistem perkhidmatan mekanikal di kesemua bangunan di Universiti Malaya dan juga penyelenggaraan kenderaan rasmi milik Universiti Malaya.

### (a) Penyelenggaraan Sistem Mekanikal

Antara skop kerja-kerja penyelenggaraan sistem perkhidmatan mekanikal yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- Sistem penyaman udara:
  - Sistem penyaman udara jenis pusat seperti “*water cooled chiller*”, “*air cooled packaged*”, “*water cooled packaged*” dan sebagainya.
  - Sistem penyaman udara jenis berasingan (*split*) dan tingkap (*window*)
- Sistem pencegah kebakaran:
  - Sistem pancur basah (*sprinkler system*)
  - Sistem pencegah kebakaran jenis gas Pyroshield
  - Sistem penggera kebakaran jenis konvensional, “*semi-addressable*” dan “*addressable*”.
  - Sistem bantu mula (*hose reel*)
  - Alat pemadam api mudah alih (*dry powder* dan *gas CO<sub>2</sub>*)
- Sistem saluran pengudaraan.
- Sistem lif untuk penumpang, perkhidmatan dan *dumbwaiter*.
- Sistem gas petroleum cecair (LPG).
- Sistem pam air pusat dan penapis kolam renang.
- Sistem pam air kumbahan (tidak termasuk sistem perpaipan).
- Sistem bilik sejuk untuk penyelidikan.

Pada asasnya, penyelenggaraan sistem mekanikal adalah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu penyelenggaraan pemuliharaan (*corrective maintenance*) dan penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*).

Penyelenggaraan pemuliharaan (*corrective maintenance*) iaitu tindakan yang diambil untuk membaiki atau mengganti komponen supaya dapat berfungsi mengikut standard yang ditetapkan. Penyelenggaraan pemuliharaan tidak dapat dilakukan kerana komponen-komponen mekanikal mempunyai jangka hayatnya tersendiri dan kerosakan tetap akan berlaku.

Penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) pula adalah kerja-kerja yang diambil untuk memeriksa, servis, membaiki atau mengganti komponen atau sumber fizikal secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Tujuan utama ialah untuk mengurangkan risiko kerosakan sumber fizikal supaya ianya dapat beroperasi dengan cekap secara berterusan. Bagi tujuan penyelenggaraan pencegahan ini, kebanyakan sistem mekanikal mempunyai kontrak penyelenggaraan tahunan tersendiri.

Selain itu, bagi memastikan keselesaan dan keselamatan para pelajar dan kakitangan, banyak sistem perkhidmatan mekanikal sedia ada yang sudah usang telah dinaiktaraf. Sistem yang telah dilupuskan juga telah diganti baru dan pemasangan sistem-sistem baru yang melibatkan permohonan dari PTJ-PTJ termasuk kerja-kerja renovasi juga ada dilaksanakan.

## (b) Penyelenggaraan Kenderaan

Bahagian Kejuruteraan Mekanikal juga bertanggungjawab untuk menyelenggara kenderaan rasmi Universiti Malaya yang merangkumi kereta, motorsikal, van, pacuan empat roda, traktor, lori dan bas. Tugas bahagian ini adalah untuk memastikan kenderaan-kenderaan sentiasa “*road-worthy*” dan selamat kepada pengguna dan orang awam.

Pada masa sekarang, bilangan kenderaan yang perlu diselenggara di bawah tanggungjawab bahagian ini berjumlah 124 buah kenderaan kesemuanya, di mana ianya terdiri daripada:

- 50 buah kenderaan berat yang terdiri daripada bas (termasuk bas HEP), lori, pacuan empat roda dan traktor
- 74 buah kenderaan ringan yang terdiri daripada kereta, van dan motorsikal

Antara skop kerja-kerja bahagian kejuruteraan mekanikal (unit kenderaan) :-

- Servis berkala.
- Pembaikan kerosakan (*breakdown*).
- Penukaran alat ganti.
- Khidmat nasihat kepada PTJ (baikpulih).
- Perolehan kenderaan baru.
- Semakan untuk pelupusan kenderaan.

Pada tahun 2014, peruntukan sebanyak **RM10,349,119.53** telah dibelanjakan oleh Bahagian Kejuruteraan Mekanikal yang dibahagikan mengikut fungsi berikut:-

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN	PERBELANJAAN (RM)
Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Mekanikal ( <i>Aircond, lif, dumbwaiter</i> )	8,386,777.75
Penyelenggaraan Kereta/Motor/Traktor dll.	840,256.58
Penyelenggaraan Bas HEP	552,039.26
Penyelenggaraan Sistem Pencegah Kebakaran	570,045.94
<b>Jumlah</b>	<b>10,349,119.53</b>

Pada keseluruhannya, Bahagian Kejuruteraan Mekanikal telah berjaya mencapai objektifnya untuk menyediakan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti sekaligus memberi perkhidmatan dan khidmat sokongan yang diperlukan. Bahagian ini telah bekerja keras untuk membelanjakan peruntukan yang diberi secara berhemah bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan prasarana demi keselamatan dan keselesaan kepada warga kampus. Secara tidak langsung ianya dapat memberi manfaat kepada para pelajar dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran di Universiti Malaya.

## Bahagian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Bahagian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (BKEE) bertanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan dan memberi sokongan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Telekomunikasi kepada Universiti Malaya khasnya warga kampus dan orang awam.

Antara objektif utama BKEE adalah:

- Memastikan bekalan elektrik di UM berterusan dan sentiasa stabil termasuk semua sistem pemasangan elektrik dalam keadaan efisien dan selamat digunakan.
- Memastikan sistem telekomunikasi di UM sentiasa dalam keadaan baik dan efisien.
- Memastikan perkhidmatan yang diberi menepati objektif JPPHB.

Secara umumnya skop kerja BKEE terbahagi kepada 3 bahagian iaitu;

- Penyelenggaraan Sistem Pembahagian Elektrik - bermula dari Pencawang Utama (33KV) hingga ke litar akhir (240V) termasuk Sistem Janakuasa Tunggu Sedia.
- Penyelenggaraan Sistem Telekomunikasi - sistem PABX dan *walkie-talkie*
- Penyelenggaraan Sistem Pencegah Kilat di bangunan-bangunan universiti.

Sepanjang tahun 2014, untuk penyelenggaraan sistem pembahagian elektrik, pihak BKEE bertanggungjawab untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang melibatkan perkakasan dan pemasangan elektrik termasuklah membaik pulih kerosakan yang melibatkan pencawang-pencawang elektrik hingga ke litar akhir elektrik. Sistem perlindungan kilat yang rosak juga dibaiki dan dinaiktaraf di beberapa bangunan.

Begitu juga dengan kerja-kerja telekomunikasi seperti kerja-kerja pembaikan PABX yang ada, pengaktifan

PABX baru di bangunan baru, penambahan dan pendawaian kabel-kabel yang berkaitan akibat kerja-kerja renovasi & perpindahan pejabat.

BKEE juga bertanggungjawab dan terlibat dalam menyediakan perkhidmatan merekabentuk, menyediakan tawaran (sebutharga / tender), penyediaan kontrak dan menyelia kerja-kerja elektrik dan telefon bagi kerja-kerja pengubahsuaian, renovasi dan projek pembangunan di kampus utama dan cawangan / luar kampus. Ini juga termasuk meneliti & mengesahkan kerja-kerja kecil pembaikan & pengubahsuaian pendawaian untuk peralatan elektrik dan telefon serta memantau & mengesahkan kerja-kerja tersebut yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik.

BKEE juga terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan, renovasi dan pembaikan untuk bangunan-bangunan baru yang telah siap digunakan sepanjang tahun 2014 seperti Bangunan HIR (*High Impact Research*) Fasa 2 & 3 dan pembinaan bilik-bilik *The Cube* di seluruh kampus.

Secara tidak langsung pihak BKEE juga terlibat sama dengan projek-projek yang sedang berjalan & masih dalam pembinaan iaitu Bangunan Blok C (Fakulti Kejuruteraan), Bangunan Azman Hashim (Fakulti Perniagaan & Perakaunan), Bangunan Baru Pusat Teknologi Maklumat (PTM), Pusat Hub-Penyelidikan (Fakulti Pendidikan) dan Bangunan Inkubator UMCIC.

Langkah-langkah penjimatan yang dilakukan seperti pada tahun 2013 diteruskan oleh pihak BKEE antaranya memasang *motion sensor* untuk lampu tandas secara berperingkat di beberapa PTJ dan memasang lampu jenis cekap tenaga dari jenis T5 & LED. Kerja-kerja penggantian lampu jalan sedia ada dari jenis SON-T kepada lampu jalan jenis LED untuk Fasa 1 mula dipasang siap pada akhir tahun 2014 yang mana ianya melibatkan sepanjang Jalan Lingkungan Budi, Pintu Masuk Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Pemasangan untuk Fasa 2 dan 3 akan diteruskan dan dijangka siap pada tahun 2015.





- 1 Pencawang Elektrik 33KV
- 2 Lawatan dan pemeriksaan perkakasan elektrik
- 3 Power Quality Meter
- 4 Lampu jalan LED

Pemasangan *Power Quality Meter* elektrik di beberapa PTJ secara berperingkat telah siap dijalankan pada akhir tahun 2014. Tujuan pemasangan adalah bagi memudahkan proses pemantauan dan membuat analisis penggunaan tenaga elektrik oleh pengguna yang mana data-data yang diperlukan dapat diperolehi secara *online*.

Bagi penyelenggaraan berkala sistem elektrik dan telekomunikasi, pihak bkee bertanggungjawab mengurus kerja-kerja kontrak penyelenggaraan berkala berdasarkan prosedur yang telah dikeluarkan oleh suruhajaya tenaga, akta bekalan elektrik 1990 dan peraturan-peraturan elektrik 1994 dan lain-lain seperti;

- Penyelenggaraan penuh untuk selama dua puluh empat (24) bulan sistem pencegah kebakaran jenis  $CO_2$  sistem di pencawang elektrik & bilik suis utama (zon a dan b), Universiti Malaya.
- Lawatan dan pemeriksaan (*supervising*) pencawang, papan suis utama (MSB) dan semua peralatan terlibat selama dua belas (12) bulan atau dua puluh empat (24) bulan di seluruh Universiti Malaya.
- Penyelenggaraan secara '*non-comprehensive*' untuk selama dua belas (12) bulan janakuasa tunggu sedia (*genset*), Universiti Malaya.
- Penyelenggaraan untuk selama dua belas (12) bulan, sistem telekomunikasi di Universiti Malaya.

Untuk mencapai objektif bahagian bkee, pada tahun 2014, peruntukan telah disediakan kepada bahagian kejuruteraan elektrik & elektronik yang dibahagikan mengikut fungsi dan kategori akaun peruntukan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan sebenar untuk tahun 2014 adalah sebanyak **RM5,641,156.58** Seperti berikut:-

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN	PERBELANJAAN (RM)
Selenggara Sistem Pembahagian Elektrik	5,027,333.66
Penyelenggaraan Berkala Sistem Elektrik dan Telekomunikasi	157,735.12
Selenggara bangunan Canggih/Hijau	456,087.80
<b>Jumlah</b>	<b>5,641,156.58</b>

Pada keseluruhannya, Bahagian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik telah berjaya mencapai objektifnya untuk menyediakan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti sekaligus memberi perkhidmatan dan khidmat sokongan yang diperlukan. Bahagian ini telah bekerja keras untuk membelanjakan peruntukan yang diberi secara berhemah bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan prasarana demi keselamatan dan kebaikan kepada semua warga kampus dan orang awam.

# Pusat Teknologi Maklumat (PTM)

Pusat Teknologi Maklumat (PTM) sebagai penyedia perkhidmatan ICT sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan demi kecemerlangan Universiti.

Pada tahun 2014, PTM telah memulakan usaha bagi pembangunan, pelaksanaan dan pensijilan *Information Security Management System (ISMS) ISO/IEC 27001:2013*. ISMS merupakan kerangkakerja polisi dan prosedur yang merangkumi kawalan fizikal, teknikal dan perundangan yang terlibat di dalam proses pengurusan risiko maklumat sesuatu organisasi. Pengurusan keselamatan maklumat secara bersistem akan meningkatkan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan sesuatu maklumat yang dibekalkan. Pelbagai pengukuran dan pemantauan terhadap proses teras membolehkan PTM mengetahui keberkesanan tahap perkhidmatan dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya. PTM menjangkakan memperoleh pensijilan ISO/IEC 27001:2013 dalam masa terdekat.

Peningkatan mutu perkhidmatan seringkali bererti menilai semula proses dan amalan sedia ada. Ditambah pula dengan pempotongan peruntukan, Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu kreatif dalam penyediaan perkhidmatan. Hasilnya, beberapa proses kerja di PTM telah ditambahbaik. Antaranya, menggubal sebuah jawatankuasa bagi menilai permohonan bagi perkhidmatan ICT. Hanya permohonan yang berimpak tinggi dan di mana PTM mempunyai sumber (cth: tenaga kerja, kewangan) untuk menyediakannya diberi keutamaan. PTJ juga digalakkan menyediakan peruntukan bagi sesuatu permohonan ICT apabila PTM tidak mempunyai bajet mencukupi. Proses lain yang telah ditambahbaik ialah berkaitan pembaikpulih komputer. Melalui penambahbaikan proses tersebut, tenaga staf ICT di PTJ telah dimanfaatkan

di mana usaha membaikpulih komputer kini dikendalikan terus oleh PTJ sendiri. Ini sudah tentu memendekkan masa pembaikpulih berbanding pengendalian oleh entiti berpusat seperti PTM. Penambahbaikan proses ini juga bermakna PTM dapat menumpu kepada perkhidmatan teras dan kritikal seperti penyelenggaraan rangkaian, inovasi dan sebagainya. PTM juga terlibat di dalam penjana pendapatan. Pada tahun 2014, PTM telah memulakan inisiatif ini dan berjaya mendapat kutipan kasar sekitar RM60,000 bagi perkhidmatan ICT yang telah dikomersilkan.

Teknologi ICT yang sentiasa berevolusi memberi peluang kepada penyedia perkhidmatan ICT seperti PTM bereksperimen dengan teknologi baru. *Big Data* dan *Cloud* merupakan inisiatif terkini PTM. Beberapa perkhidmatan telah diletakkan di *Cloud*. *Big Data* pula digunakan untuk menganalisa pelbagai log yang terhasil dari transaksi elektronik.

Memperoleh bangunan baru menjadi agenda PTM sejak beberapa tahun lepas. Akhirnya pada tahun 2014, bajet diperuntukkan untuk pembinaan bangunan khusus bagi PTM. Bangunan tersebut dijangka siap pada tahun 2015.




# Pencapaian Utama

Berikut adalah aktiviti utama yang telah dijayakan oleh Pusat Teknologi Maklumat (PTM) pada tahun 2014.

## Big Data

Pelaksanaan *Big Data* adalah bertujuan untuk mengatasi cabaran menyediakan infrastruktur yang mampu menyokong data yang besar. Aktiviti seperti forensik dan pemantauan, penghasilan statistik yang melibatkan analisa ke atas *unstructured data* dari pelbagai sumber dijangka dapat memanfaatkan *Big Data*.



## Virtual Apps

*Virtual Apps* adalah sebuah portal bagi perisian/aplikasi berlesen yang diperolehi oleh UM. Perisian/aplikasi ini boleh dipasang di komputer yang berada di rangkaian Intranet UM. Projek ini memudahkan dan memantapkan pengurusan lesen perisian.

Faculty /Dept	Number of Labs	Total PC	Status
Wisma R&D	2	92	setup in progress
Faculty of Science	1	34	setup in progress
Faculty of Economy	2	89	setup in progress
Faculty of Computer Science & IT	1	42	setup in progress
Faculty of Engineering	3	99	setup in progress
<b>total PCs 5/2/15</b>		<b>356</b>	
Faculty /Dept	Number of Labs	Total PC	Status
Wisma R&D	2	88	Setup completed & POC in progress
Fac Science	1		set up in progress
FSKTM	1		set up in progress
Econs	1		set up in progress
Engineering	3		set up in progress

## Intrusion Prevention System (IPS)

IPS adalah satu peralatan yang digunakan bagi melindungi sesebuah organisasi dari serangan siber. Antara jenis serangan yang mampu ditepis ialah *Network Layer Attack*, *Application Layer Attack*, *Web Attack*, *Trojan*, *Malicious Website Access Control Attack* dan lain-lain.

## Penaiktarafan rangkaian tanpa wayar di kolej kediaman

Projek ini bertujuan untuk menambahbaik mutu perkhidmatan *wireless* di semua kolej kediaman. Hanya melibatkan pemasangan 900 unit *Wireless Access Point 802.11ac* dan dua unit *wireless controller*.




## Penggantian switch rangkaian

*Switch* rangkaian lama atau berkapasiti rendah diganti baru di semua kolej kediaman, Fakulti Sains Fakulti Perubatan, Fakulti Kejuruteraan. Dengan penggantian ini semua sambungan berkapasiti 100 Mbps dinaiktaraf kepada 1000 Mbps. Sesetengah sambungan pula dinaiktaraf dari 1 Gbps ke 10 Gbps.

## Sewaan talian internet tambahan berkapasiti 1 Gbps

Pada masa kini UM mempunyai talian internet berkapasiti 2 Gbps. Ia kini diguna pada tahap lebih 90%. Tambahan sebanyak 1 Gbps ini akan menjadikan jumlah kapasiti talian internet di kampus utama Universiti Malaya ialah 3 Gbps.


## Penggunaan Talian Internet Semasa



## Penggantian kabel gentian fiber

Kabel fiber lama atau berkapasiti rendah telah diganti baru di kolej-kolej kediaman, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains, Institut Pengajian Siswazah dan Institut Asia Eropah.

## Rangkaian Kolej-Kolej Kediaman



## Perolehan Komputer

Berikut adalah komputer yang telah dibeli pada tahun 2014 :

Bil.	Model	Jenis	Bilangan	Jumlah (RM)
1.	HP EliteDesk 840 G1	Desktop	1,000	2,486,000
2.	DELL Optiplex 9020 MT	Desktop	200	427,000
3.	DELL Vostro 5480	Laptop	100	298,000

## Penaiktarafan infrastruktur VMWare

VMware adalah satu infrastruktur bagi virtualisasi komputer pelayan. Melalui penggunaannya, bilangan komputer fizikal di Pusat Data dapat dikurangkan kerana komputer wujud secara *virtual*. PTM mempunyai 4 buah komputer fizikal VMware yang menjadi host kepada 150 buah pelayan virtual. Projek ini melibatkan penggantian komputer fizikal yang menyokong VMWare.

## Penaiktarafan Sistem Backup Berpusat

Sistem Backup merupakan satu infrastruktur bagi membuat salinan pendua (*backup*) terhadap data-data kritikal UM secara berjadual dan automatik. Sistem lama diganti memandangkan ia telah usang. Penaiktarafan dilakukan dalam 2 fasa. Penggantian sistem ini meningkatkan kecekapan, kapasiti dan kebolehpercayaan sistem tersebut.

## Pembangunan Sistem

Bil.	Nama Sistem	Bilangan Pembangunan
1.	<i>Student Information System Division (iSIS)</i>	9
2.	<i>Human Resource Information System Division (iHRIS)</i>	5
3.	<i>Finance Information System Division (FIS)</i>	7
4.	<i>Innovative Application Division (IAD)</i>	17
<b>Jumlah</b>		<b>38</b>

## Sistem Kemasukan Autonomi Ijazah Dasar Universiti Malaya

Sistem Kemasukan Autonomi Ijazah Dasar adalah satu sistem yang dibangunkan untuk membolehkan pelajar lepasan STPM/STAM, Matrikulasi atau Diploma/setaraf memohon masuk ke program Ijazah Dasar yang ditawarkan oleh Universiti Malaya. Sistem ini mempunyai 2 modul iaitu utama:

1. Modul Pemohon: Permohonan kemasukan online
2. Modul Pentadbir: Pemprosesan permohonan kemasukan

Tajuk	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Status
Sesi Kemasukan 2015/2016			
PERMOHONAN KEMASUKAN KE PROGRAM IJAZAH PERTAMA LEPASAN STPM/SETARAF SECARA AUTONOMI	19-01-2015 12:00 PM	06-04-2015 11:59 AM	BUKA

## Sistem e-Ticket bagi Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya

E-Ticket adalah sistem yang dibangunkan untuk mendaftar nama tetamu graduan yang akan menghadiri Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya. E-Ticket adalah satu kaedah percubaan bagi menggantikan pengedaran kad jemputan. Penyambut tetamu yang bertugas akan membuat imbasan pada tiket yang telah dibawa bersama sebelum tetamu dibenarkan masuk ke dewan.

## Pakej Yuran Semester Khas bagi Ijazah Dasar

Program ini dibangunkan bagi pengiraan yuran pakej semester khas bagi pelajar ijazah dasar pengambilan 2013 dan seterusnya.

## Staff Performance Management System (SPMS)

Sistem telah diubahsuai bagi memenuhi keperluan yang telah berubah terhadap KPI staf bukan akademik antaranya seperti penilaian rakan sekerja dan semakan SKT pertengahan tahun.

### Contoh Penilaian Akhir Tahun : Elemen Penilaian Rakan Sekerja/ Pegawai Seliaan

The screenshot shows the Performance Management System (PMS) interface. At the top, there are navigation buttons: '<< Kembali', 'Rekod', 'Markah', and 'Penilaian'. The main content area is titled 'Performance Management System (PMS)'. It contains two tables for evaluation. The first table is for 'RAKAN SEKERJA' (Colleagues) and the second is for 'PEGAWAI BAWAH SELIAAN' (Subordinates). Both tables have columns for 'No.', 'Nama', 'No. Staf', and 'Penilaian'. The 'RAKAN SEKERJA' table lists three entries with their names, staff numbers, and a 'Klik' button for evaluation.

RAKAN SEKERJA			
No.	Nama	No. Staf	Penilaian
1	HUZINETTA BINTI HAMDAN	00006626	Klik
2	MOHAMAD SAFWAN BIN JUSOF	00008974	Klik
3	SYED MOHD HAMDI BIN SAID ALI	00009023	Klik

PEGAWAI BAWAH SELIAAN			
No.	Nama	No. Staf	Penilaian

## Sistem e-Voting bagi Pemilihan Dekan/Pengarah

Sistem ini dibangunkan bagi memudahkan proses pemilihan jawatan Dekan dan Pengarah bagi Akademi, Fakulti dan Pusat Akademik.

The screenshot shows the E-Undi PTJ (E-Voting) interface. At the top, there are navigation buttons: 'Calon' and 'Undi'. The main content area is titled 'E-Undi PTJ'. It displays the election details: 'PEMILIHAN DEKAN/ PENGARAH 2015- PENGUJIAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)'. Below this, there is a instruction: 'Sila pilih tiga keutamaan dengan 'P1' adalah pilihan pertama dan 'P3' adalah pilihan terakhir setentang nama calon. Please write three priorities with 'P1' being the first priority and 'P3' the last priority against the name of the candidate.' A table shows the point allocation for each priority: P1 (3 points), P2 (2 points), and P3 (1 point). Below this, there is a table for selecting candidates for each priority. The table has two columns: 'Keutamaan Pilihan (In Order of Priority)' and 'Nama Calon (Name of Candidate)'. Each row corresponds to a priority level (P1, P2, P3) and shows a dropdown menu for selecting a candidate. Below the table, there is a 'PERAKUAN/DECLARATION' section with a checkbox and a text box for the user to confirm their selection. A 'Hantar Pemilihan' button is located at the bottom.

Keutamaan Pilihan (In Order of Priority)	Nama Calon (Name of Candidate)
P1 - 3 markah (3 points) *wajib/mandatory	--Sila Pilih/Please Choose --
P2 - 2 markah (2 points)	--Sila Pilih/Please Choose --
P3 - 1 markah (1 point)	--Sila Pilih/Please Choose --

## Laman Web Universiti Malaya

Laman Web UM yang baru telah direkabentuk semula dengan menggunakan *platform* Sitefinity. Ianya telah dilancarkan pada 9 September 2014.

## Repository UM

Platform *repository* sumber terbuka bernama ePrints telah dipasang di PTM. Sebanyak 90,000 buah penerbitan telah ditarik secara automatik masuk kedalam ePrints ini. Semua penerbitan akan masuk dan dikemaskini secara automatik pada setiap pengendalian penerbitan penyarah di sistem UMEP. Kini terdapat 2,800 artikel di *Google Scholar* melalui UMrepository ini.

## Membangun dan mengimplentasi Sistem e-Perolehan – Fasa 2

Sistem e-Perolehan telah dinaiktaraf di mana beberapa fungsi telah diwujudkan dan dilancarkan pada 15 April 2014. Sistem ini meningkatkan peratus permohonan dan pembayaran perolehan secara atas talian dan telah berjaya mengurangkan penggunaan kertas sebanyak 60% hingga 70%.

**Jadual 1: Perbandingan modul dalam Sistem E-Perolehan pada 2009 dan kini**

Modul	2009	2014
<b>Perolehan</b>		
Sebutharga	Ya	Ya
Portal Vendor	Ya	Ya
Tender	x	Ya
Kerja Segera	Ya	Ya
Rundingan Terus	x	Ya
Direct PO	x	Ya
Direct Invoice	x	Ya
Jaminan Bank	x	Ya
<b>Pembayaran</b>		
Janaan PO	x	Ya
Penghantaran DO oleh vendor	x	Ya
Penghantaran Inbois	x	Ya
Kelulusan PTJ	x	Ya
Kemaskini Aset	x	Ya
Kelulusan Bendahari	x	Ya
Debit Note & Credit Note	x	Ya
Factoring	x	Ya
Penilaian Pembekal	Ya	Ya

**Jadual 2 : Bilangan Sebutharga dan tawaran yang diterima dari 2011 – 2014**

Tahun	2011	2012	2013	2014
Bil. Sebutharga	4,586	19,997	20,922	60,797
Bil. Tawaran	59,407	103,946	112,490	219,133

**Jadual 3 : Bilangan pengguna bagi sistem perolehan pada tahun ini.**

Kategori Pengguna	Bilangan
Pembekal	11,411
Admin PTJ	427
Admin Perolehan	28
Pelulus	3,373
Pemohon	11,000



## RGMS dengan e-Perolehan

Sistem yang menguruskan bajet dan perbelanjaan geran penyelidikan yang sedia ada tidak diintegrasikan dengan sistem e-Perolehan. Justeru para penyelidik perlu mendapatkan kelulusan secara manual dan terpaksa memasukkan rekod pembelian. Projek ini dapat mengurangkan permohonan kelulusan dengan kertas, dapat mempercepatkan pembelian menggunakan geran penyelidikan, menjimatkan masa memasukkan data dan dapat menjamin kejituan data.


## Perkhidmatan Rakaman video

Rakaman video telah dijalankan untuk aktiviti/majlis UM dan pengajaran. Pada tahun 2014, sejumlah 87 rakaman telah dilakukan.



## Perkhidmatan Kandungan Multimedia

Menyediakan perkhidmatan pembangunan kandungan multimedia (*courseware interaktif*) termasuk MOOC. Sejumlah 4 kandungan multimedia telah dibangunkan.



## Perkhidmatan rakaman video ( Komersialisasi )

Menyediakan perkhidmatan rakaman dan *live webcast*. Bilangan rakaman video yang dilakukan adalah 8 rakaman dengan kutipan kasar sejumlah RM 64,720.00.



## Perkhidmatan Persidangan Video dan Surgery Live Telecast




Menyediakan perkhidmatan video conferencing dan *live surgery telecast* untuk Fakulti Perubatan dan PPUM. Pada tahun 2014, sebanyak 13 persidangan video dan 2 *live surgery telecast* dilakukan.


## Aktiviti Pemantauan

Infrastruktur ICT perlu dipantau bagi memastikan ia berada dalam keadaan baik. Pemantauan dilakukan secara berterusan oleh Pusat Teknologi Maklumat. Pemantauan secara berterusan dan berkala membolehkan sebarang aktiviti atau keadaan tidak normal dikesan dan ditangani sebelum ia menular dan memberi kesan negatif. Berikut adalah statistik bagi sebahagian aktiviti :

Statistik Pemantauan Kes Virus




Statistik Operasi Peer 2 Peer (P2P)



Pemantauan P2P dilaksanakan bagi mengurangkan 'copy right infringement ' dan kes trafik beban tinggi.

### Kes Phishing yang dikesan 2014




Statistik Pemantauan Kes Phishing

## Audit Aplikasi , Rangkaian & Pelayan


Aktiviti Audit Keselamatan ICT yang dilaksanakan ke atas aset ICT seperti Aplikasi, Pelayan dan Rangkaian sepanjang 2014 :-

- Audit Aplikasi (Acunetix)
- Audit Server (Acunetix, NMAP, Nessus)
- Audit Rangkaian (Nessus , NMAP)

Aktiviti Audit ini bertujuan mengesan risiko kelemahan yang boleh mengakibatkan masalah yang lebih serius yang berkemungkinan memberi kesan negatif kepada kelicinan pengoperasian sistem pengkomputeran dalam UM




## Pemantauan Insiden Keselamatan ICT




**Nota :** Statistik insiden ini adalah berdasarkan laporan insiden keselamatan ICT yang diterima oleh PTM dari agensi berkuasa dari luar seperti Jaring Abuse, MyCert, GCert dan Cyber Security Tahun 2014. Kes insiden paling tinggi pada tahun 2014 - Denial of Service (9 kes) dari 15 kes insiden 2014

### Statistik Ketersediaan Komputer Pelayan Utama




### Kebolehcapaian Rangkain Utama UM Jan.-Dis. 2014



## Perbelanjaan OCAR 2014

Rekod perbelanjaan bagi penyediaan dan penambahbaikan infrastruktur ICT yang dibiayai menggunakan peruntukan OCAR 2014 adalah seperti berikut :

Bil.	Jenis Perolehan	Jumlah (RM)
1.	Keperluan Rangkaian (Fiber optik, titik data, switch, AP)	2,422,182.75
2.	Pembelian komputer, komputer riba, Mac book	2,557,674.00
3.	Perkhidmatan Internet dan lease line	2,335,194.00
4.	Pembelian Server	1,087,045.00
5.	Perlanjutan warranti server & penyelenggaraan	668,944.05
6.	Memperbaharui lesen tahunan dan perisian	1,500,181.64
7.	Sistem	504,343.50
8.	Lain-Lain - pembelian CCTV, selenggara CCTV, pintu akses, kursus, selenggara peralatan ICT	1,535,944.65
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>12,631,509.59</b>



# Pembangunan Infrastruktur

Tahun 2014 menyaksikan beberapa projek pembinaan infrastruktur bangunan dan kemudahan penyelidikan yang dibangunkan baik di dalam kampus Universiti Malaya mahupun di luar kampus UM. Projek-projek dalam kerja-kerja pembinaan adalah seperti berikut:

## **Bangunan Azman Hashim, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (Yayasan Azman Hashim – Fulcrum Capital Sdn. Bhd.)**



## **Bangunan Kompleks Inkubator Inovasi Universiti - I<sup>2</sup>U (Jabatan Kerja Raya)**



### Bangunan Pusat Teknologi Maklumat (PTM) - (UM Holding)



### Bangunan Makmal Hub Penyelidikan Pascasiswazah, Fakulti Pendidikan - (UM Holding)



### Pembinaan Makmal & Bengkel 1 Blok 7 Tingkat di Fakulti Kejuruteraan





## Bangunan Stesen Penyelidikan Marin Fasa 2, Bachok, Kelantan





# Pustakawan

- Laporan Ketua Pustakawan
  - Perpustakaan Universiti Malaya
  - Muzium Seni Asia
  - Galeri Seni Universiti Malaya



Dr. Nor Edzan Haji Che Nasir

# Laporan Ketua Pustakawan

**S**epanjang tahun 2014, Perpustakaan berfungsi sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab Bukan Akademik yang berlandaskan kepada Prosedur Kualiti Pengurusan Perpustakaan yang digariskan dalam Pensijilan MS ISO 9001:2008 melalui:

1. UM-PT08-PK01 : Pembangunan Koleksi Perpustakaan
2. UM-PT08-PK02 : Perkhidmatan Pelanggan Perpustakaan
3. UM-PT08-PK03 : Urusan Pengendalian Pendidikan dan Latihan

Selain daripada itu, Perpustakaan menjalankan gerak kerja berpandukan kepada;

Misi dan visi ini disertai dengan nilai-nilai organisasi berikut:

1. Kami menyampaikan nilai dengan membuat jangkaan, mengkaji dan memberi tindak balas kepada perubahan dalam permintaan pengguna kami.
2. Kami memanfaatkan teknologi untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan cara yang paling cekap dan berkesan.
3. Kami komited untuk mewujudkan persekitaran menarik yang menyokong penyelidikan, pengajaran, pembelajaran, inovasi dan kolaborasi.

Tahun 2014 menyaksikan ramai kakitangan yang meninggalkan (bersara) Perpustakaan tetapi pada waktu yang sama Perpustakaan telah menerima kehadiran kakitangan baru. Sehingga 31 Disember 2014, Perpustakaan mempunyai seramai 46 orang kakitangan profesional, 164 orang kakitangan sokongan dan seorang pegawai projek. Pada 2014 juga menyaksikan perantikan Ketua Pustakawan, Dr. Nor Edzan Che Nasir dilantik sebagai Presiden bagi Persatuan Pustakawan Malaysia (2014 - 2016) dan wakil Malaysia ke OCLC *Asia Pacific Regional Council Executive Committee* (2014 - 2017). Pada 21 April 2014, Cik Pauziaah Mohamad telah dinaikkan pangkat ke jawatan Timbalan Ketua Pustakawan dan Encik Mohamad Faizal Hamzah telah memenangi Anugerah Cemerlang Universiti Malaya bagi kategori Staf Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) 2014.

Pembangunan koleksi Perpustakaan masih dijalankan dengan penambahan sumber maklumat dalam pelbagai bentuk dengan penekanan kepada bentuk elektronik. Perpustakaan masih meneruskan usaha untuk mempertingkatkan sumber elektronik dan mengurangkan pembelian bahan dalam bentuk bukan elektronik.

Sepanjang tahun 2014 juga, terdapat penambahan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan. *Gadget Corner* telah di bangukan dan berfungsi mulai 30 Mei 2014. Ruang ini menempatkan gajet yang boleh digunakan untuk mengakses maklumat digital. Perpustakaan juga telah mengubahsuai ruang di pintu belakang Perpustakaan dan menjadikannya *24-Hour Study Area*. Kerja-kerja untuk mewujudkan *Collaborative Learning Area* (CoLA) telah dimulakan pada penghujung tahun 2014. CoLA diwujudkan bagi menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif. Perpustakaan juga telah menempatkan dua buah mesin pemulangan buku layan diri (elektronik) bagi memudahkan pengguna memulang buku diluar waktu operasi Perpustakaan.

Muzium Seni Asia dan Galeri Seni Universiti Malaya masih diurus oleh Ketua Pustakawan. Sepanjang tahun 2014, kedua-dua Muzium dan Galeri menjadi penganjur dan tuan rumah kepada pelbagai pameran dan bengkel. Bilangan koleksi artifak dan lukisan juga bertambah dan disimpan dalam kadar yang baik.

Perpustakaan Universiti Malaya, Muzium Seni Asia dan Galeri Seni Universiti Malaya telah melalui 2014 dengan jayanya dengan beberapa pencapaian yang membanggakan. Pengurusan dan seluruh kakitangan mengharapkan agar tahun 2015 akan membawa ketiga-tiga organisasi ini ke tahap yang lebih tinggi.



# MISI

Bagi menyokong misi global Universiti Malaya, Perpustakaan menyediakan kepakaran profesional, pelbagai sumber maklumat, dan perkhidmatan berasaskan pengetahuan untuk memajukan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti

# VISI

Menjadikan Perpustakaan Universiti Malaya sebuah perpustakaan bertaraf dunia selari dengan aspirasi Universiti Malaya untuk penarafan dunia

# Perpustakaan Universiti Malaya

Dalam rangkaian Perpustakaan Universiti Malaya terdapat Perpustakaan Utama, tiga perpustakaan cawangan (Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Perubatan T.J. Danaraj dan Perpustakaan Undang-Undang Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim) dan tujuh perpustakaan khusus (Alam Bina, Pergigian, Kejuruteraan, Pengajian Melayu, Pengajian Islam di Kuala Lumpur dan di Nilam Puri (Kelantan), dan Bahasa & Linguistik). Perpustakaan juga menyediakan perkhidmatan kepada pelajar perubatan di Hospital Tengku Ampuan Rahmah Klang dan Hospital Banting, Selangor.

## PERKHIDMATAN

Pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan boleh diakses dari laman sesawangnya di <http://www.umlib.um.edu.my>. Perpustakaan juga menjejak kesemua penerbitan ilmiah Universiti melalui pelbagai pangkalan data sitasi. Pembangunan dan pencapaian Perpustakaan pula didokumentasikan melalui *Kekal Abadi : University of Malaya Library Bulletin* yang boleh dicapai di laman sesawangnya.

Perpustakaan telah menganjurkan *Library Carnival 2014* dari 17 hingga 20 September 2014 bagi memperkenalkan Perpustakaan kepada komuniti kampus terutamanya pelajar baru. Dalam usaha untuk mempertingkatkan perkongsian pengetahuan, Perpustakaan telah bergabung dengan Jabatan Sains Perpustakaan dan Maklumat, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat untuk menganjur *The 5<sup>th</sup> International Conference on Libraries, Information and Society (ICoLIS)* dari 4 hingga 5 November 2014.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 15 sesi latihan penggunaan pelbagai pangkalan data elektronik telah diadakan bagi memperkenalkan pengguna kepada pangkalan data ini. Perpustakaan telah menerima dan melatih 11 orang pelajar sains maklumat dan perpustakaan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan seorang pelajar dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi program praktikum.

Perpustakaan juga telah melatih seorang pustakawan undang-undang dari Kadir, Andri & Partners Law Firm di Perpustakaan Undang-Undang dari Ogos hingga Oktober 2014. Selain daripada itu, Perpustakaan telah memberi latihan kepada seorang Pembantu Perpustakaan dari Perpustakaan Universiti Malaya dan dua orang Pembantu Perpustakaan dari universiti lain yang mengikuti program sains maklumat dan perpustakaan. Nasihat dan bimbingan juga telah diberikan kepada Pembantu Perpustakaan yang bertugas di Jabatan Geografi di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Perpustakaan telah menggunakan beberapa platform media sosial sebagai alat komunikasi iaitu Facebook, Google+, Instagram, Twitter dan Youtube. Facebook Perpustakaan (*The University of Malaya Library*) mendapat 18,724 *likes* sementara Twitter Perpustakaan (@UMalayaLib) mempunyai 564 pengikut sejak ianya diperkenalkan pada 7 Januari 2013. Perpustakaan juga menyelenggarakan blog (<http://umlibweb.wordpress.com>) dan pada penghujung 2014, 19 blog telah dimuatnaik dengan 40,343 pengikut.

Kesemua bahan yang terdapat di Perpustakaan boleh dikesan melalui Katalog Atas Talian (OPAC) yang dikenali sebagai *Pendeta Discovery* (<http://pendeta.um.edu.my/client/default>). Seperti tahun sebelumnya, *Pendeta Discovery* telah

melalui beberapa proses perubahan termasuk antaramuka sesawang yang baru dan kompilasi sumber dalam subjek khusus. Bagi Interaktif Portal (<http://www.diglib.um.edu.my/interaktif/>) pula, Perpustakaan telah membangunkan *Books on Approval e-Services* dan *Acquisition Request e-Services*. Perpustakaan telah mula menggunakan aplikasi mobil seperti *BookMyne App* untuk *Pendeta Discovery*.

## PEMBANGUNAN KOLEKSI

Perpustakaan telah memperolehi sebanyak 6,912 naskhah bahan bukan elektronik pada tahun 2014. Sebanyak 5,702 judul (7,019 naskhah) bahan bukan elektronik lagi telah diterima dalam bentuk hadiah dari orang perseorangan dan institusi. Ini telah meningkatkan jumlah koleksi Perpustakaan kepada (1,370,037) tajuk dengan 2,499,740 naskhah.

Melalui dana dari Kementerian Pendidikan Malaysia melalui *Malaysian Online E-Resources Consortium* (MOLEC), Perpustakaan telah melanggan kepada enam (6) pangkalan data (*Academic Search Premier, Business Source Complete, ProQuest Digital Dissertations & Theses, Scopus, Bernama Library & Infolink Service*). Perpustakaan juga memulakan langganan kepada enam (6) pangkalan data baru iaitu *Al Manhal, China Knowledge Infrastructure (CKNI), Empire Online, Islamic Finance News, American Physical Society (APS) Journals and IOP Science Publishing eBooks*. Pada penghujung tahun 2014, jumlah akses kepada Interaktif Portal Perpustakaan (<http://www.diglib.um.edu.my/interaktif/>) meningkat sebanyak 4.12% dari tahun sebelumnya kepada 703,730.

### Koleksi Perpustakaan Universiti Malaya sehingga 31 Disember 2014

SUMBER CETAK		
Monograf	655,753 tajuk	1,163,243 naskhah
Jurnal berjilid	10,948 tajuk	236,034 naskhah
Manuskrip	319 tajuk	403 naskhah
Braille	764 tajuk	764 naskhah
<b>Jumlah</b>	<b>667,784 tajuk</b>	<b>1,400,444 naskhah</b>
SUMBER BUKAN-BUKU		
Tesis elektronik	3,841,148 tajuk	3,841,148 naskah
Cakera padat	6,573 tajuk	11,354 keping
CD-ROM	266 tajuk	266 keping
Video (VCD & DVD)	1,075 tajuk	1,838 keping
Filem	193 tajuk	194 gelendung
Jalur filem	29 tajuk	161 keping
Kit	19 tajuk	22 set
Microfilem	6,963 tajuk	8,817 gelendung
Microfis	17,483 tajuk	27,959 keping
Mikrofis ERIC	665,904 tajuk	665,904 keping
Peta	95 tajuk	95 mukasurat
Piawaian	16,623 tajuk	16,623 naskhah
Piring hitam	1,637 tajuk	1,637 keping
Pita audio	3,124 tajuk	5,853 gelendung
Pita audio digital	51 tajuk	197 gelendung

Pita gulung	15 tajuk	238 gelendung
Pita video	1,953 tajuk	2,264 gelendung
Poster	52 tajuk	52 mukasurat
Slaid	7 tajuk	7 keping
<b>Jumlah</b>	<b>4,563,210 tajuk</b>	<b>4,584,629 bahan</b>
<b>JUMLAH MENGIKUT TAJUK DAN NASKHAH</b>	<b>5,230,994 tajuk</b>	<b>5,985,073 bahan</b>
<b>JURNAL</b>		
Elektronik	35,908 tajuk	
Cetak - hadiah	834 tajuk	
<b>Jumlah</b>	<b>36,742 tajuk</b>	
<b>PANGKALAN DATA</b>		
Sumber elektronik	86 tajuk	
Buku elektronik	14 tajuk	
Jumlah	100 tajuk	
<b>JUMLAH MENGIKUT TAJUK</b>	<b>5,267,836 tajuk</b>	

Untuk meningkatkan visibiliti penerbitan ilmiah Universiti, Perpustakaan meneruskan usahanya dalam membangunkan repositori institusi. Repositori-repositori institusi ini mengumpul, memelihara dan menyebarkan hasil ilmiah Universiti dan sepanjang tahun 2014 bilangan bahan yang dimasukkan ke dalam repositori-repositori institusi ini meningkat.

### **Koleksi Digital Perpustakaan Universiti Malaya sehingga 31 Disember 2014**

<b>REPOSITORI EPRINTS</b>	
Research Repository	8,564 bahan
Students' Repository	3,922 bahan
Common Repository	6,227 bahan
<b>Jumlah</b>	<b>18,713 bahan</b>



REPOSITORI LAIN	
UM Memory	4,486 imej
UM in the News	8,484 keratan
Malaysian Arts	1,492 keratan
Kertas persidangan	1,272 bahan
Kertas peperiksaan	9,831 bahan
<b>Jumlah</b>	<b>25,565 bahan</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>44,278 bahan</b>

## PENGGUNA

Seramai 10,060 orang ahli baru telah mendaftar dalam tahun 2014. Ahli-ahli baru ini terdiri daripada prasiswazah (4,879), pascasiswazah (3,574), ahli akademik (117), pentadbir (106), ahli luar (106) dan lain-lain (1,278).

Sepanjang tahun ini, Perpustakaan juga telah menerima kunjungan 392 orang pelawat antarabangsa dari Bangladesh, Holland, Indonesia, Iran, Iraq, Japan, Laos, Libya, Nigeria, Oman, Filipina dan Thailand serta 547 orang pelawat tempatan. Seramai 2,518 orang pelajar dan guru dari sekolah rendah dan menengah tempatan (Malaysia) telah berkunjung ke Perpustakaan. Selain daripada itu, Perpustakaan juga menerima 6,915 orang pelawat harian dari universiti tempatan, kolej swasta serta sektor awam dan swasta.

## PENDIDIKAN PENGGUNA

Sepanjang tahun 2014, Perpustakaan mengendalikan pelbagai program pendidikan pengguna untuk menjadikan ahli akademik dan pelajar celik maklumat. Seramai 5,320 orang ahli akademik dan pelajar telah menghadiri program-program yang dikendalikan oleh Perpustakaan. Program-program yang telah diadakan ialah:





- Kursus dan Bengkel Kemahiran Maklumat di Perpustakaan Utama.
- Kursus dan Bengkel Kemahiran Maklumat di Perpustakaan Pergigian.
- Kursus dan Bengkel Kemahiran Maklumat di Perpustakaan Undang-undang.
- Kursus dan Bengkel Kemahiran Maklumat di Perpustakaan Perubatan.
- Sesi Metodologi Penyelidikan.
- Bengkel ISI .
- Bengkel EndNote.
- Sesi Kemahiran Maklumat.

Seramai 2,517 orang prasiswazah telah mendaftar dan menghadiri Kursus Kemahiran Maklumat GXEX1401, kursus satu kredit wajib Universiti. Sesi Kemahiran Maklumat telah dihadiri oleh 2,518 orang pascasiswazah dan 285 orang ahli akademik.

## Muzium Seni Asia

Muzium Seni Asia yang telah dirasmikan pada tahun 1980 merupakan pusat pengumpulan artifak dari Thailand, Kemboja, Vietnam, China, Jepun, India dan Iran. Perolehan artifak adalah melalui pembelian atau secara sumbangan dari penderma. Sehingga Disember 2014, Muzium mempunyai koleksi 5,524 buah artifak dan bilangan ini tidak termasuk kepingan tembikar yang juga terdapat dalam koleksi di sini.

Koleksi Muzium merupakan ukiran batu, lukisan Islam dari negara-negara Asia, bahan anyaman, bahan tembaga, senjata dan layang-layang. Muzium dikendalikan oleh dua orang kurator yang mana seorang daripadanya merupakan Ketua Muzium, dan dibantu oleh enam orang kakitangan sokongan.

Sepanjang tahun 2014, Muzium telah menerima kunjungan 3,500 orang pelawat tempatan dan antarabangsa serta menjalankan 21 aktiviti:

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Pameran Solo Ismadi Sallehuddin: Arjuna	18 Januari - 18 Februari
2.	Syarahan Umum Juhari Said: Bagai Kera Kena Belacan	8 Februari
3.	Mesyuarat Meja Bulat MyUMNet	17 - 18 Mac
4.	Pameran <i>Big Picture</i>	3 - 30 Mac



BIL.	AKTIVITI	TARIKH
5.	Persembahan dan Pameran Wayang Kulit: <i>The Abduction of Sita by Rawana</i>	4 April - 4 Mei
6.	Pameran <i>Outreach</i> Karnival Jom Masuk UM 2014	18 - 19 April
7.	Hari Muzium Antarangsa Peringkat Kebangsaan, Selangor	15 - 19 Mei
8.	Pameran Berkumpulan: <i>Seeking MH370</i>	10 Mei - 10 Jun
9.	Aktiviti Membuatik Sempena Summer Fair 2014, Lot 10, Bukit Bintang	11 - 12 Jun
10.	Pameran Shiboritik	14 -30 Jun
11.	Pameran Kalam: <i>An Exhibition of University Malaya Islamic Calligraphy</i>	7 Julai - 7 Ogos
12.	Pameran: <i>Sacred Structures: Artistic Renditions of Hindu Temples in Southeast Asia</i>	4 Ogos - 5 September
13.	DIY: Teknik <i>Tie &amp; Dye</i>	6 Ogos
14.	Pameran Tunku 57@57, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka	5 September - 30 Oktober
15.	Ceramah Professor Sam Carter: <i>Murals: Art And Walls</i>	10 September
16.	Kursus Pembangunan Fotografi dan Videografi Artifak: <i>I Am Heritage</i>	22 - 23 September
17.	Pameran Art Expo 2014, MATRADE	25 - 28 September
18.	Pameran Malaysia hingga Canada Interculture Exhibition: <i>Indigenous Identities</i>	1 - 30 November
19.	Pameran: <i>The Crescent Moon hingga The Asian Face of Islam in New Zealand</i>	12 November - 13 Disember
20.	Pameran: Watikah hingga <i>A Moment in Time</i>	24 November 2014 - 23 Februari 2015
21.	Festival Gambus: <i>The Instrument of Unity</i>	21 Disember

## Galeri Seni Universiti Malaya

Sepanjang tahun 2014, Galeri Seni Universiti Malaya (UMAG) meneruskan usahanya menjadi tuan rumah kepada pelbagai pameran dan telah mengambil bahagian dalam banyak aktiviti. Pada awal tahun 2014, seramai enam (6) orang Artis Residen bertugas di Galeri iaitu Juhari Said, Long Thien Shih, Sam Karuna, Wong Siew Lee, Stephen Menon dan Ramli Ghani. Walau bagaimana pun, pada penghujung tahun, UM hanya mengekalkan Sam Karuna dan Stephen Menon sebagai artis residen. Galeri diketuai oleh Ketua Muzium Seni Asia dan beliau dibantu oleh dua orang kurator

Galeri telah dikunjungi lebih kurang 12,000 orang pelawat tempatan dan antarabangsa dan telah terlibat dalam 24 aktiviti:

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Pameran Solo Ambassador Dato' Mohd Yusof bin Ahmad: <i>Un Viaggio Con Colori</i>	2 - 30 Januari
2.	Pertunjukan Batik <i>Inaugural</i> Pusat Kebudayaan	5 - 31 Januari

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
3.	Pameran Berkumpulan: <i>Reflection</i>	10 Februari - 9 Mac
4.	Pameran Solo Maamor Jantan: <i>Figment of Imagination</i>	1 April - 30 Mei
5.	Pameran Pelajar UM : <i>Chinese Calligraphy</i>	14 April - 14 Mei
6.	Pameran: Hari Muzium Antarabangsa	15 - 18 Mei
7.	Pameran: Hari Jazz Antarabangsa	17 - 18 Mei
8.	Intervensi Klinikal Seni Tampak Therapeutik Untuk Murid-Murid Bermasalah Pembelajaran	2 Jun
9.	Reunion UM Agriculture Graduate Association: UMAGA Homecoming	6 Jun
10.	Majlis Pelancaran <i>Single Artis</i> – Artis Syarikat Rakaman ALIBI MUSIC	17 Jun
11.	Pameran Berkumpulan: <i>Incomplete is Complete</i>	23 Jun - 25 Julai
12.	Majlis Pelancaran <i>Cards &amp; Calendars in Aid for Children with Cancer</i> oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Dr. Nazrin Shah	27 Jun
13.	Pameran Berkumpulan: <i>Journal of Tropical Mood</i>	2 - 30 Julai
14.	Pameran Berkumpulan Chinese Caligraphy: <i>Love Heart 13</i>	4 Ogos - 9 September
15.	Majlis Pelancaran Kamus Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) Inggeris-Melayu oleh YBhg. Tan Sri Lee Lam Tai, Chairman of SP Setia Foundation	17 Julai
16.	Pameran Fotografi oleh Jurufotografi ICR: <i>Kontras</i>	5 Ogos - 5 September
17.	Pameran Berkumpulan: APS Bangkit	11 Ogos - 12 September
18.	Pameran Fotografi Seba Asma El Mourabiti dari Viva Palestina: <i>A Suspended Life</i>	3 - 30 September
19.	Pameran Solo Luca S. Idilli: <i>Behind and Beyond</i>	8 September - 10 Oktober
20.	Pameran Bersama Pelukis Malaysia dan China: <i>2Gether</i>	1 - 30 Oktober
21.	Pameran Solo Rube Jamal: <i>Intensity</i>	17 Oktober - 19 November
22.	Pameran Fotografi anuran bersama Swiss Embassy, International Committee of the Red Cross (ICRC) dan Malaysia Red Crescent (MRC): <i>150 Years of Humanitarian Action</i>	3 - 30 November
23.	Pameran KUAZ (Kolej Kediaman ke 11): <i>UM with Love</i>	22 Disember 2014 – 30 Januari 2015
24.	Pameran berkumpulan: <i>HATI</i>	26 Disember 2014 – 30 Januari 2015





# Diari Peristiwa Universiti Malaya



BIL.	PROGRAM	ANJURAN	TARIKH
<b>JANUARI</b>			
1.	Pameran Solo Ambassador Dato' Mohd Yusof bin Ahmad: <i>Un Viaggio Con Colori</i>	Galeri Seni UM	2 - 30
2.	Pertunjukan Batik Inaugural Pusat Kebudayaan	Galeri Seni UM	5 - 31
3.	<i>Asian Leadership Summit 2014</i>	Institut Kepimpinan Pendidikan	9
4.	Amanat Naib Canselor 2014	Pejabat Naib Canselor	10
5.	Pameran Solo Ismadi Sallehuddin: Arjuna	Muzium Seni Asia	18 Januari - 18 Februari
6.	The Road to Academic Excellent Workshop	Pejabat Naib Canselor	20
7.	Syarahan Perdana bertajuk " <i>The Realisation of a Dream</i> " oleh Profesor Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud, Fakulti Perubatan	Fakulti Perubatan	22
8.	Majlis Perasmian 18 <sup>th</sup> GACC XVIII Pertandingan Catur Antara Varsiti Antarabangsa	Kolej Kediaman Ke-2	23
9.	Majlis Pelancaran Buku Sains Solat dan Klinik Audit Solat	Fakulti Kejuruteraan	27
<b>FEBRUARI</b>			
1.	Majlis Penyampaian Sijil Tamat Kursus Rancangan Persediaan Khas Jepun 2013/2014	Ambang Asuhan Jepun Pusat Asasi Sains	6
2.	Syarahan Umum Juhari Said: Bagai Kera Kena Belacan	Muzium Seni Asia	8
3.	Pameran Berkumpulan: <i>Reflection</i>	Galeri Seni UM	10 Februari - 9 Mac
4.	Pertandingan Debat Terbuka ASTAR Universiti Malaya 2013/2014	Kolej Kediaman Pertama	10
5.	Sidang Media Penemuan Fosil bukti kewujudan Dinosaur di Pahang	Pejabat Naib Canselor	20
